

**ANALISIS STRATEGI PENTERJEMAHAN  
PERIBAHASA MELAYU KE BAHASA ARAB**

**NURULHANIS BINTI IBRAHIM**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2014**

**ANALISIS STRATEGI PENTERJEMAHAN  
PERIBAHASA MELAYU KE BAHASA ARAB**

**NURULHANIS BINTI IBRAHIM**

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2014**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **NurulHanis Binti Ibrahim**

(No. K.P/Pasport: **880313-23-5002** )

No. Pendaftaran/Matrik: **TGA100013**

Nama Ijazah: **Sarjana Pengajian Bahasa Moden**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu ke Bahasa Arab**

Bidang Penyelidikan: **Penterjemahan Melayu-Arab**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh : 26 Mac 2014

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh : 26 Mac 2014

Nama: Dr. Mat Taib Bin Pa  
Jawatan: Penyelia

## ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai penterjemahan peribahasa Melayu ke bahasa Arab. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis strategi penterjemahan peribahasa Melayu ke bahasa Arab daripada sebuah Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris yang dijadikan sebagai data kajian. Pemilihan sampel adalah jenis pensampelan bertujuan kerana hanya memfokuskan kepada 60 ungkapan peribahasa Melayu berunsur haiwan sahaja. Reka bentuk kajian ialah kaedah kualitatif dan berfungsi sebagai kajian kes jenis deskriptif. Proses menganalisis strategi penterjemahan peribahasa adalah berlandaskan lima jenis Taksonomi Larson (1998). Rentetan daripada analisis strategi penterjemahan, ketepatan padanan maksud peribahasa Melayu dengan terjemahannya ke bahasa Arab dinilai. Kemudian, temu bual dilakukan ke atas penutur jati Arab seramai 12 orang dan dikategorikan sebagai pensampelan kebarangkalian. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman responden ke atas terjemahan peribahasa Melayu ke bahasa Arab. Hasil dapatan kajian mendapati strategi penterjemahan yang kerap digunakan oleh penterjemah ialah strategi ketiga iaitu menggantikan peribahasa Melayu dengan peribahasa Arab yang mempunyai maksud yang sama dengan jumlah 47 kali (52.98%) dan juga terdapat satu strategi baru yang terhasil daripada analisis strategi. Manakala dari segi ketepatan padanan maksud, terdapat 15 peribahasa Arab (17%) yang tidak menepati padanan maksud peribahasa Melayu. Hasil temu bual mendapati tahap kefahaman responden ke atas terjemahan peribahasa Melayu ke bahasa Arab adalah di tahap sederhana. Selain itu, penggunaan strategi ketiga menunjukkan jumlah tertinggi bagi jawapan yang betul iaitu 19 (79%). Maka, kajian ini menunjukkan strategi yang berkesan untuk digunakan dalam menterjemah peribahasa adalah strategi ketiga kerana responden berjaya memahami peribahasa Melayu yang digantikan dengan peribahasa Arab.

## **ABSTRACT**

This study discusses about the translation of Malay proverb into Arabic language. The main purpose of this study was to analyze the strategies used in translating Malay proverb into Arabic according to Proverb Dictionary of Malay-Arabic-English. The sample was selected using the method of purposive sampling which only focused on 60 Malay animal proverbs. The method used in this study is descriptive case study which is based from qualitative method. The process of analyzing these translation strategies are based on the five types of Larson's Taxonomy (1998). Based on the sequence of the translation strategy analysis, the accuracy of meaning's compatibility in Malay proverb was compared to the Arabic proverbs translation and evaluated. Then, interview was conducted on 12 Arabic native speaker. The method of choosing the respondent was done according to probability sampling method. The purpose on doing so is to identify the level of respondents' understanding on Malay proverbs after translated into Arabic. The findings of this study showed that the most frequent translation strategies used by the translator is the third strategy which replaced the Malay proverb with Arabic proverb that has the same meaning with a total of 47 times (52.98%). Moreover, a new strategy is discovered within the analysis strategy. While in terms of the accuracy of meaning's compatibility, there are 15 Arab proverb (17%) that did not have the same meaning with the Malay proverb. Based on the interviews, the finding shows that the level of respondents' understanding on Malay proverbs after translated into Arabic was moderate. In addition, the strategy with the highest number of correct answers during the interview is the third strategy with a total of 19 (79%). Therefore, the most effective strategy in translating the proverbs is the third strategy because the respondents were able to understand Malay proverb that has been replaced with Arabic proverb.

## DEDIKASI

*Teristimewa Buat :*

*Suami dicintai dunia dan akhirat... Mohd. Zaki bin Zadir*

*Terima kasih atas sokongan dan dorongan yang tidak putus*

*Hanya redhamu yang ku harapkan darimu...*

*Bonda dicintai... Rodziah binti Hj Ali*

*Gurahan kasih sayangmu sentiasa kurasai setiap masa...*

*Tanpa sedikit pun keluhan kau lantunkan dari bibirmu sepanjang mendidikku*

*Ayahanda disayangi ... Ibrahim bin Ab. Rahman*

*Segala nasihat dan galakan yang sentiasa kau ungkapkan menjadi pemangkin  
semangat ku menggapai kejayaan*

*Datukku Hj. Ali bin Hussin dan nenek ku Saharah binti Timan yang disayangi,*

*senantiasa mendoakan cucumu dalam apa jua urusan dan  
dorongan dari kalian berdua tidak akan ku sia-siakan.*

*Kekanda-kekanda dan adinda-adindaku dikasihi*

*Terima kasih mendoakan kejayaan kita bersama demi membalas pengorbanan  
bonda dan ayahanda kita.*

*Sebagai tanda syukur kami kepada-Mu Ya Allah*

## **PENGHARGAAN**

Segala puji-pujian kepada Allah S.W.T, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Sesungguhnya tiada kekuatan melainkan kekuatan-Mu ya Allah. Alhamdulillah kerana dengan izin serta kurnia dari-Nya kajian ini dapat disempurnakan dengan baik.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Prof. Dr. Zuraidah binti Mohd Don, Dekan Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya yang telah memberi peluang dan ruang kepada pengkaji untuk meneruskan pengajian di peringkat Sarjana Pengajian Bahasa Modern. Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah yang memberi pelbagai nikmat sepanjang menyempurnakan disertasi ini. Semuanya dengan izin Allah.

Sejuta penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada Dr. Mat Taib bin Pa selaku penyelia dan pensyarah yang senantiasa membimbing dengan nasihat yang membina dan tunjuk ajar sepanjang proses menyiapkan penulisan disertasi ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah-pensyarah yang dihormati iaitu Prof. Madya Dr. Mohammad bin Seman, Dr. Mohd. Zaki bin Abd. Rahman, Dr. Wan Hassan bin Wan Mat, Dr. Ahmad Fikri bin Hj. Hussin, Prof. Dr. Salahuddin bin Mohammad Shamsuddin dan Dr. Ahmad Arifin Bin Sapar yang telah mencurahkan ilmu, menyumbang pandangan dan berkongsi semangat kepada pengkaji sepanjang pengajian dan penyediaan disertasi ini. Tunjuk ajar kalian amat bermakna bagi pengkaji sebagai pelengkap diri untuk menyumbangkan ilmu kepada masyarakat.

Ribuan terima kasih juga kepada semua tenaga pengajar dan kakitangan Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya khususnya kepada pihak Pejabat Ijazah Tinggi Fakulti Bahasa dan Linguistik, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik. Begitu juga kepada kakitangan di Perpustakaan Dar Al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sentiasa menghulurkan khidmat dan kerjasama di sepanjang tempoh penulisan disertasi ini. Semoga Allah. S.W.T membalas jasa-jasa kalian dunia dan akhirat.

Akhir kalam, kepada dua insan yang disayangi iaitu ibu ayah yang tidak jemu mendoakan kejayaan pengkaji dunia dan akhirat. Juga kepada suami yang dicintai serta tidak dilupakan adik-beradik yang dikasihi yang banyak membantu sepanjang pengajian pengkaji. Semoga Allah. S.W.T membalas jasa-jasa kalian dunia dan akhirat.

أَمِينَ... يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ  
جزاكم الله خير الجزاء

NurulHanis Binti Ibrahim  
T.L102, Sri Paya Sengkang Batu 20,  
84800 Bukit Gambir, Ledang, Johor.  
26 Mac 2014 bersamaan 25 Jamadilawal 1435H  
hanis\_peace1303@yahoo.com.my



## **ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>DEDIKASI</b>	<b>v</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vi-vii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>viii-xiii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN KATA</b>	<b>xvi</b>
<b>JADUAL PEDOMAN TRANSLITERASI</b>	<b>xvii-xviii</b>
<b>BAB PERTAMA : PENGENALAN</b>	<b>1-21</b>
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang	2
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Definisi Konsep	12
1.7.1 Analisis	12

1.7.2	Strategi	13
1.7.3	Penterjemahan	14
1.7.4	Peribahasa	15
1.7.5	Bahasa Melayu	15
1.7.6	Bahasa Arab	17
1.8	Rangka Kajian	19
1.9	Penutup	21
 <b>BAB KEDUA : PERIBAHASA DAN PENTERJEMAHANNYA</b>		 <b>22-82</b>
2.0	Pendahuluan	22
2.1	Peribahasa	23
2.1.1	Peribahasa Mengikut Konteks Bahasa Melayu	23
2.1.1.1	Definisi Dan Konsep Peribahasa Melayu	23
2.1.1.2	Pertumbuhan Peribahasa Melayu	25
2.1.1.3	Fungsi Peribahasa	28
2.1.1.4	Jenis-jenis Peribahasa Melayu	29
	(a) Simpulan Bahasa	31
	(b) Perumpamaan	32
	(c) Bidalan	34
	(d) Pepatah	35
	(e) Kata-Kata Hikmat	37
2.1.2	Peribahasa Mengikut Konteks Bahasa Arab	41
2.1.2.1	Definisi Dan Konsep Peribahasa Arab	41

2.1.2.2	Pertumbuhan Peribahasa Arab	45
2.1.2.3	Jenis-jenis Peribahasa Arab	46
(a)	Peribahasa Daripada Peristiwa	46
(b)	Peribahasa Daripada Tasybīh	46
(c)	Peribahasa Daripada Kata-Kata Hikmat	46
(d)	Peribahasa Daripada Sajak/Puisi	47
(e)	Peribahasa Daripada Al-Qur'an Al-Karim dan Ḥadīth	47
2.2	Penterjemahan	48
2.2.1	Definisi Dan Konsep Penterjemahan	49
2.2.2	Syarat Penterjemah	50
2.2.3	Proses Terjemahan	52
2.3	Penterjemahan Peribahasa	57
2.3.1	Kesukaran Menterjemah Peribahasa	57
2.3.2	Strategi Penterjemahan Peribahasa	59
2.3.2.1	Strategi Eugene A. Nida (1964)	60
2.3.2.2	Strategi Beekman dan Callow (1974)	64
2.3.2.3	Strategi Peter Newmark (1992)	65
2.3.2.4	Strategi Mildred L. Larson (1998)	66
2.3.2.5	Strategi Quwaydīr (2000)	69
2.3.2.6	Strategi Ainon Mohd. dan Abdullah Hassan (2008)	70
2.3.2.7	Strategi Norizah Ardi et.al. (2009)	71
2.3.2.8	Strategi Mona Baker (2011)	72
2.4	Kajian-kajian Lepas Yang Berkaitan	76

2.4.1	Kajian Berkaitan Peribahasa	76
2.4.2	Kajian Berkaitan Penterjemahan Peribahasa	79
2.5	Penutup	82
 <b>BAB KETIGA : METODOLOGI KAJIAN</b>		<b>83-95</b>
3.0	Pendahuluan	83
3.1	Reka Bentuk Kajian	83
3.2	Pemilihan Sampel	84
3.2.1	Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris	84
3.2.2	Responden Kajian	85
3.3	Pengumpulan Data	86
3.3.1	Instrumen Kajian	86
3.3.1.1	Jadual Analisis	87
3.3.1.2	Soalan Temu Bual	88
3.3.1.3	Jadual Peribahasa Arab Yang Ditemu Bual	90
3.3.2	Prosedur Pengumpulan Data	90
3.4	Penganalisan Data	91
3.4.1	Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab (JASPPMA)	91
3.4.2	Temu Bual Bersama Penutur Jati Arab	94
3.5	Penutup	95

<b>BAB KEEMPAT : ANALISIS KAJIAN</b>	<b>96-185</b>
4.0 Pendahuluan	96
4.1 Analisis Strategi dan Ketepatan Padanan Maksud Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab	96
4.1.1 Analisis Terperinci	96
4.1.2 Analisis Keseluruhan	155
4.1.2.1 Analisis Dari Sudut Strategi Penterjemahan	155
4.1.2.2 Analisis Dari Sudut Ketepatan Maksud	165
4.2 Analisis Temu Bual Bersama Penutur Jati Arab	168
4.2.1 Maklumat Profil Penutur Jati Arab	169
4.2.2 Analisis Kefahaman Maksud Peribahasa	171
4.2.2.1 Analisis Pengetahuan Peribahasa	171
4.2.2.2 Analisis Tahap Kefahaman Peribahasa	173
4.2.2.3 Analisis Pengetahuan Dan Tahap Kefahaman Peribahasa	182
4.3 Penutup	185
 <b>BAB KELIMA : RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	 <b>187-195</b>
5.0 Pendahuluan	187
5.1 Rumusan Kajian	187
5.1.1 Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu ke Bahasa Arab	187
5.1.2 Ketepatan Padanan Maksud Penterjemahan Peribahasa Melayu ke Bahasa Arab	189
5.1.3 Tahap Kefahaman Maksud Peribahasa	191

5.2	Cadangan	192
5.2.1	Pihak Tertentu	192
5.2.2	Kajian Lanjutan	194
5.3	Penutup	195
<b>BIBLIOGRAFI</b>		<b>196-201</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>202-217</b>
<b>LAMPIRAN A</b>	<b>Senarai Peribahasa Melayu-Arab</b>	<b>202</b>
<b>LAMPIRAN B</b>	<b>Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab (JASPPMA)</b>	<b>207</b>
<b>LAMPIRAN C</b>	<b>Surat Kepada Responden Kajian</b>	<b>208</b>
<b>LAMPIRAN D</b>	<b>Surat Kebenaran Mengumpul Data</b>	<b>209</b>
<b>LAMPIRAN E</b>	<b>BAHAGIAN (A) - Maklumat Profil Responden</b>	<b>210</b>
<b>LAMPIRAN F</b>	<b>BAHAGIAN (B) -1. Soalan Temu Bual Semi Berstruktur</b>	<b>211</b>
<b>LAMPIRAN G</b>	<b>BAHAGIAN (B) -2. Jadual Peribahasa Arab (JPA) Yang Ditemu Bual</b>	<b>212</b>
<b>LAMPIRAN H</b>	<b>Contoh Soalan Dan Transkripsi Temu Bual</b>	<b>213</b>
<b>LAMPIRAN I</b>	<b>Borang Pengesahan Semakan Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab (JASPPMA), Soalan Temu Bual dan Jadual Peribahasa Arab (JPA) Yang Ditemu Bual</b>	<b>217</b>

## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>	<b>Tajuk Jadual</b>	<b>Halaman</b>
2.1	Klasifikasi Jenis Peribahasa Melayu	30
2.2	Perbezaan Jenis-jenis Peribahasa Melayu	39
4.1	Peribahasa yang Menggunakan Strategi Pertama	156
4.2	Peribahasa yang Menggunakan Strategi Ketiga	157
4.3	Peribahasa yang Menggunakan Strategi Kelima	160
4.4	Peribahasa yang Menggunakan Strategi Keenam	162
4.5	Peratusan Penggunaan Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu ke Bahasa Arab	163
4.6	Peribahasa Arab yang Tidak Menepati Padanan Maksud Dengan Peribahasa Melayu Daripada Strategi Ketiga	166
4.7	Peribahasa Arab yang Tidak Menepati Padanan Maksud Dengan Peribahasa Melayu Daripada Strategi Kelima	167
4.8	Maklumat Profil Responden Penutur Jati Arab	170
4.9	Jadual Analisis Pengetahuan Peribahasa	172
4.10	Jadual Analisis Tahap Kefahaman Peribahasa	181
4.11	Jadual Analisis Pengetahuan dan Tahap Kefahaman Peribahasa	185

## SENARAI RAJAH

<b>No. Rajah</b>	<b>Tajuk Rajah</b>	<b>Halaman</b>
1.1	Peta Penyebaran Bahasa Austronesia di Dunia	17
1.2	Peta Penyebaran Bahasa Afroasia di Dunia	19
2.1	Kategori Bahasa Kiasan	25
2.2	Jenis-Jenis Peribahasa Melayu	31
2.3	Model Proses Penterjemahan	53
3.1	Reka Bentuk Penyelidikan	87
4.1	Kekerapan Penggunaan Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu ke Bahasa Arab	163
4.2	Peratusan Peribahasa Arab yang Tidak Menepati Padanan Maksud Peribahasa Melayu	168
4.3	Graf Analisis Pengetahuan Peribahasa	171
4.4	Graf Analisis Tahap Kefahaman Peribahasa	181



## SENARAI SINGKATAN KATA

BA	Bahasa Arab
BM	Bahasa Melayu
BI	Bahasa Inggeris
et al.	ditulis oleh lebih daripada satu orang penulis
JASPPMA	Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab
JPA	Jadual Peribahasa Arab
PM	Peribahasa Melayu
PA	Peribahasa Arab
P(1)	Peribahasa Pertama
P(2)	Peribahasa Kedua
P(3)	Peribahasa Ketiga
P(4)	Peribahasa Keempat
P(5)	Peribahasa Kelima
P(6)	Peribahasa Keenam
t.t	Tanpa Tahun

## JADUAL PEDOMAN TRANSLITERASI

Transliterasi ini berpandukan kepada Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi Edisi Kedua (2008) yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka telah dipilih dalam menukar perkataan Arab ke ejaan rumi. Berikut adalah senarai jadual transliterasi tersebut :

### a) Huruf-Huruf Konsonan

Bil.	Lambang Arab	Nama Huruf	Transliterasi	Contoh Penggunaan
1.	ء	hamzah	'	sa'ala - سَأَلَ
2.	ب	bā'	b	bakhila - بَخِلَ
3.	ت	tā'	t	tarjama - تُرْجِمَ
4.	ث	thā'	th	thaqula - ثَقُلَ
5.	ج	Jīm	j	jama'a - جَمَعَ
6.	ح	ḥā'	ḥ	ḥasala - حَصَلَ
7.	خ	khā'	kh	khadama - خَدِمَ
8.	د	dāl	d	dakhala - دَخَلَ
9.	ذ	dhāl	dh	dhahaba - ذَهَبَ
10.	ر	rā'	r	raḥima - رَحِمَ
11.	ز	zāy	z	zahara - زَهَرَ
12.	س	sīn	s	sakata - سَكَتَ
13.	ش	syīn	sy	syaraḥa - شَرَحَ
14.	ص	ṣād	ṣ	ṣabara - صَبَرَ
15.	ض	ḍād	ḍ	ḍaraba - ضَرَبَ
16.	ط	ṭā'	ṭ	ṭalaḥa - طَلَحَ
17.	ظ	ẓā'	ẓ	ẓalima - ظَلِمَ
18.	ع	‘ayn	‘	sa‘ala - سَعَلَ
19.	غ	ghayn	gh	gharaba - غَرَبَ
20.	ف	fā'	f	faḍīlaṭ - فَضِيلَةٌ

21.	ق	qāf	q	qadara - قَدَرَ
22.	ك	kāf	k	kasaba - كَسَبَ
23.	ل	lām	l	lasiqa - لَصِقَ
24.	م	mīm	m	masaḥa - مَسَحَ
25.	ن	nūn	n	nafara - نَفَرَ
26.	ه	hā'	h	hadafa - هَدَفَ
27.	و	wāw	w	wasala - وَصَلَ
28.	ي	yā'	y	yatima - يَتِمَ
29.	ة	tā'marbūṭat	t	qawīyyat - قَوِيَّةٌ

**b) Huruf-Huruf Vokal Pendek**

Bil.	Lambang Huruf	Transliterasi	Contoh Penggunaan
1.	ا	a	akrama - أَكْرَمَ
2.	ي	i	mimsaḥat - مِمْسَحَةٌ
3.	و	u	kursiyy - كُرْسِيٌّ

**c) Huruf-Huruf Vokal Panjang**

Bil.	Lambang Huruf	Transliterasi	Contoh Penggunaan
1.	آ	ā	qāla - قَالَ
2.	إِ	ī	qīla - قِيلَ
3.	أُ	ū	maktūb - مَكْتُوبٌ

**d) Diftong**

Bil.	Lambang Huruf	Transliterasi	Contoh Penggunaan
1.	أَوْ	aw	awraq - أَوْرَاقٌ
2.	أَيَّ	ay	Sībawayh - سِيبَوَيْهٍ

**e) Tasydīd**

Apabila sesuatu huruf Arab disyaddahkan (tasydīd), gandaan huruf dalam transliterasi digunakan seperti contoh huruf يّ dalam perkataan ماليزيّ yang ditulis Malaziyy.

## **BAB PERTAMA**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Ibarat sungai dengan airnya, begitulah eratnya hubungan antara bahasa dengan budaya sebagai elemen pelengkap yang memperlihatkan keindahan, keunikan dan keistimewaan sesebuah tamadun, bangsa mahupun negara. Hubungan kedua-duanya dalam bidang terjemahan penting untuk diterokai nilainya sebagai usaha murni sarjana linguistik dan para penterjemah dalam mengembangkan ruang lingkup terjemahan yang bukan hanya tertumpu kepada teks-teks keagamaan malah meliputi genre-genre khazanah budaya bangsa dan masyarakat.

Di era kemodenan ini, sumbangan teori kepada semua bidang tidak dapat dipertikaikan kerana yang pasti, teori memberi gambaran bahawa sesuatu bidang atau disiplin dimantapkan dalam bentuk perbincangan kajian yang bersistematik, telus dan diperkukuhkan oleh pembuktian sesuatu dapatan. Begitu juga dengan perkembangan dalam bidang linguistik yang merapatkan jurang antara bidang terjemahan dan bahasa dalam pembentukan teori. Hubungan dua hala ini membolehkan aplikasi teori linguistik dalam bidang terjemahan (Norwati, 2005:247-248).

Pelbagai definisi terjemahan diutarakan oleh para penterjemah dan sarjana linguistik. Walaupun pandangan mereka berbeza tetapi menjurus matlamat yang sama untuk menghasilkan terjemahan yang mengekalkan bentuk dan mesej teks asal supaya difahami pembaca. Menurut Catford (1996:1), penterjemahan ialah proses menukarkan teks dari bahasa sumber kepada satu teks dalam bahasa sasaran di mana ia merupakan satu operasi

yang dilakukan pada bahasa. Sementara itu, Norizah et al. (2009:2-3) turut menyatakan bahawa ‘terjemahan’ wujud daripada perkataan bahasa Arab iaitu ‘*tarjamah*’ yang bermaksud mentafsirkan perkataan dengan menggunakan perkataan dalam bahasa yang lain atau dengan lebih mudah difahami apabila melibatkan dua bahasa iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Oleh yang demikian, definisi di atas selaras dengan pandangan Newmark (1992:10) yang mengatakan bahawa, penterjemahan mendedahkan kesenian yang terkandung dalamnya usaha memindahkan teks bertulis ke dalam bahasa lain. Akibat dari usaha inilah, berlakunya sedikit sebanyak penghilangan makna kerana faktor-faktor tertentu. Jelas menggambarkan bahawa, usaha menterjemah bukan sesuatu yang mudah kerana memerlukan pelbagai kepakaran untuk menghasilkan terjemahan yang difahami oleh pembaca sasaran.

### **1.1 Latar Belakang**

Masyarakat, kebudayaan dan pemikiran sebuah bangsa saling berkait rapat dengan bahasa yang dituturkan. Pelbagai peninggalan khazanah budaya dan nilai kehidupan telah membentuk ikatan jalinan dengan elemen tersebut yang diwarisi oleh bahasa ibunda setiap penutur. Menerusi peribahasa misalnya, sehingga kini hasilnya masih kekal segar mengabadikan nilai budaya bangsa, menyerlahkan kekreatifan dan ketinggian pemikiran sesebuah bangsa dalam penciptaan peribahasa bersumberkan alam sekeliling.

Peribahasa Melayu merupakan salah satu cabang ilmu dalam kesusasteraan lama. Ia telah berakar umbi dalam masyarakat Melayu sejak sekian lama sehinggakan tokoh sejarawan tidak dapat menyatakan dengan tepat tarikh kewujudannya. Sementara peribahasa di sisi

masyarakat Arab merupakan antara seni yang tertua. Sejarah telah membuktikan bahawa peribahasa merupakan khazanah yang berharga bagi orang Arab yang telah wujud sejak berzaman lagi (Mohd. Sukki, 2005:497).

Namun begitu, menurut Lim (2003) dalam Maserah (2005:5) berpendapat bahawa antara unsur yang sukar untuk diterjemahkan adalah unsur budaya kerana keunikannya yang tersendiri dan konsepnya bersifat kompleks. Hal ini sealiran dengan pandangan Puteri Roslina (2012:117) yang melihat kerja penterjemahan bukan sekadar merupakan proses linguistik malah merupakan satu penglibatan budaya.

Justeru itu, penterjemahan perlu seiring bersama dalam menterjemahkan bahasa dan menyampaikan maklumat kebudayaan yang terkandung dalam teks asal tanpa mengubah maksudnya. Kita menyedari bahawa, faktor perbezaan budaya dan bahasa yang menyebabkan para penterjemah tidak dapat mengelakkan diri daripada menukar maksud pengarang teks asal dengan sengaja (Vijaya, Disember 2011:25).

Oleh itu, kajian berkenaan penterjemahan peribahasa Melayu (PM) ke bahasa Arab (BA) ini merupakan cabang bahasa kiasan yang dibincangkan dalam bidang penterjemahan kerana mengkaji dua bahasa dan budaya yang berbeza. Benar apa yang dinyatakan oleh Puteri Roslina (2012:1) bahawa aktiviti penterjemahan merupakan platform yang sangat berperanan sebagai penyebar ilmu pengetahuan untuk memberi ruang kepada masyarakat mengetahui serba sedikit budaya daripada masyarakat berlainan.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Kamus peribahasa yang hanya khusus mengandungi peribahasa Melayu-Arab masih kurang diterbitkan secara meluas berbanding dengan bahasa lain seperti Kamus Peribahasa Melayu-Inggeris, Kamus Peribahasa Inggeris-Melayu, Peribahasa dan Ungkapan (Inggeris-Melayu) dan Kamus Peribahasa (Bahasa Melayu-Bahasa Cina). Jika dikaji daripada aspek budaya, sudah semestinya wujud perbezaan budaya Melayu dengan budaya Inggeris dan budaya Cina. Begitu juga antara peribahasa Melayu (PM) dengan peribahasa Arab (PA) yang turut berpengaruh disebabkan oleh makna budaya dan sosial dalam masyarakat masing-masing.

Amir (2009:ix) turut menyuarakan pendapatnya bahawa kita sudah mempunyai kamus Inggeris-Melayu, maka mengapa tidak diterbitkan kamus dwibahasa yang menjurus kepada peribahasa dan ungkapan kedua-dua bahasa tersebut? Alangkah baiknya jika ada bahan rujukan seumpamanya yang dapat menampilkan padanan, takrif dan ayat sebagai contohnya sekali. Hal ini sedikit sebanyak dapat menyelesaikan masalah penterjemahan yang berkaitan peribahasa dan ungkapan.

Kamus peribahasa yang menghimpunkan peribahasa Melayu-Arab masih kurang diterbitkan dan diperbaharui. Begitu juga dengan Kamus Peribahasa Melayu-Arab lengkap yang mempunyai maksud berserta contoh ayat dan ditambah dengan falsafah atau pemikiran yang berlatarbelakangkan sebab kewujudan ungkapan PM dan PA (*sabab wurūd al-amthāl*) juga masih belum ada. Sedangkan, kepentingannya dalam membantu pelajar sekolah dan universiti, para penterjemah, warga pengajar, pengkaji bahasa khususnya yang ada kaitan dengan bidang penterjemahan dan perbandingan budaya khususnya mereka yang menceburkan diri dalam bidang BA.

Dalam konteks PM, Ahmad ‘Uthman Bajunid (1999) sebagai penyusun dan penterjemah Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris telah menterjemahkan PM ke BA. Beliau telah memilih pendekatan penterjemahan secara umum dalam menterjemahkan PM ke BA dengan kenyataannya iaitu :

*“Oleh kerana terjemahan harfiah tidak dapat dilaksanakan dengan tepat, maka kami menterjemahkannya berdasarkan makna dan maksudnya sahaja”.*

(Ahmad ‘Uthman Bajunid, 1999:5)

Apa yang dikatakan oleh Ahmad (1999) memerlukan penelitian kepada pelbagai strategi penterjemahan peribahasa melalui bermacam sumber. Realitinya, pengetahuan mengenai strategi atau teori penterjemahan peribahasa menjadi landasan dan keutamaan kepada penterjemah untuk menterjemahkan PM ke BA.

Apabila PM diterjemahkan ke BA, kemungkinan wujud pula masalah untuk menyesuaikan terjemahan PA dengan budaya Arab kerana tidak mempunyai padanan yang serupa dengan budaya Melayu. Maka, usaha ini sebagai lontaran idea pengkaji ke arah kesinambungan bidang penterjemahan.

Senarionya, jika seorang penterjemah berhadapan dengan sesuatu PM contohnya, *‘bagai kelip-kelip terbang malam’*, sudah tentu penterjemah perlu memikirkan apakah peribahasa yang sesuai untuk menyatakan maksud yang sama dalam BA. Persoalannya, walaupun terdapat pelbagai strategi penterjemahan peribahasa, namun apakah strategi terjemahan sepadan yang perlu diaplikasikan oleh penterjemah untuk memindahkannya ke dalam BA? Persoalan berikutnya, adakah padanan maksud PM dengan terjemahannya ke BA tepat? Kemungkinan pada kiraan atau pandangan penterjemah, peribahasa yang diterjemahkan ke



BA adalah sama maksud dengan PM. Kajian ini ingin mengkaji bagaimana PM diterjemahkan ke dalam BA seperti mana kajian lain yang menterjemah metafora, idiom, kolokasi dan sebagainya.

Ungkapan peribahasa di atas melibatkan unsur haiwan iaitu kelip-kelip. Menurut Goh (November, 2009:1), lambang atau objek merupakan salah satu unsur yang penting dalam pembentukan peribahasa. Melalui pengamatan dan pengalaman hidup, lambang yang wujud di persekitaran dijadikan objek untuk membayangkan sesuatu makna baik secara tersirat dalam bentuk bahasa, iaitu peribahasa. Justeru itu, dalam penterjemahan peribahasa, unsur lambang adalah penting sebagai penentu pendekatan penterjemahan. Maksudnya, tahap kebolehterjemahan lambang dalam peribahasa bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran akan menentukan pendekatan penterjemahannya. Dalam penterjemahan peribahasa, terjemahan secara harfiah tidak digalakkan. Sebaliknya, peribahasa dalam bahasa asal (BM) mestilah diberikan padanan peribahasa yang sewajarnya dalam bahasa sasaran (BA). Contohnya PM, *'Air tenang jangan disangka tiada buaya'*. Jika diterjemahkan secara harfiah sebagai *'الْمِيَاهُ الْهَادِئَةُ لَا تَظُنُّ أَنَّهَا خَالِيَةٌ مِنَ التَّمْسَاحِ'*, penutur jati pun tidak akan faham terjemahan ini. Dalam BA memang ada peribahasa yang sepadan maknanya dengan makna peribahasa tersebut tetapi terjemahan maknanya tidak sepenuhnya sama dengan PM iaitu *'النَّهْرُ الْهَادِيُّ خَفٌّ مِنْهُ'* dengan terjemahannya iaitu sungai yang tenang, takutlah atau waspadalah terhadapnya.

Berdasarkan dua contoh peribahasa di atas, ungkapan peribahasa tersebut melibatkan penggunaan unsur haiwan iaitu '*kelip-kelip*' dan '*buaya*'. Persoalannya, adakah penutur jati Arab memahami PM yang diterjemahkan ke BA? Oleh yang demikian, kajian ini perlu dilaksanakan sebagai memenuhi kelompangan dalam bidang penterjemahan kerana penyelidikan sebelum ini lebih menumpukan terjemahan Arab-Melayu dan masih jarang ditemui kajian berkaitan strategi penterjemahan peribahasa secara khusus.

### **1.3 Objektif Kajian**

Bertitik-tolak daripada pernyataan masalah di atas, kajian ini akan berfokus kepada tiga objektif utama iaitu :

1. Menganalisis strategi yang diaplikasikan oleh penterjemah bagi menterjemah peribahasa Melayu ke bahasa Arab.
2. Menilai ketepatan padanan maksud peribahasa Melayu dengan terjemahannya ke bahasa Arab.
3. Mengenal pasti tahap kefahaman penutur jati Arab ke atas terjemahan peribahasa Melayu ke bahasa Arab.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Berikutnya adalah persoalan kajian yang dibina dalam kajian ini :

1. Apakah strategi yang diaplikasikan oleh penterjemah bagi menterjemah peribahasa Melayu ke bahasa Arab?
2. Adakah padanan maksud peribahasa Melayu dengan terjemahannya ke bahasa Arab tepat?

3. Adakah penutur jati Arab memahami peribahasa Melayu yang diterjemahkan ke bahasa Arab?

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Peribahasa merupakan satu bentuk komunikasi lisan dan tulisan yang sering digunakan oleh kebanyakan masyarakat tidak terkecuali bangsa Melayu dan Arab. Kebanyakan teks Melayu masih kurang diterjemahkan ke dalam BA sedangkan khazanah budaya Melayu perlu dikongsi bersama budaya lain dan diperluaskan melalui seni terjemahan ini. Contohnya, menterjemah peribahasa, cerita-cerita rakyat, sari kata filem Melayu dan sebagainya.

Kajian ini dapat menghuraikan serta membuktikan kemampuan teori terjemahan yang digunakan untuk menangani PM ke BA kerana amalan terjemahan bermula apabila wujudnya pertembungan antara dua budaya dan bahasa yang berbeza. Kewujudan teori dalam bidang terjemahan ini akan menyemarakkan, mengukuhkan serta menjadikan teori terjemahan lebih komprehensif.

Oleh sebab itu, kajian terhadap Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris adalah signifikan kerana memerlukan kepada penganalisan strategi terjemahan yang digunakan oleh penterjemah untuk menterjemah PM ke BA yang membolehkan para penterjemah menilai kesesuaian strategi terjemahan dan melatih diri untuk mengatur strategi bagi membuat penyelesaian. Usaha menterjemah peribahasa ini penting demi kemajuan bidang penterjemahan Melayu-Arab dan sumbangan kepada perkongsian ilmu penterjemahan.

Memang sudah menjadi lumrah dalam bidang penterjemahan bahawa tiada terjemahan Arab-Melayu dan Melayu-Arab yang dianggap sempurna. Pasti terdapat beberapa kelemahan di sana sini kerana adalah mustahil masyarakat Arab yang mempunyai ciri-ciri dan latar belakang kehidupan yang tersendiri mempunyai budaya yang seratus peratus serupa dengan budaya masyarakat Melayu. Aspek-aspek yang berkaitan dengan geografi seperti keadaan bentuk muka bumi, iklim dan seumpamanya adalah antara penyebab kepada wujudnya perbezaan budaya Arab dan Melayu. Kelainan-kelainan ketara yang terdapat dalam masyarakat Arab menyebabkan penterjemah berbangsa Melayu yang kurang menguasai konteks budaya masyarakat Arab menghadapi pelbagai masalah dalam menterjemahkan teks berbahasa Arab tersebut ke dalam BM dan juga sebaliknya (Anzaruddin, 2005:460-461).

Abdul Rahman (2003:331) berdasarkan pengalaman beliau menyatakan bahawa, terjemahan dalam kalangan orang Melayu dari BM (L1) ke dalam BA (L2) ‘amat jarang’ dilakukan. Mungkin disebabkan kerana ianya lebih susah dan mencabar kemampuan bahasa penterjemah. Penterjemah harus mempunyai kemahiran berbahasa Arab pada tahap yang amat baik.

Berdasarkan sebuah laporan kajian bertajuk “Pengajaran Dan Pembelajaran Peribahasa Arab Di Peringkat Sekolah Menengah Agama Di Malaysia (2012)”, hasil kajian oleh Wan Hassan Wan Mat bersama Mohd Zaki Abdul Rahman telah menyumbang dan menjelaskan bahawa kepentingan dan peranan peribahasa dalam bidang pendidikan. Kajian ini menjadi sokongan kepada kajian pengkaji untuk menghasilkan kajian bidang penterjemahan dalam skop peribahasa kerana asas kepentingannya adalah peribahasa.

Selain itu, keperluan kajian ini tertumpu kepada beberapa pihak secara khususnya dalam memartabatkan bidang penterjemahan dan peribahasa itu sendiri antaranya pihak guru dan pensyarah BA, pelajar sekolah dan universiti, penterjemah dan pengkaji. Diharapkan kajian bidang penterjemahan Melayu-Arab ini sentiasa berterusan penghasilannya dari semasa ke semasa dalam pelbagai bentuk seperti kajian ilmiah dan seumpamanya.

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian ini hanya terbatas kepada Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris hasil terjemahan dan penyusunan oleh Ahmad (1999) yang dipilih sebagai sampel kajian kerana relevan dengan kajian disertasi ini untuk mengkaji terjemahan peribahasa Melayu-Arab. Oleh itu, tumpuan hanya dianalisis terhadap PM dan terjemahan ke dalam BA sahaja.

Hakikatnya, kamus ini mengandungi peribahasa berunsur alam sekeliling seperti tumbuhan, benda, manusia dan sebagainya. Namun, pemilihan data kajian melalui pensampelan bertujuan hanya memfokuskan kepada ungkapan PM yang menerapkan unsur haiwan sahaja tanpa mengira jenis haiwan dan habitat. Alasannya, haiwan dan manusia mempunyai hubungan yang ‘akrab’ terutamanya apabila menjadi haiwan peliharaan seperti kucing, anjing, burung kakak tua dan sebagainya. Secara tidak langsung, kebanyakan penciptaan peribahasa terhasil daripada kebijaksanaan manusia menghubungkan sifat manusia dengan perilaku ataupun sifat haiwan dalam ungkapan peribahasa misalnya *‘bagaikan pungguk rindukan bulan’* bermaksud keadaan orang yang merindukan seseorang atau seseorang yang sangat mengharapkan sesuatu tetapi ia tidak memperolehi apa yang dikehendakinya.

Oleh yang demikian, senarai PM berunsur haiwan yang dipilih adalah diterima seperti mana yang ditulis dalam Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris sahaja untuk proses mengumpul dan menganalisis kerana kesahihan PM bukan menjadi fokus utama kajian. Selain itu, kajian ini tidak menumpukan kepada mengenal pasti kategori peribahasa sama ada ungkapan dalam kamus tersebut wujud sebagai simpulan bahasa, bidalan, pepatah, perumpamaan.

Peribahasa berunsur haiwan yang terdapat dalam Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris berjumlah 164 daripada 850. Namun, selepas diteliti terdapat peribahasa yang membawa makna yang sama walaupun unsur berlainan digunakan dalam ungkapan peribahasa tersebut. Contohnya, peribahasa yang berbunyi *'burung gagak itu jikalau dimandikan dengan air mawar sekalipun tidak akan menjadi putih warnanya'* dan *'ayam menetas telur itik'* membawa terjemahan dalam BA sebagai *التَّمْرُ الْأَرْقَطُ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُغَيَّرَ رُقَطُهُ*.

Oleh itu, pemeriksaan dilakukan kali kedua untuk mengenal pasti agar tiada pertindihan dan pengulangan. Setelah mengambil kira pelbagai faktor, daripada 124 peribahasa mengandungi unsur haiwan, pengkaji hanya memilih 60 peribahasa sahaja mengikut urutan kerana bilangan ini sudah mewakili lebih kurang 50 peratus dari bilangan 124 dan mampu menggambarkan penggunaan strategi penterjemahan yang diaplikasikan oleh penterjemah.

Seterusnya, tumpuan strategi penterjemahan peribahasa dalam kajian ini berdasarkan Taksonomi Larson (1998) yang dipilih untuk menganalisis penterjemahan PM ke BA. Faktor pemilihan strategi Larson (1998) ini relevan dengan peribahasa berbanding dengan

strategi-strategi lain kerana perkaitan antara pendekatan Larson dengan data kajian bersesuaian serta menepati kriteria strategi yang dikehendaki oleh kajian. Larson menyenaraikan lima jenis strategi menterjemah metafora dan simile dalam buku beliau bertajuk *Meaning-Based Translation*.

Responden kajian yang dipilih secara rawak dalam kalangan penutur jati Arab berjumlah 12 orang yang merupakan pelajar Universiti Malaya. Temu bual dijalankan bertujuan mengenal pasti tahap kefahaman penutur jati Arab ke atas terjemahan PM ke BA.

## **1.7 Definisi Konsep**

Muhammad Fauzi (2006:79) mentakrifkan terminologi atau istilah sebagai kosa kata khusus yang ditemui dalam wacana mana-mana disiplin ilmu. Istilah berbeza sedikit daripada kosa kata biasa kerana istilah hanya mempunyai satu makna. Oleh itu, ia bukan bersifat polisemi dan tidak kabur maknanya. Dengan yang demikian, istilah sesuai digunakan sebagai bank data dalam penterjemahan berkomputer. Dalam pengajian ilmu penterjemahan, istilah dicipta dan dikekalkan dengan menggunakan bank data tadi.

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang perlu dijelaskan bertujuan memudahkan perbincangan dan mengelakkan kekeliruan agar kajian ini lebih bersistematik dan berfokus.

### **1.7.1 Analisis**

Takrif analisis dalam Kamus Dewan (2007:51) ialah kajian yang berbentuk penghuraian dengan tujuan mengenali pelbagai aspek secara mendalam seperti sesuatu keadaan, masalah, persoalan dan seumpamanya.

Harimurti (1993:12) mendefinisikan analisis dalam teori terjemahan sebagai tahap yang pertama dalam penterjemahan, termasuk di dalamnya transformasi balik dan analisis komponen yang bertujuan menemukan inti dari naskah sumber dan mencari pengertian yang sejelas-jelasnya mengenai makna, tahap persiapan untuk pengalihan.

Apa yang dimaksudkan beliau ialah analisis teori terjemahan merupakan landasan utama dalam proses penterjemahan dan berlaku di dalamnya perubahan berlawanan antara dua bahasa atau budaya yang berbeza dan menganalisis secara satu persatu tanpa menghilangkan isi utama teks bahasa sumber dan berusaha menemukan pengertian yang cukup jelas mengenai makna dalam bahasa sasaran.

Konsep analisis dalam kajian ini merujuk kepada penganalisan strategi penterjemahan terhadap Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris dan tertumpu kepada peribahasa yang mengandungi unsur haiwan sahaja.

### **1.7.2 Strategi**

Kamus Dewan (2007:1525) mendefinisikan strategi sebagai pengetahuan mengenai cara untuk mengatur dengan perancangan yang tersusun di samping mengambil kira pelbagai faktor bertujuan mencapai matlamat hasil daripada pelaksanaan yang dilakukan.

Konsep strategi dapat ditujukan kepada berbagai maksud. Dalam beberapa banyak keadaan, strategi sering kali dibandingkan atau disamakan dengan istilah-istilah lain seperti prosedur, metode, teknik, rancangan, taktik, peraturan dan lain-lain.



Sementara itu, Molina & Albir (2002:508) mendefinisikan strategi sebagai :

*"Strategi membuka jalan untuk mencari penyelesaian yang sesuai untuk satu unit terjemahan. Penyelesaian ini akan menjadi kenyataan dengan menggunakan teknik tertentu. Oleh itu, strategi dan teknik menduduki tempat-tempat yang berbeza dalam menyelesaikan masalah. : Strategi adalah sebahagian daripada proses, teknik mempengaruhi keputusan. Walau bagaimanapun, beberapa mekanisme boleh berfungsi sebagai kedua-dua iaitu strategi dan teknik".*

Secara khususnya, penggunaan istilah strategi dalam kajian ini merujuk kepada pendekatan-pendekatan dan kaedah-kaedah untuk mencapai matlamat pengkaji dalam menganalisis strategi penterjemahan peribahasa yang digunakan oleh penterjemah.

### **1.7.3 Penterjemahan**

Menurut Harimurti (1993:162), penterjemahan ialah pengalihan amanat antara bahasa dan budaya yang melibatkan struktur nahu dan leksikal. Tetapi masih berusaha mempertahankan pengekalan maksud, kesan atau pengaruh dan tujuan bahasa sumber dalam bahasa sasaran.

Seorang sarjana terjemahan, Newmark (1988:5) memberi maksud penterjemahan ialah *'it is rendering the meaning of a text into another language in the way that the author intended the text. Common sense tells us that this ought to be simple, as one ought to be able to say something as well in one languages as in another'*.

Penggunaan istilah penterjemahan dalam kajian ini sebagai kata kunci utama untuk menganalisis strategi penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah ke atas terjemahan PM ke BA berpanduan kepada strategi Larson (1998).

#### **1.7.4 Peribahasa**

Takrifan peribahasa oleh Harimurti (1993:169) ialah kalimat yang telah membeku atau tetap bentuk, makna dan fungsinya dalam masyarakat, bersifat turun-temurun serta digunakan untuk menghias karangan atau percakapan, penguat maksud karangan, pemberi nasihat, pengajaran atau pedoman hidup mencakupi bidalan, pepatah, perumpamaan dan ibarat.

Setiap peribahasa wujud bersama riwayatnya yang tersendiri. Contoh peribahasa seperti '*unta menyerah diri*', kalau bukan PA tentu ada perkaitannya dengan seseorang yang baru pulang dari Makkah. Dengan melihat unta yang patuh kepada penggembala itu, sama seperti seorang hamba yang patuh mengikut perintah Tuhannya (Abdullah, 2010:viii).

Oleh yang demikian, contoh di atas sudah menggambarkan mengenai penghasilan ungkapan peribahasa melalui kebijaksanaan masyarakat dalam mentafsir ragam kehidupan dan cara kebudayaan iaitu bagaimana mereka berfikir serta kepekaan terhadap alam sekeliling yang wujud di persekitaran mereka.

Kajian ini memfokuskan peribahasa dengan merujuk kepada sampel yang dipilih sebagai data kajian dari sebuah Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris. Manakala peribahasa yang akan dianalisis adalah peribahasa yang bersumberkan haiwan sahaja.

#### **1.7.5 Bahasa Melayu**

Asmah (2008:2) menyatakan secara terperinci bahawa bahasa Melayu merupakan salah satu daripada rumpun Austronesia dalam jumlah yang besar. Selain itu, keanggotaan bahasa Melayu bukan sahaja berkait dengan bahasa-bahasa yang berjiran dengannya bahkan turut

mempunyai perkaitan dengan bahasa-bahasa di Lautan Pasifik seperti bahasa Hawaii, Samoa, Fiji, dan Maori; bahasa Malagasi di Madagaskar; dan bahasa-bahasa di kawasan pergunungan di Taiwan.


Jumlah bahasa Austronesia masih belum diketahui semuanya, tetapi dianggarkan antara 1500 dan 2000. Ini disebabkan sebahagian besar bahasa tersebut belum dikaji, dan dengan itu sukar ditentukan yang mana bahasa dan yang mana dialek. Ada kalanya yang dikatakan dialek adalah sebenarnya bahasa. Misalnya, bahasa Iban dahulunya dikatakan dialek Melayu, tetapi setelah dikaji, ternyata bahawa bahasa Iban adalah bahasa yang tersendiri yang terpisah daripada bahasa Melayu. Sebaliknya, bahasa Bidayuh yang dikatakan bahasa adalah sub-kelompok yang terdiri daripada berbagai-bagai bahasa (Asmah, 2008:2).

Dari segi luasnya, kawasan penyebaran bahasa-bahasa Austronesia boleh dikatakan melebihi kawasan penyebaran rumpun-rumpun lain, misalnya rumpun Indo-Eropah, rumpun Sino-Tibet, atau rumpun Austroasia. Kawasan yang meliputi Malaysia, Indonesia dan Filipina kira-kira sama luasnya dengan Eropah Barat yang merupakan kawasan penyebaran bahasa-bahasa Indo-Eropah. Bahasa Melayu menjadi bahasa sumber dalam kajian ini (Asmah, 2008:2).

Oleh yang demikian, Muhammad Fauzi (2006:74) menyatakan bahasa sumber adalah istilah umum untuk menggambarkan bahasa yang ditulis dalam teks asal atau teks sumber. Bagi penterjemah, pengetahuan mendalam tentang bahasa sumber tidak begitu penting. Apa yang penting, penterjemah mestilah biasa dengan penggunaan bahasa sumber tersebut, khususnya yang berkaitan dengan budaya dan nilai tradisi. Bahasa sumber pula tidak

semestinya teks asal dalam sesuatu bahasa. Bahasa teks terjemahan juga boleh dianggap sebagai bahasa sumber jika teks terjemahan itu diterjemahkan lagi ke dalam bahasa lain.

Secara khususnya, kajian ini menumpukan bahasa Melayu sebagai bahasa sumber untuk menjalankan analisis penterjemahan. Ini bermakna, data peribahasa berunsur haiwan yang akan diambil dari Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris adalah PM.



Rajah 1.1 : Peta Penyebaran Bahasa Austronesia di Dunia

<http://id.wikipedia.org/wiki/Berkas:Langues-autronesiennes.png> (12/11/2012)

#### 1.7.6 Bahasa Arab

Menurut Mujāhid (1999:11) dalam Muhammad Marwan & Wan Moharani (2009:1) menyatakan, mengikut kajian penggolongan keluarga bahasa berdasarkan susur galur dan persamaan ciri-ciri sesuatu bahasa, bahasa Arab digolongkan dalam bahasa-bahasa Semitik (*Semitic Language Family*) atau dalam bahasa Arabnya disebut sebagai al-Lughāt al-Sāmiyat اللغات السامية. Nama Semitik yang menjadi terma rujukan kepada perkumpulan

bahasa ini sebenarnya mengambil sempena nama putera nabi Nūh yang dikenali sebagai Sām Bin Nūh.


Bahasa Arab merupakan keluarga Afroasiatic yang dibahagikan kepada enam bahagian iaitu Mesir, Semitic, Barber, Cushitic, Omotic, dan Chadic. Menurut satu teori, bahasa keluarga Afroasiatic dianggap telah terlebih dahulu dituturkan di sepanjang pantai Laut Merah. Teori lain juga berpendapat bahawa, keluarga bahasa ini wujud di Afrika dan kesemua ahli masyarakat memperolehinya. Selain itu, bahasa Semitik turut ditemui di Selatan Barat Asia. Kewujudan bahasa Semitik di Asia Barat dijelaskan dengan menganggap bahawa penutur Semitik Afrika telah berhijrah dari Afrika Timur ke Asia Barat pada zaman yang sangat kuno. Pada satu masa kemudian, sesetengah penutur bahasa Semitik telah pulang dari Saudi ke Afrika (Afroasiatic languages, 2012).

Bahasa Arab terutamanya bahasa Arab *Fusha* (standard) semenjak dahulu lagi telah menjadi satu bahasa yang penting dan tersebar luas dalam kalangan kabilah-kabilah Arab (Al-Rājiḥī, 1986:12). Faktor-faktor yang menyebabkan bahasa ini menjadi bahasa utama dalam kalangan masyarakat Arab adalah meliputi aspek politik, sosial dan ekonomi (Mujāhid, 1999:19) dalam (Muhammad Marwan & Wan Moharani, 2009:1). Manakala faktor utama yang menjadikan BA sebagai salah satu bahasa utama dunia ialah peranannya sebagai bahasa rasmi bagi umat Islam dan bahasa al-Qur'an serta al-Ḥadīth yang merupakan sumber perundangan utama agama Islam.

Kajian analisis strategi penterjemahan ini memfokuskan BA sebagai bahasa sasaran. Ini berdasarkan Muhammad Fauzi (2006:78) yang mendefinisikan bahasa sasaran sebagai

bahasa penerima. Bahasa sasaran lazimnya terdiri daripada bahasa ibunda penterjemah. Bagaimanapun, terdapat juga penterjemahan yang dibuat daripada bahasa ibunda penterjemah dan jurubahasa kepada bahasa lain, khususnya dalam penterjemahan bertulis (teks). Namun dalam keadaan begini agak kurang sesuai dan tidak digalakkan.

Namun dalam kajian ini, PM yang telah diterjemahkan ke dalam BA ini bukan dari penutur jati Arab sebagaimana menurut definisi di atas. Memandangkan peribahasa asalnya adalah bahasa Melayu, maka penterjemah menterjemahkan ke BA. Kajian tertumpu kepada aspek penggunaan strategi yang sesuai untuk memindahkan PM ke BA.



Rajah 1.2 : Peta Penyebaran Bahasa Afroasia di Dunia

[http://id.wikipedia.org/wiki/Berkas:Afroasiatic\\_languages-en.svg](http://id.wikipedia.org/wiki/Berkas:Afroasiatic_languages-en.svg) (12/11/2012)

## 1.8 Rangka Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab utama yang terkandung di dalamnya bahagian-bahagian tertentu :

## **Bab Pertama : Pengenalan**

Dalam bab pertama, perbincangan mengenai dasar-dasar penulisan disertasi iaitu latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi konsep dan rangka kajian secara ringkas.

## **Bab Kedua : Peribahasa Dan Penterjemahannya**

Bab ini akan mengetengahkan pelbagai aspek yang berkaitan dengan peribahasa iaitu definisi dan konsep bagi peribahasa Melayu, pertumbuhan peribahasa, fungsi peribahasa serta jenis-jenis peribahasa Melayu. Kemudian diikuti dengan definisi dan konsep bagi peribahasa Arab, pertumbuhan peribahasa serta jenis-jenis peribahasa Arab. Selain itu, bab ini juga membincangkan tentang penterjemahan yang menjadi fokus bidang kajian ini iaitu kesukaran menterjemah peribahasa dan juga mengenai jenis-jenis strategi penterjemahan peribahasa. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penyelidikan ini turut dinyatakan dalam bab ini bagi mengenal pasti isu-isu permasalahan kajian di samping memenuhi kelompangan bidang penterjemahan yang masih belum dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas.

## **Bab Ketiga : Metodologi Kajian**

Bab ini akan menjelaskan mengenai reka bentuk kajian yang bersesuaian untuk mencapai objektif kajian, pemilihan sampel, pengumpulan data yang terkandung di dalamnya instrumen kajian dan prosedur pengumpulan data. Akhir sekali, penganalisan data ke atas Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab (JASPPMA) dan hasil temu bual bersama penutur jati Arab dilakukan.

## **Bab Keempat : Analisis Kajian**

Dalam bab ini, fokus perbincangan yang pertama adalah analisis strategi dan ketepatan padanan maksud penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu analisis terperinci dan analisis keseluruhan dari sudut strategi penterjemahan dan dari sudut ketepatan padanan maksud peribahasa Melayu selepas diterjemahkan ke bahasa Arab. Manakala fokus kedua ialah analisis huraian temu bual bersama penutur jati Arab untuk mengenal pasti tahap kefahaman maksud peribahasa Melayu selepas diterjemahkan ke bahasa Arab. Pembahagian yang terkandung di dalam huraian temu bual adalah maklumat profil penutur jati Arab dan analisis kefahaman maksud peribahasa Melayu selepas diterjemahkan ke bahasa Arab dalam kalangan responden.

## **Bab Kelima : Rumusan Dan Cadangan**

Dalam bab terakhir ini, rumusan kajian secara keseluruhan daripada bab keempat dinyatakan. Kemudian, saranan dicadangkan kepada pihak-pihak tertentu serta cadangan kajian lanjutan yang berkaitan dengan bidang penterjemahan Melayu-Arab dan peribahasa.

### **1.9 Penutup**

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan atas dasar kepentingan dan kemajuan bidang penterjemahan Melayu-Arab khususnya. Usaha menterjemah PM ke BA ini bukan sahaja melibatkan terjemahan bahasa, bahkan juga budaya yang perlu dipertimbangkan oleh para penterjemah. Analisis strategi terjemahan PM ke BA ini ingin membuktikan kemampuan teori terjemahan bahasa kiasan berdasarkan pandangan Larson (1998). Persoalan yang timbul daripada pernyataan masalah menjadi dorongan utama pelaksanaan kajian ini dengan harapan ia menyumbang kepada bidang terjemahan yang perlu diteruskan untuk perkongsian bersama dan pelengkap kepada bidang tersebut.



## **BAB KEDUA**

### **PERIBAHASA DAN PENTERJEMAHANNYA**

#### **2.0 Pendahuluan**

Setiap bahasa di dunia mempunyai rumpun bahasa tersendiri. Bahasa Melayu (BM) dan bahasa Arab (BA) mempunyai keluarga bahasa yang berbeza. BM berasal daripada rumpun bahasa Austronesia yang tergolong dalam bahasa-bahasa Nusantara. Manakala BA tergolong dalam rumpun bahasa Semitik yang ramai penuturnya di Timur Tengah dan Afrika Utara.

Ainon & Abdullah (2008a:165-166) menyatakan bahawa, bahasa Arab dengan bahasa Melayu berasal daripada keluarga yang berlainan dengan peraturan-peraturan tatabahasanya yang berbeza. Namun, kebudayaan Arab dan Melayu mempunyai banyak persamaan terutamanya dalam bidang agama dan kepercayaan. Akan tetapi, kebudayaan yang melibatkan unsur budaya masyarakat seperti peribahasa adalah berbeza kerana pelbagai faktor yang mempengaruhi antaranya kehidupan masyarakat, bentuk muka bumi, persekitaran sekeliling dan sebagainya.

Menurut Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad (2011:xi), seorang Sasterawan Negara 2009, Dato' Dr. Anwar Ridhwan menyuarakan pandangannya iaitu :

*“Dalam kehidupan sehari-hari, pengguna sesuatu bahasa tidak hanya menuturkan perkataan yang membawa satu maksud, yang bersifat denotasi, tanpa lapis-lapis makna yang lain. Jika perkara itu berlaku, penggunaan bahasa menjadi sangat rigid, kurang indah dan mengabaikan aspek kekreatifan berbahasa”.*

## **2.1 Peribahasa**

Peribahasa merupakan gabungan dua perkataan, iaitu *peri* dan *bahasa*. *Peri* merujuk kepada hal, keadaan, sifat, cara, kejadian, dan peristiwa. Manakala *bahasa* ialah satu sistem lambang bunyi yang diguna oleh manusia untuk meluahkan fikiran dan perasaan untuk menyampaikan konsep bagi mewakili benda, tindakan, idea dan keadaan dalam satu pertuturan supaya dapat difahami oleh pendengar atau masyarakat bahasanya (Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad, 2011:1).

### **2.1.1 Peribahasa Mengikut Konteks Bahasa Melayu**

#### **2.1.1.1 Definisi Dan Konsep Peribahasa Melayu**

Kamus Dewan (2005:1185) mentakrifkan peribahasa sebagai kelompok kata yang mempunyai susunan tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu seperti bidalan dan pepatah. Contohnya, *‘biar mati anak, jangan mati adat’* sudah cukup untuk menerangkan sesuatu kebudayaan.

Seorang Tokoh Sasterawan Negara, Za‘ba (2002:170) memberi definisi peribahasa sebagai:

*“Segala susunan cakap pendek yang telah melekat di mulut orang ramai sejak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya, maka, ia akan menjadi sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran”.*

Sementara itu, Abdullah (2010:vii) turut menyatakan bahawa :

*“Peribahasa merupakan salah satu cabang sastera lama yang tak lapuk di hujan dan tak lekang di panas. Hampir setiap bangsa mempunyai bentuk-bentuk peribahasanya sendiri dan peribahasa sesuatu bangsa itu mencerminkan watak bangsa tersebut”.*

Istilah peribahasa adalah ungkapan tradisional yang ditetapkan dalam bentuk dan yang telah diterima secara umum makna dan penggunaannya kepada penutur asli dalam bahasa


sumber. Ungkapan ini kebiasaannya sering berlaku melalui bahasa pertuturan dan juga secara bertulis. Sejarah atau asal usul penggunaannya masih mampu mengekalkan perbendaharaan kata dan struktur kuno.

Oleh yang demikian, peribahasa yang wujud dalam BM adalah bertujuan untuk memberi nasihat, membuat teguran dan sebagainya bagi mengelakkan wujudnya konflik kepada yang mendengar. Pengertian peribahasa tidak ada jauh bezanya menurut pelbagai tokoh dan pakar bahasa yang bermatlamat untuk memelihara warisan berzaman untuk generasi akan datang.

Berdasarkan kepada definisi mengenai PM yang dinyatakan, maksud PM ialah susunan ungkapan tetap yang mempunyai pengertian tersirat yang terhasil daripada gabungan pendapat dan idea mereka yang bijaksana berdasarkan konteks latar budaya masyarakat yang berbeza mengikut bangsa dan bahasa. Hasilnya sudah tentu nilainya penuh dengan tunjuk ajar, panduan serta nasihat yang tidak luput oleh peredaran masa.

Bahasa kiasan dibahagikan kepada dua jenis iaitu peribahasa dan bukan peribahasa. Dinamakan peribahasa apabila kiasannya telah mantap daripada aspek bentuk bahasa dan maknanya. Manakala bukan peribahasa pula apabila kiasannya tidak mantap daripada aspek bentuk dan maknanya. Sebagai contoh, bentuk '*ada udang di sebalik batu*' tidak boleh diubah kepada bentuk lain seperti, *di sebalik batu ada udang*. Begitu juga bentuk '*dibakar tidak hangus, direndam tidak basah*', tidak boleh ditukar susunannya. Oleh yang demikian, kedua-dua bahasa kiasan tersebut sudah mantap dan menjadi peribahasa (Ainon & Abdullah, 2010:vi).

Berikut adalah rajah yang menunjukkan kategori bahasa kiasan mengikut pandangan Ainon & Abdullah (2010:vi).



Rajah 2.1 : Kategori Bahasa Kiasan

Penjelasan daripada rajah 2.1 ini hanya menjurus kepada pembahagian bahasa kiasan sahaja tanpa memfokuskan kepada pembahagian peribahasa.

#### **2.1.1.2 Pertumbuhan Peribahasa Melayu**

Kesusasteraan mempunyai pelbagai cabang tidak kira bangsa apa sekalipun. Kewujudan kesusasteraan seiring dengan tamadun sesuatu bangsa yang mempengaruhi kosa kata sesuatu bahasa. Kekayaan bahasa itu dapat dilihat dari kewujudan tradisi kesusasteraan bangsa tersebut. Peribahasa merupakan salah satu daripada cabang kesusasteraan tradisional yang ditinggalkan oleh nenek moyang sesuatu bangsa dan memperlihatkan perkembangan bahasa secara keseluruhannya sama.

Za'ba (2002:171) menegaskan bahawa setiap peribahasa yang dicipta bergantung kepada persekitaran di sekeliling. Kemudian, peribahasa diguna pakai untuk memastikan kesesuaiannya serasi atau sebaliknya dalam beberapa tempoh :

- 1) Penciptaan peribahasa lahir dari mulut mereka yang cerdik dan bijaksana. Perkataannya ringkas dan membetuli sepenuhnya maksud peribahasa serta mengandungi di dalamnya sesuatu kebenaran yang telah dirasanya sendiri atau telah diperhatikannya berlaku pada diri orang lain.
- 2) Apabila orang ramai senang mendengarnya, maka mereka menggunakannya hingga berulang-ulang dan berhubung-hubung dari seorang ke seorang.
- 3) Akhirnya, peribahasa semakin terkenal dan kekal sehingga menjadi suatu kekayaan dan perhiasan kepada bahasa itu.
- 4) Maka pada ketika itu dinamakanlah akan dia peribahasa, bidalan, pepatah, perumpamaan iaitu maksud yang sama.

Manakala pandangan Ainon & Abdullah (2002:2) dalam penciptaan peribahasa bermula dengan para penutur bahasa Melayu belajar bahasa kiasan secara alamiah, seperti mana mereka belajar perkataan-perkataan Melayu yang lain. Mereka belajar bentuk-bentuk bahasa kiasan dan menghafal makna-makna bahasa kiasan tersebut. Memang tidak ada jalan lain belajar bahasa kiasan selain daripada menghafalnya.

Pada suatu masa dahulu, kemahiran mencipta bahasa kiasan dianggap bakat semula jadi yang dimiliki oleh para pengarang karya-karya sastera. Mereka semacam memiliki bakat istimewa yang diberi oleh tuhan kepada golongan tertentu sahaja. Pandangan ini telah berubah atas kesedaran bahawa bakat tersebut sebenarnya adalah sejenis kemahiran berbahasa. Oleh kerana ia suatu kemahiran, sesiapa sahaja boleh menguasainya dengan cara

mempelajari teknik yang berkenaan dan berlatih menggunakannya (Ainon & Abdullah, 2002:2).

Bahasa kiasan dicipta oleh semua penutur sesuatu bahasa sewaktu mereka bertutur dan menulis. Proses ini biasanya tidak disedari oleh mereka. Antara yang giat menerbitkan bentuk-bentuk bahasa kiasan baru ialah golongan muda. Bahasa kiasan yang kita pelajari hari ini datang daripada bentuk-bentuk yang terakam dalam karya-karya tulisan lama dan baru, seperti dalam kitab-kitab lama, novel, cerpen, buku-buku umum dan akhbar. Peribahasa yang dikumpulkan oleh pencinta-pencinta bahasa dan sastera Melayu itu direkodkan dalam kamus-kamus am ataupun kamus khas peribahasa (Ainon & Abdullah, 2002:2).

Menurut Asmah (2008:162), timbulnya satu-satu peribahasa adalah hasil daripada beberapa faktor. Pertamanya, cara orang Melayu melihat alam di sekelilingnya (*world view*). Keduaanya, pengalaman yang diperolehnya daripada kehidupan sehari-hari dan juga pengalaman yang begitu banyak terkumpul dan menjadi turun-temurun daripada nenek moyangnya. Ketiganya, peraturan dalam hidupnya yang berpandukan ajaran agama dan amalan budayanya. Semuanya ini tersimpul dalam bahasa yang ringkas, padat, dan indah.

Kewujudan peribahasa berdasarkan pandangan beberapa tokoh sasterawan di atas sudah menggambarkan kepada kita bahawa kebanyakan penciptaan peribahasa terhasil daripada orang yang bijaksana melalui pengalaman hidup dan alam sekeliling yang ringkas tetapi padat dengan pengajaran, nasihat dan sebagainya.

Ini menunjukkan bahawa kepentingannya perlu dipelihara bersama bagi mengekalkannya walau dengan apa cara usaha agar tidak luput dek zaman. Seiring dengan era teknologi kini memungkinkan kita lebih maju ke hadapan untuk memikirkan dan merealisasikan pengekal warisan turun temurun ini.

### **2.1.1.3 Fungsi Peribahasa**

Bahasa dan budaya hampir berkembang seiring bersama dengan perkembangan, perubahan dan kemodenan tamadun sesuatu bangsa. Kepentingannya tidak boleh dipertikaikan sama sekali kerana hubungannya ibarat isi dengan kuku. Bahasa adalah simbolik kebudayaan sesebuah kaum. Peribahasa yang diungkapkan oleh orang zaman dahulu berjaya merungkaikan pelbagai persoalan yang mendasari tindakan manusia dalam kehidupan sosial.

Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad (2011:11) menegaskan bahawa, peranan peribahasa sebagai wadah untuk menterjemahkan nilai kebudayaan sesebuah bangsa sebagai panduan dalam kehidupan bermasyarakat yang bersatu padu. Penekanan terhadap nilai murni dalam peribahasa adalah untuk membentuk dan melahirkan insan yang baik dan memiliki akhlak yang mulia selain menonjolkan keperibadian bangsa ke peringkat antarabangsa selaras dengan keperluan globalisasi kini.

Penggunaan peribahasa dikaitkan juga dengan peraturan-peraturan hidup orang-orang zaman dahulu ketika undang-undang yang rasmi masih belum wujud. Ini berdasarkan pemerhatian dan kepekaan orang dahulu terhadap hukum-hukum alam yang tidak termaktub di mana-mana, lalu dikaitkan dengan kehidupan masyarakat mereka di mana ianya berfungsi untuk mengawal perilaku hidup manusia bermasyarakat.

Mengikut Abdullah (2006:xi), orang bijak pandai zaman dahulu menghasilkan dan mencipta petua, nasihat, petunjuk sebagai tata tertib dalam pergaulan dan hubungan manusia. Petua, nasihat dan petunjuk ini telah diambil dari alam sekeliling seperti peragai dan sifat manusia sendiri, sifat dan tabiat binatang, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya.

Oleh itu, menurut Halliday (1976) dalam Yahya (2005:12) yang menggunakan istilah fungsi bagi menunjukkan sifat komunikasi yang sentiasa mendukung matlamat yang ditetapkan. Beliau menyenaraikan tujuh fungsi bahasa iaitu instrumental, pengawalan, pernyataan, interaksi, personal, aruhan dan penggambaran. Walaupun bahasa bersifat arbitrari, tetapi penggunaannya tidaklah dengan sewenang-wenangnya tanpa ada sebab. Penggunaan bahasa memerlukan pengguna memilih unsur dan bentuk bahasa yang memungkinkan keperluan hidup terutamanya keperluan komunikasi.

Peribahasa juga boleh memberikan gambaran dan mencerminkan corak pemikiran, tindakan, kesukaran, kebencian sesuatu masyarakat terhadap sesuatu perkara. Ianya bertindak sebagai petunjuk kepada masyarakat sesuatu bangsa itu untuk memiliki cara hidup yang lebih baik, di mana kebanyakannya mementingkan keluhuran dan ketinggian budaya. Peribahasa dapat menonjolkan ketinggian intelektual dan menunjukkan kekayaan budaya bahasa sesuatu masyarakat.

#### **2.1.1.4 Jenis-jenis Peribahasa Melayu**

Menurut Noraini Shahida & M Mascitah (2011:3) dalam sebuah *Jurnal Dewan Bahasa* dengan tajuk artikelnya Peribahasa Melayu : Satu Klasifikasi yang Tiada Penentu oleh Indirawati Zahid (1998:978-984) menyatakan bahawa, tidak banyak tokoh bahasa yang mengklasifikasikan binaan peribahasa. Beliau mendapati hanya Za'ba dalam bukunya Ilmu



Mengarang Melayu (1965), Muhammad Said Haji Suleiman dalam Perian Basa (1991) dan Ainon Mohd. & Abdullah Hassan dalam Kamus Peribahasa Lengkap Utusan (1993) yang melakukan usaha ini.


Tokoh-tokoh lain seperti R.O. Winstedt, Abdullah Hussain dan C.C. Brown menggabungkan semua jenis peribahasa di bawah satu tajuk, iaitu peribahasa ataupun mengasingkannya mengikut kelas-kelas yang tertentu seperti simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah dan sebagainya tanpa memberikan kata kunci untuk membezakan bentuk cabang bahasa yang diberi nama peribahasa. Berikut adalah klasifikasi yang dikategorikan oleh Indirawati Zahid menurut tiga tokoh bahasa tersebut :

Jadual 2.1 : Klasifikasi Jenis Peribahasa Melayu

Jenis Peribahasa	Nama Tokoh		
	Za'ba	Muhammad Said Haji Suleiman	Ainon Mohd. & Abdullah Hassan
Simpulan Bahasa	/	/	/
Bidalan	/	/	/
Pepatah	/	/	/
Perbilangan	/	/	/
Perumpamaan	/	/	/
Lidah Pendeta	/	/	/
Kiasan	/	/	
Tamsil	/	/	
Ibarat	/	/	

Jadual 2.1 di atas menunjukkan klasifikasi jenis PM yang menampakkan perbezaan di antara pembahagian peribahasa menurut Ainon & Abdullah (2010:vi) yang terbahagi kepada empat bahagian iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah dan bidalan seperti dalam rajah 2.1.

Oleh kerana pengkategorian peribahasa berbeza-beza antara tokoh-tokoh bahasa sepertimana dalam kenyataan Indirawati (1998). Maka, kajian ini hanya menumpukan pembahagian peribahasa menurut Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad (2011) yang mengandungi lima komponen utama iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah dan kata-kata hikmat (Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad, 2011:4). Berikut adalah pembahagian jenis-jenis peribahasa seperti rajah 2.2 di bawah :



Rajah 2.2 : Jenis-Jenis Peribahasa Melayu

Namun begitu, penentuan kategori jenis-jenis peribahasa bukanlah menjadi fokus utama penyelidikan ini kerana pemilihan peribahasa yang mengandungi unsur haiwan berdasarkan Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris sebagai data kajian tidak menyentuh kepada penganalisan perbezaan struktur ayat dalam peribahasa atau penggolongan kategori jenis peribahasa tetapi menganalisis strategi penterjemahan yang digunakan untuk menterjemah PM ke BA.

#### **(a) Simpuln Bahasa**

Takrifan simpulan bahasa oleh Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad (2011:4) ialah ungkapan yang lazimnya terdiri daripada dua atau tiga perkataan yang tersimpul dengan

susunan tetap dan mempunyai makna tersirat yang berlainan daripada makna asal perkataan-perkataannya. Simpulan bahasa ini terhasil berdasarkan pemerhatian orang-orang dahulu terhadap sesuatu benda yang berada di sekeliling mereka.

Sementara itu, Raminah (1986:299) mendefinisikan simpulan bahasa adalah ungkapan atau rangkaian perkataan yang tersusun dalam susunan yang khas, membawa pengertian yang berlainan daripada erti perkataan-perkataan asalnya. Contoh simpulan bahasa :

1. *Perahu hanyut* bermaksud orang yang paling lewat menghabiskan makanan
2. *Mandi burung* bermaksud mandi yang tidak bersih atau lengkap

Simpulan bahasa boleh menjadi perumpamaan apabila diberi perkataan-perkataan *laksana, bak, umpama, macam, bagai, seolah-olah, ibarat, dan seperti* di hadapannya. Sebagai contoh, *dia lintah darat* (simpulan bahasa), *dia ibarat lintah darat* (bidalan). Jika simpulan bahasa didahului oleh perkataan *jangan*, maka ia menjadi bidalan. Contohnya, *bercermin di air keruh* (simpulan bahasa), *jangan bercermin di air keruh* (bidalan).

Dapat dirumuskan bahawa, simpulan bahasa merupakan susunan perkataan yang sangat ringkas dan kebiasaannya terdiri daripada dua atau tiga perkataan yang berbeza makna asal perkataannya di samping mempunyai maksud yang sangat luas.

### **(b) Perumpamaan**

Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad (2011:4) melihat perumpamaan adalah sejenis peribahasa yang membandingkan atau mengumpamakan tingkah laku manusia dengan alam sejagat, iaitu dengan apa-apa yang ada di sekeliling persekitaran hidup mereka. Perumpamaan juga dimaksudkan sebagai susunan kata-kata dalam ayat yang memberikan

makna khusus dan berlainan daripada makna yang tersurat. Lazimnya perumpamaan menggunakan perkataan '*seolah-olah, bagai, bak, ibarat, laksana, macam, seperti, dan umpama*' sebagai mengiaskan sesuatu dengan perkara lain secara perbandingan.

Keris Mas (1990:143) mendefinisikan perumpamaan ialah hasil dari perbandingan (analogi) antara dua perkara, menyatakan sesuatu maksud dengan membandingkannya atau mengumpamakan dengan suatu perkara lain yang seumpama dengannya.

Pendeta Za'ba (2002:178-182) pula membahagikan perumpamaan kepada dua jenis iaitu perumpamaan yang disebutkan perbandingannya dan tidak disebutkan perbandingannya. Perumpamaan yang menyebut perbandingan biasanya menggunakan perkataan '*seperti, 'bagai, 'laksana, 'umpama, 'seolah-olah*' dan '*macam-macam*' di awal perumpamaan tersebut. Jadi perumpamaan yang menyebut perbandingan mengumpamakan sesuatu yang sama keadaannya dengan apa yang dimaksudkan oleh perumpamaan tersebut. Contoh perumpamaan jenis ini ialah :

1. *Bagai kunyit dengan kapur* bermaksud sesuatu yang mujarab
2. *Bagai unta menyerah diri* bermaksud menyerah dan menurut kata

Perumpamaan yang tidak dinyatakan perbandingannya membawa makna yang serupa dengan sesuatu yang diumpamakan. Contoh perumpamaan jenis ini ialah :

1. *Menconteng arang di muka* bermaksud perbuatan yang sangat memalukan.

Dengan ini, perumpamaan dapat diertikan sebagai ungkapan yang terhasil daripada membandingkan atau mengumpamakan sesuatu dengan suatu perkara lain yang seumpama

dengannya berdasarkan pemerhatian masyarakat di sekeliling melalui persekitaran hidup mereka dan tingkah laku.

### **(c) Bidalan**

Berdasarkan pandangan Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad (2011:5), bidalan ialah susunan kata-kata yang telah umum digunakan atau ucapan fikiran atau perasaan yang setepat-tepatnya, disampaikan secara berkias atau beribarat sahaja. Dengan perkataan lain, bidalan mempunyai maksud tersirat di sebalik kata-kata yang membentuknya dan mengandungi nilai ilmu dan pengajaran yang benar, teladan, peringatan, sindiran dan nasihat. Tujuannya untuk mendidik, memberi peringatan, sindiran dan nasihat. Tujuannya untuk mendidik, memberi peringatan, menegur atau membidal sesuatu perbuatan atau perkara agar perbuatan dan perkara itu dapat dielakkan atau tidak diulangi lagi.

Definisi bidalan oleh Darus (1965:35) menyamai dengan takrif Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad (2011) iaitu ucapan fikiran atau perasaan dengan setepat-tepatnya dengan tidak secara langsung, melainkan dengan berkias dan beribarat sahaja.

Asmah (2008:163) menyetujui apa yang dikatakan oleh Za'ba dalam definisi bidalan iaitu lebih memberatkan teladan dan pengajaran. Bentuknya tidak seindah pepatah, adakalanya pendek dan adakalanya lebih panjang. “Kerat-kerat” atau “patah-patah” dalam bidalan pada amnya tidak ringkas dalam pepatah, dan ada antaranya yang membawa kesan gema atau rentak. Contohnya,

1. *Cubit paha kiri, paha kanan pun terasa sakit*
2. *Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga*
3. *Biar alah membeli, asal menang memakai*

Di samping bidalan sebaris-sebaris seperti di atas, terdapat juga bidalan yang panjang dan terdiri daripada banyak baris. Contohnya,

*Hujan emas di negeri orang*

*Hujan batu di negeri sendiri*

*Baik juga di negeri sendiri*

Definisi bidalan diertikan sebagai susunan kata-kata umum, ucapan fikiran atau perasaan yang setepat-tepatnya. Bidalan lebih memberatkan teladan dan pengajaran dan ia disampaikan secara berkias atau beribarat sahaja.

#### **(d) Pepatah**

Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad (2011:5) mendefinisikan pepatah ialah perbilangan atau ungkapan-ungkapan yang dibentuk berdasarkan pegangan adat resam orang Melayu atau sesuatu peristiwa yang telah menjadi kebiasaan berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu sebagai pedoman hidup ahli masyarakat.

Pepatah seakan-akan sama dengan bidalan tetapi pepatah merupakan peribahasa yang berangkap, iaitu mempunyai rangkaian perkataan yang berkerat-kerat atau berpatah-patah. Biasanya terdapat pengulangan kata di dalam pepatah bertujuan untuk menyatakan penegasan, falsafah, atau unsur-unsur pengajaran yang hendak disampaikan (Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad, 2011:5).

Selain itu, pepatah mengandungi makna dua lapis, iaitu satu tersurat dan satu tersirat. Tujuan pepatah adalah untuk memberi kesedaran, mengajar dan mendidik masyarakat supaya lebih berhati-hati dan berfikir terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara

atau perbuatan. Melalui pepatah, ahli masyarakat diingatkan supaya berwaspada, bertindak dengan rasional, tidak alpa atau leka dan sebagainya (Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad, 2011:5).

Pendapat Raminah (1986:298) pula mengatakan, pepatah seakan-akan sama dengan bidalan yang memberatkan sifat rangkaian kata-kata yang berkerat-kerat atau berpatah-patah.

Pepatah ialah ‘peribahasa’ atau ‘bidalan’ yang biasa dipakai atau diucapkan oleh orang seakan-akan untuk mematahkan cakap orang atau ucapan orang lain yang dilawannya bercakap. Apa yang disebutkan dalam perkataan (ayat) pepatah itu adalah hal; yang sebenarnya, sesuatu perkara yang betul dan tepat tetapi berkias (Darus, 1965:35).

Pepatah berfungsi sebagai pedoman hidup anggota masyarakat yang mengamalkan sesuatu adat resam. Pepatah memiliki ciri-ciri puisi tradisional Melayu. Berikut ialah contoh-contoh pepatah Melayu :

1. *Nak kaya berdikit-dikit, nak ramal bertabur urai* bermaksud jimat cermat ialah tangga kejayaan, murah hati tangga tuah.
2. *Pada sangka pohon beringin, kiranya tersandar di punggung lapuk* bermaksud menyangka dapat berkahwin dengan orang kaya, rupa-rupanya miskin.
3. *Zaman beralih, musim bertukar* bermaksud segala sesuatu akan berubah mengikut perkembangan semasa.

Daripada beberapa definisi di atas, terdapat perbezaan pandangan mengenai takrif pepatah. Menurut Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad (2011) pepatah ialah perbilangan. Manakala

Raminah (1986) dan Darus (1965) pula mengatakan, pepatah seakan-akan sama dengan bidalan.

Justeru itu, Asmah (2008:162) telah menjelaskan perbezaan yang disebutkan dengan mengatakan bahawa, dalam tulisan Za'ba sendiri dan tulisan-tulisan yang terkemudian, bidalan dan pepatah seolah-olah dianggap sebagai sinonim. Perbezaan yang nyata antara ketiga-tiganya adalah dari segi bentuknya. Pepatah mempunyai bentuk yang ringkas, “berpatah-patah”. Ini bermakna bidalan tidak ringkas pepatah dan perbilangan lebih panjang daripada bidalan dan kedengaran seperti orang membilang.

Dalam pepatah, bidalan dan perbilangan tersimpul pengajaran dan “undang-undang” hidup, yang lahir daripada pemikiran dan persepsi bersama dalam komuniti setelah dibuat pemerhatian untuk sekian lama (Asmah, 2008:162). Contoh bagi ketiga-tiga disertakan bagi memudahkan kita melihat perbezaannya :

1. Pepatah : *Ada air, adalah ikan*
2. Bidalan : *Bercakap siang pandang-pandang,  
bercakap malam dengar- dengar*
3. Perbilangan : *Hutang darah dibalas darah  
Hutang nyawa, nyawa padahnya*

#### **(e) Kata-Kata Hikmat**

Definisi kata-kata hikmat menurut Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad (2011:5) ialah ungkapan yang mengandungi pengertian falsafah dan pengajaran yang berguna sebagai pedoman hidup. Kata-kata hikmat biasanya ringkas tetapi bernas dan mudah disebut. Oleh itu, kata-kata hikmat sering digunakan oleh orang sebagai cogan kata atau kiasan pertuturan dan penulisan. Contohnya ialah *bahasa jiwa bangsa, ilmu itu pelita hati, masa itu emas,*



*pandu cermat jiwa selamat, muliakan olehmu akan ilmu nescaya ia akan memuliakan kamu*  
dan sebagainya.

Perbezaan dari aspek definisi bersama contoh bagi setiap jenis peribahasa menunjukkan perbandingan antara kelima-lima jenis PM. Berikut adalah jadual yang menerangkan perbezaannya :

Jadual 2.2 : Perbezaan Jenis-jenis Peribahasa Melayu

Simpulan Bahasa	Perumpamaan	Bidalan	Pepatah	Kata-kata Hikmat
<ul style="list-style-type: none"> <li>Lazimnya terdiri daripada dua atau tiga perkataan dengan susunan yang tetap dan mempunyai makna tersirat yang berlainan daripada makna asal perkataannya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perumpamaan ialah membandingkan atau mengumpamakan tingkah laku manusia dengan alam sejagat iaitu apa sahaja yang wujud di persekitaran hidup mereka</li> <li>Mengandungi perkataan '<i>seolah-olah, bagai, bak, ibarat, laksana, macam, seperti, dan umpama</i>' sebagai mengiaskan sesuatu dengan perkara lain secara perbandingan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Susunan kata-kata yang telah umum digunakan atau ucapan fikiran atau perasaan yang setepat-tepatnya, disampaikan secara berkias atau beribarat sahaja.</li> <li>Bentuk bidalan adalah lebih panjang daripada pepatah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ungkapan yang dibentuk berdasarkan pegangan adat resam orang Melayu atau sesuatu peristiwa yang telah menjadi kebiasaan berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu sebagai pedoman hidup ahli masyarakat.</li> <li>Bentuk pepatah adalah lebih pendek daripada bidalan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ungkapan yang mengandungi pengertian falsafah dan pengajaran yang berguna sebagai pedoman hidup.</li> <li>Kata-kata hikmat biasanya ringkas tetapi bernas dan mudah disebut.</li> <li>Kata-kata hikmat sering digunakan oleh orang sebagai cogan kata atau kiasan pertuturan dan penulisan.</li> </ul>

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh : <ul style="list-style-type: none"> <li>✦ kaki ayam</li> <li>✦ kaki bangku</li> <li>✦ buah tangan</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh : <ul style="list-style-type: none"> <li>✦ bagai menatang minyak yang penuh</li> <li>✦ seperti telur di hujung tanduk</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh : <ul style="list-style-type: none"> <li>✦ alah membeli, menang memakai</li> <li>✦ sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh : <ul style="list-style-type: none"> <li>✦ biar mati anak, jangan mati adat</li> <li>✦ gajah mati meninggalkan tulang, harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh : <ul style="list-style-type: none"> <li>✦ bahasa jiwa bangsa</li> <li>✦ ilmu itu pelita hati</li> <li>✦ masa itu emas</li> <li>✦ pandu cermat</li> <li>✦ jiwa selamat</li> </ul> </li> </ul>
---	--	--	--	---

## 2.1.2 Peribahasa Mengikut Konteks Bahasa Arab

### 2.1.2.1 Definisi Dan Konsep Peribahasa Arab

Mengikut kajian Wan Hassan (2009:117) dalam tesisnya, beliau menjelaskan bahawa tiada perbezaan di antara mathal dan peribahasa. Dengan demikian, mathal boleh diterjemahkan secara langsung kepada peribahasa. Manakala peribahasa pula diterjemahkan secara langsung kepada mathal. Ini disokong oleh Abd. Rauf et al. (2002:9) yang mengatakan bahawa terjemahan yang lebih tepat bagi al-mathal ini ialah peribahasa atau perumpamaan.

Definisi peribahasa Arab dari sudut bahasa antaranya menurut :

1. Kamus Lisān al-‘Arab (1119:4132-4133) iaitu :

مَثَلٌ ؛ مِثْلٌ : كَلِمَةٌ تَسْوِيَةٌ، يُقَالُ : هَذَا مِثْلُهُ وَمِثْلُهُ.

Maksudnya : Mathal atau mithlu merupakan perkataan yang sama. Dikatakan : ini menyerupainya dan menyamainya.

2. Selain itu, al-Mubarrid dalam Kamāl Khalāyilī (1998:—هـ) pula memberikan definisi yang berbunyi :

المَثَلُ مَا خُوِذَ مِنَ المِثَالِ، وَهُوَ: قَوْلٌ سَائِرٌ يُشَبَّهُ بِهِ حَالُ الثَّانِي بِالأَوَّلِ، وَالْأَصْلُ فِيهِ التَّشْبِيهُ.

Maksudnya : al-Mathal diambil daripada perkataan al-mithāl iaitu contoh. Ia adalah kata-kata yang digunakan secara meluas yang menyamakan antara keadaan yang kedua dengan keadaan yang pertama dan asal padanya adalah penyamaan.

Manakala definisi peribahasa Arab dari aspek istilah menurut :

1. Kamus Lisān al-‘Arab (1119:4132-4133) iaitu :

المَثَلُ : الشَّيْءُ الَّذِي يُضْرَبُ لِشَيْءٍ مَثَلًا فَيُجْعَلُ مِثْلَهُ.

Maksudnya : al-Mathal ialah sesuatu yang dijadikan perumpamaan bagi sesuatu yang lain, maka ia dijadikan seperti itu.

2. Begitu juga definisi menurut al-Mu‘jam al-Wasīṭ (2004:854) iaitu :

وَالْمَثَلُ : جُمْلَةٌ مِنَ الْقَوْلِ مُقْتَطِفَةٌ مِنْ كَلَامٍ، أَوْ مُرْسَلَةٌ بِذَاتِهَا، تُنْقَلُ مِنْ وَرَدَتْ فِيهِ إِلَى مُشَابِهِهِ بِدُونِ تَغْيِيرٍ.

Maksudnya : al-Mathal atau al-mithlu ialah ayat yang dipetik dari percakapan atau yang berdiri dengan dirinya sendiri, dipindahkan dari sesiapa yang menyebut kepada apa yang diserupakannya tanpa perubahan.

3. Seorang sarjana sastera Arab yang terkenal iaitu Al-‘Askarī (1988:11) mentakrifkan peribahasa seperti berikut :

اشْتِقَاقُ الْمَثَلِ : أَصْلُ الْمَثَلِ التَّمَاثُلُ بَيْنَ الشَّيْئَيْنِ فِي الْكَلَامِ.

Maksudnya : Kata terbitan al-mathal : al-mathal berasal daripada persamaan di antara dua benda di dalam percakapan.

4. Ibn Al-Sikkīt dalam Kamāl Khalāyilī (1998:—هـ) pula memberikan definisi mathal seperti berikut :

الْمَثَلُ هُوَ اللَّفْظُ الَّذِي يُخَالِفُ لَفْظَ الْمَضْرُوبِ لَهُ وَيُؤَافِقُ مَعْنَى ذَلِكَ اللَّفْظِ.

Maksudnya : al-Mathal adalah suatu lafaz yang perkataannya berbeza dengan apa yang berlaku, tetapi sama dari sudut makna yang dimaksudkannya.

Menurut Ibrahim Al-Nazzām dalam Kamāl Khalāyī (1988:—هـ) menyatakan terdapat empat ciri khusus pada mathal iaitu :

إِيجَازُ اللَّفْظِ ، إِصَابَةُ الْمَعْنَى ، حُسْنُ التَّشْبِيهِ ، جَوْدَةُ الْكِنَايَةِ.

Maksudnya : Mempunyai ungkapan yang ringkas, memiliki ketepatan makna, perumpamaan yang baik dan metonimi (perumpamaan) yang baik.

Seorang penyair bernama Ka‘ab ibn Zuhair pernah mengungkapkan sebaris syair iaitu :

كَأَنْتَ مَوَاعِيدُ عُرْقُوبٍ لَهَا مَثَلٌ # وَمَا مَوَاعِيدُهَا إِلَّا الْأَبَاطِيلُ

Maksudnya :

Janji-janji ‘Urqūb adalah mathal (perumpamaan/peribahasa) #

dan apa jua janji ‘Urqūb itu adalah palsu belaka

Maka ungkapan "مَوَاعِيدُ عُرْقُوبٍ" diketahui sebagai asal permulaan bagi semua jenis dari janji palsu.

Menurut Maḥmūd Ismā‘īl Ṣinī et al (1992:151) telah menceritakan asal ungkapan "مَوَاعِيدُ

"مَوَاعِيدُ عُرْقُوبٍ" wujud dari kisah seorang lelaki bernama ‘Urqūb dari kaum al-‘Amalīk (kaum dari kelahiran ‘Amalīk ibnu Lāwūdh ibnu Irmī ibnu Sām ibnu Nūh). Abangnya telah datang kepadanya lalu bertanya sesuatu, maka jawab ‘Urqūb : Apabila telah berbuah pohon kurma ini, maka untuk kamu hasilnya. Setelah berbuah, abangnya telah datang sebagaimana

dijanjikan, maka berkatalah ‘Urqūb : Tinggalkanlah ia sehingga menjadi cantik (berwarna kemerahan atau kekuningan). Setelah berwarna, ‘Urqūb berkata kepada abangnya : Tinggalkan ia sehingga menjadi buah kurma yang masak. Selepas kurma itu masak, dia berkata lagi, Tinggalkanlah ia sehingga menjadi buah kurma. Setelah menjadi buah kurma, ‘Urqūb telah pergi ke pohon tamar tersebut pada waktu malam dan telah memotongnya dan tidak diberi langsung kepada abangnya, maka terjadilah ungkapan berkaitan memungkir janji.

Demikianlah contoh ungkapan mathal "مواعيد عرقوب" bersama kisah asal usul ungkapan tersebut lahir dan digunakan dalam kalangan masyarakat Arab. Maḥmūd Ismā‘īl Ṣīnī et al. (1992: j) berpendapat bahawa, al-amthāl merupakan lambang kepada mana-mana bahasa iaitu hasil daripada inti pati pengalaman masyarakat yang telah membentuk dalam acuan ringkasan lisan sebagaimana sesungguhnya peribahasa merupakan cerminan kepada budaya bangsa dan aliran pemikiran dan melihat kepada kehidupan. Oleh itu, kita dapati al-amthāl yang penuh dengan pandangan yang betul bahkan bijaksana, apa yang hampir didengari oleh ahli bahasa atau dibaca sehingga penyatuan makna dalam fikiran mereka. Maka kayanya penceramah dan penulis tentang banyak dari perkataan.

Ibn al-Muqaffa‘ dalam Maḥmūd Ismā‘īl Ṣīnī et.al (1992: j) turut menambah iaitu :

إِذَا جُعِلَ الْكَلَامُ مَثَلًا ، كَانَ أَوْضَحَ لِلْمَنْطِقِ ، وَأَتَقَ لِلسَّمْعِ ، وَأَوْسَعَ لِشُعُوبِ الْحَدِيثِ

Maksudnya : Jika kamu membuat ucapan sebagai contoh, telah menjelaskan percakapan, dan mengagumkan pendengaran, dan meluaskan kepada bangsa-bangsa moden.

Oleh itu, keperluan pengetahuan peribahasa adalah penting yang bukan hanya untuk penutur bahasa sahaja, bahkan ia merupakan perkara pertama ke atas setiap orang yang belajar bahasa tidak terkecuali rakyatnya. Sesungguhnya, kegunaan peribahasa hanya berlaku apabila penutur memahami bahasanya dan budayanya dalam konteks persekitarannya yang semula jadi.

Perbincangan mengenai definisi mathal daripada pelbagai sumber di atas dapat disimpulkan bahawa PA ialah suatu lafaz yang perkataannya berbeza dengan apa yang berlaku, tetapi sama dari sudut makna yang dimaksudkannya. Ia juga dipindahkan dari sesiapa yang menyebut kepada apa yang diserupakannya tanpa perubahan.

#### **2.1.2.2 Pertumbuhan Peribahasa Arab**

Menurut Samīḥ ‘Āṭif Al-Zīn (2000:12), peribahasa Arab sudah berakar umbi sejak berzaman lagi seiring dengan budaya manusia yang berbeza peringkatnya dan sering melalui tindak balas antara satu sama lain. Contohnya tindak balas budaya telah menghasilkan warisan ideologi yang kaya dengan pengembaraan manusia.

Kebanyakan budaya di setiap negara adalah berbeza disebabkan kedudukan geografi, sesuatu yang datang secara tiba-tiba seperti pencerobohan dan penjajahan, atau disebabkan cara dan gaya kehidupan sesebuah masyarakat itu sendiri. Begitu juga dengan pertumbuhan peribahasa Arab yang kebanyakannya timbul disebabkan faktor-faktor tersebut atau sebagainya. Masyarakat Arab tidak berbeza dengan masyarakat lain dari segi pengetahuan terhadap peribahasa Arab (mathal). Bahkan mereka meletakkan mathal di sisi mereka satu kesenian budaya yang unik (Samīḥ ‘Āṭif Al-Zīn, 2000:13).



### 2.1.2.3 Jenis-jenis Peribahasa Arab

Peribahasa Arab (amthāl) terbahagi kepada beberapa jenis. Namun, amthāl yang relevan dari sudut sumbernya dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu :

#### (a) Peribahasa Daripada Peristiwa

Ungkapan amthāl boleh terhasil melalui sesuatu peristiwa. Contohnya, ((وَأَفَقَ شَنْ طَبَقَةً)) yang bermaksud ((Syan serasi dengan Ṭābaqat)). Kisah ini berlaku kepada seorang lelaki bernama ((Syan)) bertemu seorang perempuan bernama ((Ṭābaqat)). Maka dikahwininya.

Amthāl ini digunakan bagi menunjukkan keserasian atau kesesuaian antara dua benda atau perkara.

#### (b) Peribahasa Daripada Tasybīh

Kadang-kala amthāl juga timbul daripada tasybīh. Misalnya, ungkapan ((أَجْوَدُ مِنْ حَاتِمٍ)) yang bermaksud ((lebih pemurah daripada Hatim)).

Amthāl ini digunakan untuk menunjukkan seseorang yang sangat pemurah.

#### (c) Peribahasa Daripada Kata-kata Hikmat

Kata-kata hikmat juga menyumbang kepada pembentukan amthāl. Umpamanya ungkapan daripada Zuhair bin Abī Salamī yang menyebut :

رَأَيْتُ الْمَنَايَا خَبَطَ عَشَوَاءَ مَنْ تُصِيبُ # تُمِثُّهُ وَمَنْ تُخْطِئُ يُعَمَّرُ فِيهِمْ

Aku melihat kematian berlaku secara rambangan, siapa didatanginya #

dimatikannya dan sesiapa yang tidak kena, maka dia hidup dan akan tua

Penggunaan kata-kata hikmat dalam amthāl menunjukkan peribahasa Arab diwarnai dengan falsafah dan keilmuan seseorang yang bijaksana.

#### **(d) Peribahasa Daripada Sajak/Puisi**

Menurut Maḥmūd Ismā‘īl Ṣīnī et.al (1992:٧). Sajak Arab terkandung di dalamnya pelbagai ḥikmat wa amthāl sejak zaman Jahiliyyah. Kebanyakan qasīdat ḥikam wa amthāl hasil daripada tujuan penyajak, hasil daripada pengalaman yang dilalui oleh penyajak. Ungkapan ḥikam wa amthāl di dalam sajak mempunyai kesan yang besar kepada pembaca dan pendengar. Sebahagian penyajak yang datang dari zaman berbeza, masyhur dengan penguasaan ḥikam wa amthāl ke atas sajak mereka. Contohnya : Abu al-‘Alā’ berkata :

أُصُولٌ قَدْ بُنِيَ عَلَى فَسَادٍ # وَتَقْوَى اللَّهِ سَوْقٌ لَا تَبُورُ

Maksudnya : Ada banyak prinsip/pegangan telah dibina atas kerosakan #

dan bertaqwa kepada Allah merupakan perniagaan yang tidak rugi

Tujuan ḥikam wa amthāl digunakan adalah untuk menyatakan perasaan, pemikiran, menceritakan kehidupan mereka sama ada penderitaan atau kebahagiaan.

#### **(e) Peribahasa Daripada Al-Qur’an Al-Karim dan Ḥadīth**

Al-Qur’an dan ḥadīth merupakan sumber pegangan bagi umat Islam. Penggunaan amthāl banyak disebut di dalam kedua sumber ini. Al-Qur’an adalah sebuah kitab suci kalam Allah yang penuh di dalamnya penjelasan, perincian dan penerangan. Bentuk-bentuk ayatnya terdiri daripada pelbagai jenis uslub atau gaya antaranya yang menampakkan kepada kita

ialah nilai amthal dan kepentingannya dalam aspek ungkapan, penjelasan dan kefasihan.

(Maḥmūd Ismā‘īl Ṣinī et.al, 1992:ك). Contohnya, surah al-Baqarāṭ ayat 26 :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا بَعُوضَةً فَمَا فَوْقَهَا

Maksudnya : Sesungguhnya Allah tidak keberatan membuat perumpamaan seekor nyamuk atau yang lebih kecil dari itu.

Sementara itu, perbandingan atau pemberian misalan adalah satu uslub yang terdapat dalam kitab ḥadīth. Penulisannya yang terang, jelas dan menjadi manfaat bagi setiap zaman (Maḥmūd Ismā‘īl Ṣinī et.al, 1992:ك). Contohnya, ((لَا يُلْسَعُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ مَرَّتَيْنِ)) yang bermaksud orang mukmin tidak disengat dari satu lubang sebanyak dua kali.

Tujuan penggunaan amthāl dalam al-Qur’an dan al-ḥadīth ini sebagai peringatan kepada manusia dan orang beriman sama ada dalam bentuk berita gembira atau sebaliknya.

## 2.2 Penterjemahan

Menurut Puteri Roslina (2012:1-2), penterjemahan merupakan cabang bidang kemanusiaan yang berkait rapat dengan kajian sistematik tentang teori dan aplikasi terjemahan, huraian antara disiplin dan interpretasi atau kedua-duanya sekali. Kebanyakan karya terkini dihasilkan dalam bahasa ibunda penulis asalnya, kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa utama dunia antaranya bahasa Inggeris, Mandarin, Perancis dan Arab.

### **2.2.1 Definisi Dan Konsep Penterjemahan**

Takrifan penterjemahan ialah aktiviti mentafsir sesuatu teks dan menghasilkan semula teks tersebut dalam bahasa yang lain. Tujuan penterjemahan adalah untuk menghasilkan satu karya (teks sasaran) yang membawa makna yang sama dengan sesuatu karya bahasa asing (teks sumber) (Puteri Roslina, 2012:1).

Larson (1998:3) pula menyebut bahawa terjemahan pada asasnya adalah perubahan bentuk. Apabila kita bercakap tentang satu bentuk bahasa, kita merujuk kepada perkataan sebenar, frasa, klausa, ayat, perenggan, dan lain-lain, yang telah ditutur atau ditulis. Tujuan teks ini adalah untuk menunjukkan bahawa terjemahan terdiri daripada pertukaran makna bahasa sumber ke dalam bahasa penerima (sasaran).

Nor Hashimah (1991) melihat proses terjemahan berkait rapat dengan pengkajian makna tetapi ia bukanlah suatu bidang yang khusus untuk mengkaji makna dalam Suziana (2005:7). Proses penterjemahan melibatkan kesepadanan makna iaitu usaha memadankan teks bahasa sasaran yang membawa maksud yang sama atau mendukung fungsi yang sama dengan unsur yang terdapat dalam bahasa sumber.

Sementara itu, Muhammad Fauzi (2006:84) mendefinisikan penterjemahan sebagai suatu proses ataupun produk yang terhasil melalui proses penterjemahan. Secara praktikalnya pula, penterjemahan ialah perbuatan memindahkan teks bertulis atau komunikasi lisan ke dalam bahasa yang lain, Pemindahan komunikasi lisan ini dikenali sebagai interpretasi. Dengan kata lain, penterjemahan melibatkan penggantian bahan tekstual sesuatu bahasa (bahasa sumber) dengan padanan bahan tekstual yang sesuai dalam bahasa yang lain

(bahasa sasaran). Padanan sama yang lazim digunakan ialah persamaan makna, stilistik dan reaksi sebenar teks atau bahan asal.

Norizah et al. (2009:2) pula berpendapat dalam era globalisasi ini, aktiviti penterjemahan sememangnya amat perlu untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat bahawa ilmu pengetahuan itu bukan saja boleh dinikmati oleh golongan elit di negara ini tetapi seharusnya sampai kepada semua masyarakat dengan menggunakan bahasa-bahasa yang tertentu. Apabila bercerita tentang ilmu penterjemahan, secara tidak langsung teori terjemahan dan praktikal terjemahan akan saling berkait. Mengikut teori, ada dua perkara penting yang melahirkan terjemahan iaitu bahasa sumber (*source language*) dan bahasa sasaran (*target language*).

Konsep dan definisi penterjemahan boleh dirangkumkan dengan maksud pemindahan maklumat dari satu bahasa kepada satu bahasa yang lain dengan melibatkan kesepadanan makna dan saling berkait dengan teori terjemahan dan praktikal terjemahan.

### **2.2.2 Syarat Penterjemah**

Sarjana penterjemahan, Ainon & Abdullah (2008a:40-42) berpendapat bahawa, setiap pakar dalam bidang penterjemahan menghasilkan teori-teori, prinsip-prinsip dan teknik-teknik yang menjadi panduan bagi para penterjemah. Seseorang yang mahu menjadi penterjemah yang baik perlulah dapat memenuhi empat syarat utama yang berikut :

#### **1. Mengetahui bahasa sumber**

Istilah bahasa sumber bermakna bahasa asal yang diterjemahkan ke dalam bahasa kedua. Pengetahuan bahasa sumber itu pula mestilah berupa pengetahuan yang

mendalam. Penterjemah perlu menguasai bahasa itu secukupnya bagi membolehkan dia mengetahui selok-belok keistimewaan dan keganjilan bahasa itu supaya dia dapat membezakan makna yang terkandung dalam teks asal, dan dengan itu dia dapat mentafsirkan maksudnya dengan tepat.

## **2. Mengetahui bahasa penerima**

Istilah bahasa penerima bermakna bahasa mana teks asal itu akan diterjemahkan. Dalam erti kata lain, bahasa penerima ialah bahasa kedua. Mengikut pakar terjemahan hari ini, seseorang penterjemah, selain perlu menguasai bahasa sumber dengan baik, mestilah juga menguasai bahasa penerima dengan lebih baik lagi. Contohnya, sekiranya dia menterjemah daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu, penterjemah itu mestilah mengetahui bahasa Melayu lebih baik daripada bahasa Inggeris, atau sama baiknya dalam kedua-dua bahasa ini.

## **3. Pengetahuan dalam bidang yang diterjemah**

Bagi menjamin supaya makna atau maklumat yang terkandung dalam teks asal dapat dipindahkan dengan tepat dan sempurna daripada bahasa sumber ke dalam bahasa penerima, penterjemah mesti mempunyai pengetahuan dalam bidang yang hendak diterjemahkannya. Dalam hal ini, pengetahuan bahasa yang baik belum dapat memenuhi syarat menjadi penterjemah yang baik. Ini adalah penting bukan sahaja dalam penterjemahan teks-teks khusus seperti bidang sains, teknologi, undang-undang atau falsafah, malah prinsip ini juga penting dalam penterjemahan karya kesusasteraan.


#### **4. Mengetahui teori dan amalan terjemahan**

Bidang penterjemahan, seperti bidang-bidang ilmu yang lain, berkembang dan melahirkan teori dan kaedah ilmiahnya sendiri. Pada suatu masa dahulu penterjemahan dianggap sebagai suatu tugas bagi mencari perkataan-perkataan yang boleh menggantikan perkataan-perkataan asal dalam bahasa sumbernya. Anggapan ini tidak benar. Contohnya, bagi menterjemahkan hasil sastera, seseorang penterjemah itu bukan setakat mencari perkataan padanan, tetapi bertanggungjawab memindahkan idea, maklumat dan gaya teks yang diterjemahkan. Ini bererti penterjemahan perlu dibantu oleh ilmu pengetahuan yang secukupnya di dalam bidang teori dan kaedah terjemahan semasa menjalankan tugas yang sukar itu.

Keempat-empat syarat tersebut menjadi landasan utama kepada penghasilan karya terjemahan yang bermutu selain memberi keutamaan pada reaksi pembaca terhadap terjemahan supaya reaksi mereka serupa dengan reaksi yang dialami oleh pembaca teks sumber.

##### **2.2.3 Proses Penterjemahan**

Norizah et al. (2009) telah mengadaptasi model proses penterjemahan menurut Nida & Taber (2003:33) yang asalnya mengandungi tiga tahap proses dalam penterjemahan iaitu (1)analisis teks (2)pemindahan (3)struktur semula. Kemudian, Norizah et al. (2009) telah menambah satu lagi langkah setelah selesai menstruktur semula iaitu (4)menyemak teks terjemahan.



Rajah 2.3 : Model Proses Penterjemahan (Nida & Taber, 2003:33)

Berdasarkan rajah 2.3 di atas, Norizah et al. (2009:33) mengatakan bahawa penterjemahan ialah usaha menterjemah secara keseluruhannya yang melibatkan penterjemah sebagai medium yang digunakan untuk menterjemah bahasa sumber ke dalam bahasa penerima. Terjemahan pula merupakan sebahagian daripada penterjemahan yang merangkumi cara menterjemah dan hasil pemindahan teks dari satu bahasa ke bahasa lain yang melibatkan persamaan bentuk dan mesej yang terkandung dalamnya.

Berikut adalah penerangan berkenaan model proses penterjemahan bagi keempat-empat tahap yang dijelaskan oleh Norizah et al. (2009) iaitu :

### **1. Menganalisis Teks**

Langkah pertama untuk menterjemah sesuatu teks ialah menganalisis teks tersebut untuk mengetahui dan memahami isi kandungan teks tersebut. Pada peringkat ini, penguasaan bahasa sumber yang baik sangat penting. Semasa menganalisis, penterjemah perlu meneliti struktur permukaan teks, maksudnya ialah analisis dari



segi hubungan tatabahasa kata-kata yang membawa mesej dan makna serta makna kata-kata tertentu seperti kiasan, ungkapan lisan, istilah ungkapan yang menjadi norma sesuatu bahasa, untuk memastikan makna linguistik, makna rujukan dan makna emosi yang terkandung dalamnya. Oleh itu, bacalah teks asal tersebut sehingga tamat sekurang-kurangnya dua kali. Dengan cara ini penterjemah akan memahami kandungan teks dan secara tidak langsung akan memudahkan kerja-kerja penganalisan. Sekiranya didapati ayat yang perlu diterjemahkan itu terlalu panjang, maka boleh ayat itu boleh dipecah-pecahkan kepada beberapa unit ayat.

Analisis teks ini penting. Penterjemah perlu mentafsir apa yang dimaksudkan oleh penulis teks asal. Makna merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian. Selain daripada memastikan makna yang akan dipindahkan itu tepat, penterjemah juga dapat mengetahui ‘mood’ (kecenderungan fikiran dan perasaan) dan kesan yang hendak disampaikan oleh pengarang teks tersebut kepada pembaca. Oleh yang demikian, penterjemah akan dapat menentukan kaedah-kaedah terjemahan tertentu yang boleh digunakan, bentuk-bentuk leksikon, gaya dan laras yang paling sesuai dan menepati teks asal serta sesuai dengan pembaca sasaran teks terjemahan tersebut kelak (Norizah et al., 2009:33-34).

## **2. Pemindahan Warta**

Pemindahan warta merupakan proses kedua yang terpenting dalam terjemahan. Proses ini perlu dilakukan berhati-hati. Pada tahap ini maklumat dan maksud yang diperoleh dalam proses analisis tadi dipindahkan ke dalam bahasa sasaran. Hanya penterjemah sahaja yang mengetahui cara warta yang dihasilkan itu hendak

dipindahkan kepada bahasa penerima. Pada peringkat ini, penterjemah hendaklah pandai membuat penyesuaian dengan jenis teks yang hendak diterjemahkan itu.

Beberapa kekeliruan atau kesalahan konsep mungkin timbul pada peringkat ini kerana faktor-faktor berikut :

1. Pengetahuan yang terlalu tinggi tentang bidang yang hendak diterjemahkan.
2. Sikap tidak puas hati dengan bahasa sendiri.
3. Kurang pengetahuan tentang penterjemahan.

Semasa proses pemindahan ini, kata-kata dipadukan secara bermakna mengikut kelaziman yang terdapat dalam bahasa penerima setelah dibuat penyesuaian makna (semantik) dan penyesuaian struktur.

Umumnya, asas yang dapat dijadikan panduan semasa membuat penyesuaian ialah membezakan bentuk atau gaya penyampaian daripada isi. Kepentingan diletakkan pada aspek isi kandungan bukannya bentuk. Perkara yang diterjemahkan ialah makna bukannya kata. Biasanya sedikit sebanyak makna idiomatik tidak dapat dipindahkan seratus peratus tetapi semasa menterjemah, sudah menjadi tanggungjawab penterjemahan untuk memastikan kehilangan ini berlaku pada tahap yang minimum.

Penyesuaian struktur pula melibatkan seluruh struktur linguistik seperti wacana, ayat, perkataan, bunyi. Tanpa penyesuaian struktur, terjemahan yang dihasilkan akan janggal dan asing bunyinya. Malah perkara ini boleh mencatatkan penyampaian maksud. Hal ini kerana, pengekalan struktur bahasa sumber dalam

teks terjemahan hampir mustahil dilakukan kerana setiap bahasa mempunyai strukturnya yang tersendiri (Norizah et al., 2009:34-35).

### **3. Menstruktur Semula**

Setelah membuat analisis dan beberapa penyesuaian dalam proses pemindahan, maka maklumat yang hendak disampaikan itu distruktur semula dalam bahasa sasaran. Penstrukturan semula bergantung pada pelbagai gaya bahasa yang dianggap sesuai, ciri-ciri utama pada gaya bahasa dan kaedah yang dapat digunakan sesuai dengan konteks penggunaan bahasa yang dikehendaki. Gaya bahasa yang digunakan hendaklah memudahkan pembaca memahami terjemahan. Supaya struktur cerita cepat difahami dan tidak membosankan. Perkara yang amat penting semasa membuat penstrukturan semula ini adalah penterjemah betul-betul menstruktur warta dalam lenggok bahasa penerima. Oleh itu, penterjemah haruslah mengetahui gaya penulisan dan menguasai bahasa penerima. Hasilnya pembaca akan merasakan teks terjemahan tersebut seperti karya asli semasa mereka membacanya (Norizah et al., 2009:35).

### **4. Menyemak Teks Terjemahan**

Setelah selesai melakukan penstrukturan semula, sesebuah terjemahan masih belum dikatakan benar-benar baik. Langkah selanjutnya yang perlu diambil ialah menyemak semula. Perkara yang perlu diperhatikan semasa menyemak semula terjemahan ialah dari segi :

1. Ketepatan dan kejelasan maklumat yang ingin disampaikan semula dalam teks yang telah diterjemahkan.

2. Aspek kebahasaan teks terjemahan tersebut. Adakah menepati tatabahasa bahasa sasaran, baik dari segi pengimbuhan, ejaannya, istilahnya, struktur frasanya dan kesempurnaan ayatnya?
3. Adakah kesan yang sama seperti teks asli dapat ditimbulkan dalam teks yang telah diterjemahkan itu?

Melalui penyemakan semula ini dapatlah dipastikan sama ada penterjemah berjaya menimbulkan reaksi yang sama dalam kalangan pembaca, seperti yang ditimbulkan oleh teks asal (Norizah et al., 2009:35-36).

### **2.3 Penterjemahan Peribahasa**

Penterjemahan peribahasa dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu kesukaran menterjemah peribahasa dan strategi penterjemahan peribahasa yang dikemukakan atau dicadangkan oleh sarjana-sarjana penterjemahan sama ada dalam mahupun luar negara.

#### **2.3.1 Kesukaran Menterjemah Peribahasa**

Lazimnya, masalah yang dihadapi oleh seseorang penterjemah ialah mengalami kesukaran untuk menterjemah bentuk ungkapan seperti peribahasa yang merangkumi perumpamaan, bidalan, pepatah dan simpulan bahasa. Genre tersebut lahir daripada pengalaman masyarakat dan budaya sesuatu bangsa mengikut kepada keadaan, suasana, latar belakang, zaman, bentuk muka bumi, kehidupan fauna dan flora, dan bermacam-macam lagi. Contohnya di alam Melayu yang kaya dengan haiwan antaranya banyak buaya dan harimau, maka tidak hairan jika banyak peribahasa yang dihasilkan mengaitkan binatang tersebut seperti :

1. *Air tenang jangan disangka tiada buaya*
2. *Beralah ke hilir tertawa buaya. Bersuluh di bulan tertawa harimau*

Bentuk peribahasa (1) sukar diterjemahkan kerana apabila diterjemahkan secara harfiah, maknanya menjadi janggal dalam bahasa sasaran. Biasanya tidak dapat difahami oleh penutur jati bahasa sasaran. Penterjemah perlu merujuk sumber-sumber berkaitan untuk mendapatkan peribahasa yang sepadan dengan bahasa sasaran sebagai meraikan peribahasa yang sememangnya sudah sedia ada dalam bahasa sasaran. Oleh itu, peribahasa (1) iaitu *air tenang jangan disangka tiada buaya* jika diterjemahkan secara harfiah berbunyi :

‘الْمِيَاهُ الْهَادِئَةُ لَا تَظُنُّ أَنَّهَا خَالِيَةٌ مِنَ التَّمَسَّاحِ’

Dalam BA memang ada peribahasa yang sepadan maknanya dengan makna PM seperti di atas iaitu ‘تَحْتَ السَّوَاهِي دَوَاهِي’. Jika diperhatikan, terjemahan maknanya tidak sama dengan yang terkandung dalam PM terutamanya unsur haiwan yang digunakan. Contoh peribahasa lain iaitu *gajah berjuang sama gajah, pelanduk mati di tengah-tengah*. Sama sekali tidak boleh diterjemahkan satu persatu menjadi ‘معركة الفيل مع الفيل، والغزلان الماوس’. Ini kerana hasil terjemahan seperti ini tidak wujud dalam langgam BA. Peribahasa Arab yang sepadan adalah ‘بَيْنَ الْمِطْرَقَةِ وَالسَّنْدَانِ’.

Tidak dinafikan, terdapat terjemahan peribahasa yang mengekalkan dan memang seperti terjemahan harfiah kerana peribahasa ini walaupun diterjemahkan secara harfiah tetapi difahami oleh penutur jati Arab. Ini mungkin disebabkan oleh pertindihan budaya dan pengalaman sejagat. Contohnya, *anjing itu tetap anjing sekalipun kamu kalungkan ia rantai emas* diterjemahkan dalam BA sebagai ‘الْكَلْبُ كَلْبٌ وَلَوْ طَوَّقْتَهُ بِالذَّهَبِ’.

Kesukaran lain berlaku apabila tiada padanan peribahasa bahasa sumber dalam bahasa sasaran. Maka, penterjemah perlu mengambil langkah untuk menterjemah secara makna. Ada kemungkinan juga langkah ini perlu dilakukan kerana unsur dalam peribahasa bahasa sumber sukar diterjemahkan. Hal ini dapat dijelaskan seperti bentuk peribahasa (2) iaitu *beralah ke hilir tertawa buaya. bersuluh di bulan tertawa harimau* yang sukar digantikan dengan peribahasa yang sama maksud dengan peribahasa Arab. Oleh itu, penterjemah perlu menggunakan kemahiran untuk menterjemah dengan melihat maksud PM untuk menyesuaikan penterjemahan makna yang akan dilakukan. Hasil terjemahan adalah seperti berikut :

‘يَشْرَعُ فِي مُهِمَّةٍ أَوْ مُغَامَرَةٍ سَخِيفَةٍ غَيْرِ مُرْبِحَةٍ’

Berdasarkan penjelasan di atas ini, berbagai-bagai masalah wujud dalam membuat terjemahan tentang berbagai genre bahasa terutama dalam kelompok bunga-bunga bahasa yang sukar diterjemahkan. Masalah yang sukar ini hanya dapat diatasi apabila penterjemah itu benar-benar mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam dari segi pengalaman sejarah yang dilalui oleh sesuatu bahasa, budaya, masyarakat dan juga bangsa yang punya bahasa-bahasa tadi. Para penterjemah juga perlu mempunyai penguasaan di tahap yang tinggi akan kedua-dua bahasa sumber dan bahasa sasaran.

### **2.3.2 Strategi Penterjemahan Peribahasa**

Pada dasarnya, peribahasa, idiom, metafora dan seumpamanya tergolong dalam bahasa kiasan berdasarkan pandangan Ainon & Abdullah (2010) dalam bab 2 yang dijelaskan sebelum ini. Menurut Kamus Dewan (2005:1185), bahasa kiasan ialah perkataan atau

ungkapan yang digunakan dalam makna yang berbeza daripada makna sebenar atau makna biasa perkataan itu. Persamaan yang terkandung dalam jenis-jenis bahasa kiasan ini umumnya adalah ungkapan yang berlainan daripada makna sebenar. Ini bermakna jenis-jenis bahasa kiasan ini juga mempunyai perkongsian yang sama dalam menentukan strategi penterjemahan.

Sebagaimana yang dicadangkan oleh sarjana-sarjana penterjemahan dalam dan luar negara, ada di antara strategi yang dikemukakan telah ditentukan sama ada untuk menterjemah peribahasa, metafora, idiom atau bahasa kiasan. Pengkaji berpendapat, antara faktor yang mempengaruhi pemilihan strategi adalah bergantung pada teks terjemahan dan analisis awal terhadap teks dan menilai kesesuaian strategi yang diaplikasikan oleh penterjemah. Berikut adalah senarai strategi penterjemahan bahasa kiasan :

### **2.3.2.1 Strategi Eugene A. Nida (1964)**

Nida (1964:226-238) telah membincangkan strategi menterjemah bahasa kiasan dengan menggunakan teknik penyesuaian (*Adjustment Techniques*). Teknik penyesuaian terbahagi kepada 3 bahagian iaitu teknik penambahan, teknik pengurangan dan pengubahsuaian.

#### **1) Teknik Penambahan**

Proses-proses yang dijalankan dalam teknik penambahan ialah :

1. Penambahan yang melibatkan penstrukturan tatabahasa iaitu :

i. Perubahan ayat pasif kepada ayat aktif dengan memasukkan pelaku.

Contoh: He will be condemned – God will condemn him

(Nida, 1964:228)

ii. Memperjelaskan ayat implisit kepada ayat eksplisit dengan menambahkan perkataan lain.

Contoh : To confess sins – It is true we have sinned

(Nida, 1964:228)

- iii. Perubahan kelas perkataan dari kata nama ke kata kerja dan sebagainya dengan menambah perkataan.

Contoh : Incentive to love – if....love means anything to you

(Nida, 1964:228)

## 2. Memperjelaskan status implisit ke eksplisit

- i. Elemen semantik yang penting memerlukan penerangan yang eksplisit dalam bahasa sasaran.

Contoh : Queen of the South – Woman who was ruling in the south country

(Nida, 1964:229)

- ii. Memperjelaskan klausa-klausa yang implisit

Contoh : ..as it is written in Isaiah the Prophet ...as it is written the book containing what Isaiah the prophet said

(Nida, 1964:229)

- iii. Perhubungan semantik yang padat dengan konteks.

Contoh : Field of blood – Field where blood was spilled

(Nida, 1964:229)

## 3. Memperkenalkan penyambung ayat.

Contoh : He went up to Jerusalem. There he taught the people-[He went up to Jerusalem. Having arrived there, he taught the people.

(Nida, 1964:230)



4. Penambahan yang terpaksa dilakukan dalam bahasa sasaran walaupun ianya tiada dalam bahasa sumber. Ada bahasa yang mempunyai banyak ‘verbal affixes’ seperti ‘quotatives’, ‘assertives’, ‘duplicatives’, ‘intensifiers’, ‘correlatives’ dan lain-lain. Penambahan ini dilakukan kerana kepentingannya dalam bahasa sasaran.

## 2) Teknik Pengurangan

Proses-proses yang terlibat dalam teknik pengurangan adalah :

1. Pengurangan perlu dilakukan kepada sesuatu pertindihan semantik seperti pengulangan dan pengucapan yang sama erti dalam sesebuah ayat.

Contoh : Brother and sister – siblings

I will kill him with my weapon. I will slay him with my sword. I will certainly kill him with my sword

(Nida, 1964:231)

2. Pengurangan dari segi penggunaan kata hubung yang berlebihan iaitu menukarkannya dari struktur hypotaktik kepada parataktik.

Contoh : God and father – God, father

John and Bill and Jim – John, Bill, Jim

(Nida, 1964:232)

3. Pengurangan akan berlaku apabila peralihan kategori terjadi
4. Pengurangan juga akan terjadi apabila sistem panggilan atau sapaan dan kesopanan yang mungkin tiada diamalkan dalam bahasa sasaran dan sebaliknya.

Contoh : Peter said to Jesus : Teacher, it is well that we are here – Peter said to Jesus, his teacher : it is well that were are here

(Nida, 1964:233)

### 3) Teknik Pengubahsuaian

Proses-proses yang terlibat dalam teknik pengubahsuaian adalah :

1. Pengubahsuaian melibatkan kategori dalam bentuk yang tiada sebarang fungsi dalam bahasa sumber seperti perubahan dari kata tunggal (singular) kepada kata majmuk (plural).

Contoh : for to him who has ...- because to those who have ....

(Nida, 1964:234)

2. Pengubahsuaian kelas perkataan yang melibatkan kata nama, kata kerja, kata hubung, kata adjektif dan sebagainya.

Contoh : theft – they steal, murder – they will kill people

I am the resurrection – I am the one who causes people to live again

The voice of your greeting – when I heard you greet me

(Nida, 1964:234)

3. Pengubahsuaian struktur klausa dan ayat

- i. Pengubahsuaian bentuk hypertaktik kepada parataktik yang tidak melibatkan penambahan atau pengurangan perkataan

Contoh : ...be transformed by the renewal of your mind- ..make yourselves good; make your hearts new

(Nida, 1964:235)

- ii. Pengubahsuaian dari ayat tanya kepada ayat penyata

- iii. Pengubahsuaian ayat tidak langsung kepada ayat langsung dan sebaliknya

4. Masalah semantik yang melibatkan perkataan tunggal (single word)

- i. Pengubahsuaian dalam tingkat kesamaan (corresponding level).

Contoh : wolf – hunting dog

(Nida, 1964:237)

- ii. Pengubahsuaian dengan memberikan ciri-ciri attributive.

Contoh : Gospel –message of God

Preach – declare the word of God

(Nida, 1964:237)

- iii. Pengubahsuaian dalam tingkat yang sama tetapi mempunyai kedudukan yang berbeza kerana budaya
- iv. Pengubahsuaian pada padanan deskriptif yang tiada dalam bahasa sasaran.

Contoh : synagogue – house where law was read

leaven – thing that makes bread rise

breastplate –metal worn on the chest for protection

(Nida,1964:237)

#### **2.3.2.2 Strategi Beekman dan Callow (1974)**

Beekman dan Callow (1974) dalam Aliakbar Khomeijani Farahani & Masoumeh Ghasemi. (2012:18) mencadangkan tiga strategi untuk menterjemahkan peribahasa iaitu :

- 1) Perkataan mengikut peribahasa yang boleh diperkenalkan sebagai maksud peribahasa.
- 2) Peribahasa bahasa sumber yang boleh digantikan dengan peribahasa tempatan (peribahasa bahasa sasaran) yang sama maksud.
- 3) Makna bukan kiasan yang boleh dinyatakan terus terang.

### 2.3.2.3 Strategi Peter Newmark (1992)

Menurut pandangan Newmark (1992:136-142) tatacara untuk menterjemahkan metafora adalah mengikut urutan keutamaan :

- 1) Menghasilkan semula imej yang sama dalam bahasa sasaran dengan syarat imej berkenaan mempunyai kekerapan penggunaan yang serupa dalam laras yang berkenaan.
- 2) Penterjemah boleh menggantikan imej dalam bahasa sumber dengan imej yang lazim dalam bahasa sasaran yang tidak bercanggah dengan budaya bahasa sasaran, tetapi kebanyakan metafora umum, peribahasa dan sebagainya dianggap telah dicipta oleh seseorang dan disebarkan melalui pertuturan orang ramai, penulisan dan kemudian melalui alat perhubungan.
- 3) Penterjemahan metafora dengan perbandingan (simile), dapat mengekalkan imejnya.
- 4) Penterjemahan metafora (atau perbandingan) dengan perbandingan campur maksud (atau kadang-kadang metafora campur maksud). Walaupun tatacara ini biasanya bersifat bertolak ansur namun ia mempunyai kelebihan, iaitu menggabungkan terjemahan komunikatif dengan terjemahan semantik untuk menyampaikan maklumat kepada pembaca biasa dan pembaca pakar sekiranya dirasai ada bahayanya pemindahan langsung metafora itu tidak dapat difahami oleh kebanyakan pembaca. (Anehnya hanya pembaca yang arif sahaja yang berpeluang mengalami kesan padanan melalui terjemahan semantik iaitu pemindahan imej, manakala pembaca biasa hanya didedahkan kepada maksud imej itu).

- 5) Penukaran metafora kepada pengertian. Tatacara ini umum dilakukan bergantung pada jenis teks, dan elok didahulukan daripada penggantian mana-mana imej bahasa sumber oleh imej bahasa sasaran yang mungkin pengertian yang luas atau digunakan dalam laras yang lebih luas.
- 6) Pelepasan. Jika metafora itu lewah atau membazir, wajar dilesapkan bersama-sama komponen pengertiannya, dengan syarat teks bahasa sumber itu tidak bersifat pengumuman atau penyampaian maklumat (iaitu semata-mata pernyataan sahshiah penulis).
- 7) Metafora yang sama digabungkan dengan pengertian. Kadang-kadang penterjemah yang memindahkan imej mungkin ingin memastikan metafora itu difahami dengan memberikan penjelasan.

Strategi penterjemahan metafora oleh Newmark (1992) ini menyumbang kepada para penterjemah untuk mengaplikasikannya di dalam teks terjemahan yang mengandungi metafora.

#### **2.3.2.4 Strategi Mildred L. Larson (1998)**

Larson (1998:277-279) membincangkan lima strategi bagaimana metafora mungkin diterjemahkan iaitu :

- 1) Mengekalkan metafora bahasa sumber. Strategi ini dilakukan kerana adanya kekerapan penggunaan imej yang sama di dalam bahasa sasaran yang mungkin disebabkan oleh pertindihan budaya dan pengalaman sejagat.

Contohnya, He's a an ox.

(Larson, 1998:278)

Sekiranya 'ox' mempunyai makna bahasa kiasan yang sama iaitu 'lembu' dalam bahasa sasaran maka ianya tiada mendatangkan masalah untuk mengekalkannya

- 2) Menterjemah metafora bahasa sumber dengan simile. Tujuan strategi ini adalah untuk memberikan penjelasan dengan perbandingan yang jelas kerana simile senang difahami kerana topik, imej dan titik persamaannya jelas kelihatan.

Contoh : *the road is like a snake* dan *the road is as crooked as a snake*

(Larson, 1998:278)

Bahasa yang tidak ada persamaan makna dengan bahasa kiasan bahasa sumber bagi 'snake' maka adalah lebih jelas sekiranya ditukar kepada simile seperti contoh 1. Ini adalah kerana perbandingan dalam simile akan lebih senang difahami oleh pembaca bahasa sasaran – untuk lebih jelas ianya boleh diterjemahkan seperti contoh 2.

- 3) Menggantikan metafora bahasa sumber ke bahasa kiasan bahasa sasaran yang mempunyai makna yang sama. Strategi ini dilakukan apabila terdapatnya persamaan makna di antara kedua-dua bahasa kiasan dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Contoh : *there was a storm in parliament* mungkin boleh digantikan dengan *parliament was on the fire last night*

(Larson, 1998:279)

Mungkin ada bahasa yang memerlukan pertukaran bahasa kiasan 'storm' kepada 'fire' yang mana kedua-dua bahasa kiasan ini mempunyai makna yang sama iaitu 'fierce debate'. Penukaran ini dilakukan asalkan tidak menghilangkan makna bahasa kiasan bahasa sumber.

- 4) Mengekalkan metafora bahasa sumber dan penjelasan maknanya diberi. Strategi ini dilakukan apabila tiadanya padanan yang sesuai dalam bahasa sasaran dan terdapat kepentingan untuk mengekalkannya. Penjelasan makna metafora bahasa sumber itu adalah untuk mengelakkan kesamaran kerana mungkin metafora yang digunakan itu sesuatu yang asing di dalam bahasa sasaran.

Contoh :

1. *The tongue is a fire.*
2. *The tongue is a fire. A fire destroys things and what we say can ruin people*

(Larson,1998:279)

Metafora bahasa sumber dikekalkan tetapi memerlukan penjelasan maknanya supaya kesan bahasa kiasan tersebut dapat dikekalkan.

- 5) Menterjemah tanpa mengekalkan imej atau unsur-unsur kiasan bahasa sumber.

Strategi terjemahan ini dilakukan kerana beberapa sebab iaitu:

- a. Mudah difahami kerana pengguna bahasa yang senang
- b. Unsur-unsur bahasa kiasan bahasa sumber sukar diterjemahkan
- c. Penggunaan bahasa kiasan dapat memberikan makna yang tepat

Contoh :

1. *There was a storm in the national parliament last night*
2. *There was a lot of argument and debate in the national parliament last night*

(Larson, 1998:279)

Terjemahan makna dilakukan secara langsung tanpa menggunakan unsur-unsur kiasan bahasa sumber.

### 2.3.2.5 Strategi Quwaydīr (2000)

Menurut Quwaydīr (2000:97-103) dalam Saifullah Kamalie (2010:170), beliau mencadangkan tiga langkah dalam menterjemah idiom, ungkapan tetap atau peribahasa. Ini antara terjemahan idiom bahasa Inggeris ke BA iaitu :

- 1) Mewujudkan idiom BA yang serupa dengan idiom bahasa Inggeris dalam susunannya dan dalam kosa katanya.

Seperti : *no smoke without fire*: لَا دُخَانٌ بِلَا نَارٍ

- 2) Menterjemah idiom bahasa Inggeris (BI) ke BA dengan susunan dan kosa kata yang berbeza. Penterjemahan seperti ini disebut “penterjemahan idiomatis” (Newmark, 1988:47).

Contoh : *even homer sometimes nods*: لِكُلِّ جَوَادٍ كِبْوَةٌ yang bermaksud setiap kuda pernah tergelincir.

- 3) Menterjemah dengan memberi bentuk struktur yang baru. Langkah ini merupakan langkah terakhir setelah penterjemah tidak dapat melakukan kedua langkah di atas.

Seperti : *spill the beans* : يُفْشِي السَّرَّ yang bermaksud menyebarkan rahsia.

Salah satu idiom yang disebutkan dalam contoh di atas, terdapat padanan idiom dalam bahasa Melayu dalam bentuk peribahasa iaitu *even homer sometimes nods*: لِكُلِّ جَوَادٍ كِبْوَةٌ yang secara harfiah bererti ‘setiap kuda pernah tergelincir’. Maka, padanannya dalam bentuk peribahasa adalah *sepandai-pandai tupai melompat, sekali akan jatuh juga*.



Keterangan dalam strategi ini juga memberi ruang untuk mengaplikasikannya dalam menterjemah peribahasa.

#### **2.3.2.6 Strategi Ainon Mohd. dan Abdullah Hassan (2008)**

Menurut Ainon & Abdullah (2008a:175-178), banyak peribahasa berfungsi sebagai istilah. Oleh yang demikian, menterjemah istilah yang mempunyai latar belakang unsur setempat dan budaya boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah-kaedah seperti berikut:

##### **1) Peribahasa menjadi peribahasa**

Dalam teknik ini istilah peribahasa dalam bahasa Inggeris kekal sebagai peribahasa dalam bahasa Melayu. Ini boleh dilakukan dalam dua cara :

- i. Peribahasa Inggeris itu dipinjam dengan cara menterjemahkan secara literal. Contohnya, *skyscraper* yang diterjemahkan sebagai pencakar langit. Namun, cara ini bukanlah cara yang baik bagi menterjemah istilah-istilah yang berbentuk peribahasa. Cara ini lebih kerap digunakan dalam bidang sains kemanusiaan kerana ia lazim didengar dalam bahasa umum. Dalam bidang sains dan teknologi, cara ini tidak digalakkan kerana makna peribahasa asing yang baru dipinjam tidak terang dan jelas.
- ii. Peribahasa Inggeris itu digantikan dengan PM. Setengah-setengah istilah peribahasa dalam bahasa Inggeris boleh digantikan dengan istilah PM yang lain bentuknya tetapi mempunyai makna yang serupa. Contohnya, *lip-service* yang diterjemahkan dalam PM yang bermaksud melepas batuk di tangga.

##### **2) Istilah peribahasa itu menjadi bukan peribahasa di dalam bahasa Melayu.**

Kaedah ini dilakukan dengan cara memberikan sahaja makna sebenar peribahasa bahasa Inggeris itu. Dalam contoh-contoh berikut perkataan yang ditulis condong adalah bentuk figuratif. Misalnya, *net profit* yang bermaksud untung bersih. Ini merupakan cara yang terbaik kerana dapat menghindarkan kemungkinan sesuatu istilah tidak difahami dan disalah tafsir.

- 3) Istilah bukan peribahasa dalam bahasa Inggeris menjadi peribahasa dalam bahasa Melayu.

Sesetengah istilah dalam bahasa Inggeris adalah dalam bentuk bukan peribahasa. Adakalanya istilah-istilah itu boleh diganti dengan istilah-istilah kita sendiri yang berbentuk peribahasa. Contohnya, *married* yang bermaksud berumah tangga.

Oleh yang demikian, kaedah yang dianjurkan ini adalah baik dan jika digunakan dengan betul, dapat memberikan gambaran makna yang tepat dalam bahasa Melayu.

#### **2.3.2.7 Strategi Norizah Ardi et.al. (2009)**

Menurut Norizah et.al. (2009:116-117) menyatakan bahawa perkataan-perkataan yang dikiaskan tidak boleh diterjemahkan dengan cara biasa. Ada tiga cara untuk menterjemah istilah-istilah yang bersifat kiasan iaitu :

- 1) Bentuk kiasan/peribahasa kiasan dalam bahasa sumber itu dikekalkan ke dalam bahasa sasaran dengan menggunakan kaedah pinjam terjemah.

Contohnya seperti *black sheep* menjadi ‘kambing hitam’ dan *bookworm* menjadi ‘ulat buku’. Peribahasa juga boleh dikekalkan dalam bahasa sasaran dengan menggunakan kaedah persamaan terdekat dan sejadi/persamaan bersahaja. Dengan menggunakan kaedah ini, penterjemah hendaklah menterjemah menggunakan ciri-

ciri asli yang dipunyai oleh bahasa sasaran. Dengan menggunakan kaedah ini, penterjemah hendaklah menterjemah menggunakan ciri-ciri asli yang dipunyai oleh bahasa sasaran, jangan sesekali dipaksakan bahasa sasaran menerima bentuk-bentuk bahasa sumber. Contohnya seperti *Chip off the old block* menjadi ‘Bapa borek anak rintik’, *Slow and steady wins the race* menjadi ‘Biar lambat asal selamat’ dan lain-lain.

- 2) Bentuk peribahasa dalam bahasa sumber dijadikan bukan peribahasa dalam bahasa sasaran dengan menggunakan kaedah penyesuaian. Keadaan ini merupakan cara yang paling baik untuk menterjemah istilah kiasan supaya maknanya menjadi lebih jelas dan mudah difahami.

Contohnya seperti *thunder struck* menjadi ‘terkejut’, *look blue* menjadi ‘muram’, *on the shelf* menjadi ‘bersara’ dan lain-lain.

- 3) Bentuk bukan peribahasa dalam bahasa sumber dijadikan peribahasa dalam bahasa sasaran. Hal ini kerana sesetengah istilah dalam bahasa Inggeris tidak berbentuk peribahasa, tetapi apabila diterjemah ke bahasa Melayu, penterjemah boleh menggantikannya dengan istilah yang berbentuk peribahasa.

Contohnya seperti *stream* menjadi ‘anak sungai’, *married* menjadi ‘berumah tangga’, *image* menjadi ‘air muka’, *illiterate* menjadi ‘buta huruf’ dan lain-lain.

#### **2.3.2.8 Strategi Mona Baker (2011)**

Seorang sarjana penterjemahan Baker (2011:75-85) mengenal pasti bahawa antara masalah dalam mencari ketidakpadanan yang sesuai dalam terjemahan idiom. Ini bermakna konsep yang ingin diperkenalkan dalam bahasa sumber itu mungkin tidak wujud sama sekali dalam

konsep bahasa sasaran. Konsep yang ingin dinyatakan itu termasuklah konsep yang berbentuk konkrit mahupun abstrak seperti kebudayaan, agama, adat dan lain-lain. Beliau mencadangkan lima strategi penterjemahan di mana idiom atau ungkapan tetap boleh diterjemahkan ke dalam bahasa lain yang bergantung kepada banyak faktor.

1) Menggunakan idiom yang mempunyai maksud dan bentuk yang sama.

Strategi ini melibatkan penterjemahan idiom dalam bahasa sasaran yang mempunyai makna yang hampir sama dengan idiom bahasa asal dan mempunyai item leksikal yang serupa.

Contoh :

Teks Sumber (A Hero from Zero, Lonrho:85)

The Fayed's have turned the pre-bid House of Fraser strategy on its head.

Teks Sasaran (Arabic, p:4)

وَبَدَا يَكُونُ إِخْوَةٌ فَايِدٌ قَدْ قَلَّبُوا إِسْتِرَاطِيَّةَ هَاؤُسْ أُوفْ فِرِيزَرِ السَّابِقَةَ عَلَى عَرْضِ الْإِمْتِلَاقِ،  
رَأْسًا عَلَى عَقِبِ

And with this the Fayed brother have **turned** the strategy of the House of Fraser previous to the offer of ownership **head over level**.

2) Menggunakan idiom yang mempunyai maksud sama tetapi bentuk berbeza.

Strategi ini melibatkan penterjemahan idiom dalam bahasa sasaran yang mempunyai makna yang sama tetapi item leksikal yang berbeza.

Contoh :

The expression *One good turn deserve another*

French expression A beau jure, beau retour (a handsome action deserve a handsome return).

3) Meminjam idiom dalam bahasa sumber.

Strategi meminjam idiom terus dari bahasa sumber merupakan salah satu usaha untuk menangani idiom yang melibatkan unsur budaya tertentu dan tidak wujud dalam unsur budaya idiom bahasa sasaran. Dan diadaptasi dalam bentuk asal dari bahasa sumber.

Contoh :

*Out of this World* refers to a space gallery that is signposted as such throughout the Museum. It is of course a play on the idiomatic meaning of *Out of this World* ('fantastic', 'superb'), and the more concrete meaning of 'from another galaxy, beyond the earth environment', referring to what a visitor might expect to see in a space gallery.

4) Terjemahan parafrasa

Strategi ini dilakukan apabila tiada idiom dalam bahasa sasaran dan idiom dalam bahasa sumber juga tidak sesuai untuk digantikan.

Contoh : Teks Sumber (Austin Montego-car brochure):

The suspension system has been fully uprated to take rough terrain in its stride.

Teks Sasaran (Arabic) :

وَقَدْ رُفِعَتْ طَاقَةُ نِظَامِ التَّعْلِيقِ بِحَيْثُ يُتَغَلَّبُ عَلَى وَعُورَةِ الْأَرْضِ

The capacity of the suspension system has been raised so as to **overcome** the roughness of the terrain.

#### 5) Terjemahan pengguguran

Strategi ini menterjemahkan idiom dengan makna literal dalam konteks yang membolehkan bacaan yang konkrit selain daripada konteks bermain dengan bahasa.

Contoh :

Something that comes or is handed *on a plate* is made easy to acquire. The English text plays on the idiomatic meaning of the expression as well as the concrete meaning *of plate*, which is particularly salient here given that Wedgwood are famous for producing crockery. This play on idiom is very difficult to reproduce in other languages.

#### 6) Terjemahan pengguguran keseluruhan idiom

Terjemahan idiom kadangkala boleh digugurkan terus dalam bahasa sasaran. Ini disebabkan tiada idiom yang sesuai dalam bahasa sasaran dan makna idiom tidak boleh diolah semula dengan mudah ataupun disebabkan oleh gaya penulisan tertentu.

Contoh :

Teks Sumber (From A Hero from Zero, p:vi):

It was bitter, but funny, to see that Professor Smith had doubled his own salary before recommending the offer from Fayed, and added a pre-dated bonus for good measure.

Teks Sasaran (Arabic, p:12) :

وَكَانَ مِنَ الْمُؤَسَفِّ، بَلْ وَمِنَ الْمُضْحِكِ، أَنْ يَتِمَّكَنَ البروفسور سميث مِنْ مُضَاعَفَةِ رَاتِبِهِ مَرَّتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يَتَقَدَّمَ بِتَوْصِيَّتِهِ لِقَبُولِ عَرَضِ فَايِد، وَأَنْ يُضَيَّفَ إِلَى ذَلِكَ مُكَافَأَةً يَتَحَدَّدُ سَلَفًا مَوْعِدُ حُصُولِهِ عَلَيْهَا.

It was regrettable, even funny, that Professor Smith had been able to double his salary twice before offering his recommendation to accept Fayed's offer, and that he added to this a bonus, the date of which had been previously decided on.

Baker (2011:86) menambah dengan menyatakan bahawa strategi yang dicadangkan ini tidak terhad kepada idiom atau ungkapan yang tetap sahaja. Ia mungkin digunakan untuk menampung sebarang kehilangan makna, daya emosi atau kesan gaya yang tidak boleh dihasilkan secara langsung pada keadaan tertentu dalam teks sasaran.

## **2.4 Kajian-kajian Lepas Yang Berkaitan**

Hasil pembacaan daripada pelbagai sumber seperti buku, artikel jurnal, tesis di peringkat sarjana dan doktor falsafah dapat membantu pengkaji mendalami dan mendorong pengkaji memilih tajuk kajian ini. Pengkaji membahagikan kajian-kajian terdahulu ini kepada dua bahagian iaitu kajian berkaitan peribahasa dan kajian berkaitan analisis strategi penterjemahan peribahasa.

### **2.4.1 Kajian Berkaitan Peribahasa**

Kajian pertama daripada Tesis Doktor Falsafah oleh Wan Hassan Wan Mat yang bertajuk *"Pemburuan Dalam Peribahasa Arab"*.

Tesis ini dikemukakan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 2009. Kajian ini mengkaji unsur-unsur budaya yang telah mempengaruhi penghasilan peribahasa dari aspek persepsi orang Arab berdasarkan latar belakang kebudayaan, aktiviti pemburuan pada zaman Jahiliyyah dan aspek-aspek lain berkaitan pemburuan. Hasil kajian ini, beliau

mendapati aktiviti pemburuan mempengaruhi pengungkapan peribahasa, manakala peribahasa telah memberikan gambaran tentang adat atau budaya pemburuan dalam kalangan orang Arab Jahiliyyah. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa fokus kajian tesis ini sangat berbeza dengan fokus kajian pengkaji kerana tesis ini lebih menjurus kepada penghasilan peribahasa yang dipengaruhi budaya dan aktiviti pemburuan.

Kajian kedua menurut Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad (2011:1-2) mengatakan, kajian awal tentang peribahasa banyak dikaji dari sudut definisinya dan kaitan peribahasa dengan kehidupan dan pemikiran orang Melayu. Wilkinson (1907), iaitu salah seorang pegawai Inggeris di Tanah Melayu telah berusaha mengenal perwatakan serta sifat orang Melayu dari sudut pandangan peribahasa Melayu dan beliau berpendapat bahawa peribahasa dapat melambangkan watak dan sifat sesuatu bangsa.

A.W. Hamilton (1947) pula menyatakan bahawa dalam masyarakat Melayu, peribahasa menjadi hukum adat dan nasihat moral serta peraturan dalam mengawal tindak tanduk anggota masyarakatnya. Penciptaannya pula adalah berdasarkan fenomena sebenar dalam kehidupan masyarakat.

Berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap 200 buah peribahasa Melayu, A.W Hamilton dapat menikmati kehalusan bahasa serta mengenali hati budi masyarakat Melayu. Tambah A.W. Hamilton lagi, oleh sebab peribahasa Melayu ini bersifat ringkas, tepat dan padat dengan isinya, makna yang cuba disampaikan juga dapat difahami tanpa memerlukan penerangan yang panjang lebar. Malah menurutnya lagi, dalam kalangan masyarakat Melayu sendiri, terdapat beberapa peribahasa yang berbeza maknanya mengikut pemahaman masing-masing. Hal ini adalah kerana terdapat ungkapan yang sama tetapi



dirujuk kepada sesuatu kelakuan dalam keadaan yang berbeza. Contoh terjemahan peribahasa Melayu yang dilakukan oleh Hamilton adalah seperti yang berikut :

Peribahasa	Terjemahannya
Apabila air tenang jangan disangka tiada buaya	Don't think these are no crocodiles because the water's calm-beware of false security, lets you should come to harm.
Seperti katak di bawah tempurung	"To sit like a frog a coconut shell the smug stay-at-homes who in ignore dwell"

Daripada kajian A.W. Hamilton ini, dapat dirumuskan bahawa kajian peribahasa Melayu oleh pengkaji barat ini secara tidak langsung telah mengangkat nama bangsa Melayu yang bijak, kreatif berfikir, mentaakul secara falsafah dan menterjemah serta memanipulasikan bahasa Melayu itu menjadi padat serta memperlihatkan nilai-nilai estetikanya melalui penciptaan peribahasa. Justeru, analisis yang dibincangkan dalam tesis ini adalah berbeza kerana kajian analisis yang dilakukan oleh pengkaji yang memfokuskan kepada analisis strategi penterjemahan PM ke BA.

Kajian ketiga daripada Tesis Doktor Falsafah oleh Mohd. Sukki Othman yang bertajuk "*Al-Amthāl Bi Al-Ḥayawān Dalam Al-Qur'an : Kajian Dari Perspektif I'Jāz Bayāniy Dan I'Jaz 'Ilmiy*".

Tesis ini dikemukakan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 2011. Perbahasan yang ditekankan dalam kajian ini mengenai amthāl dalam al-Quran yang merangkumi perbahasan tentang konsep amthāl dan amthāl di dalam al-Qur'an. Manakala secara khususnya pula, kajian ini memfokuskan kepada i'jāz bayāniy dan i'jāz 'ilmiy terhadap *al-amthāl bi al-hayawān*.

Penggunaan amthāl yang terdapat dalam al-Qur'an al-Karim menunjukkan bahawa kepentingannya tidak dapat dinafikan sehingga memberi ruang untuk membincangkan segala bentuk persoalan dengan cara yang terbaik serta meninggalkan kesan yang mendalam di samping kaya dengan retorika dan estetika yang tinggi. Sedikit persamaan antara kajian dalam tesis ini dengan kajian pengkaji adalah skop kajian yang hanya memfokuskan kepada unsur haiwan sahaja tetapi perbahasan yang berbeza.

Kajian keempat melalui sebuah laporan kajian oleh Wan Hassan Wan Mat dan Mohd. Zaki Abdul Rahman yang bertajuk *“Pengajaran dan Pembelajaran Peribahasa Arab Di Peringkat Sekolah Menengah Agama Di Malaysia”*.

Kajian ini dikemukakan di Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik pada Disember 2012 yang dijalankan secara tinjauan ini bertujuan untuk melihat penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa bahasa Arab bagi pelajar-pelajar sekolah menengah. Oleh kerana fokus laporan kajian ini tertumpu kepada unsur pendidikan yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran, sekali gus ia menunjukkan perbezaan yang diketengahkan oleh pengkaji.

#### **2.4.2 Kajian Berkaitan Penterjemahan Peribahasa**

Kajian pertama berdasarkan sebuah artikel oleh Mohd. Sukki Othman yang bertajuk *“Penterjemahan Peribahasa Arab Ke Peribahasa Melayu: Analisis Faktor Budaya Dan Persekitaran”*.

Artikel ini diterbitkan dalam sebuah kertas kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-10 (Ogos 2005). Objektif kajian ialah mengenal pasti sama ada penterjemahan

peribahasa Arab ke Melayu perlu diterjemahkan mengikut budaya bangsa bahasa asal atau ia perlu diubahsuai mengikut budaya dan persekitaran yang terdapat dalam masyarakat bahasa sasaran. Beliau mendapati, faktor persekitaran memainkan peranan yang penting dalam pengungkapan sesuatu peribahasa. Peribahasa diungkapkan dengan menggunakan perkataan yang berbeza merujuk kepada perbezaan di antara bangsa dan keturunan walaupun peribahasa tersebut membawa maksud yang sama.

Walaupun terdapat sedikit persamaan antara kajian artikel dengan kajian pengkaji dari sudut penterjemahan peribahasa. Namun, perbahasannya adalah berbeza sama sekali kerana kajian pengkaji mengetengahkan analisis strategi penterjemahan PM ke BA.

Kajian kedua berdasarkan sebuah artikel dari luar negara oleh Aliakbar Khomeijani Farahani, & Masoumeh Ghasemi yang bertajuk “*The Naturalness in Translation of Idioms and Proverbs: The Case of a Persian Translation of Pinocchio*”.

Kajian ini telah diterbitkan di dalam *Journal Language and Translation* pada 11 Januari 2012. Kedua-dua pengkaji tersebut dari Islamic Azad University South Tehran Branch. Korpus kajian ini adalah terjemahan sebuah novel dari Bahasa Inggeris kepada bahasa Parsi. Novel yang dipilih oleh pengkaji adalah ‘The Adventures of Pinocchio’. Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau strategi yang digunakan untuk menterjemahkan idiom dan peribahasa dalam korpus kajian bagi mengenal pasti strategi yang paling kerap digunakan oleh penterjemah. Sejumlah 200 idiom dan 9 peribahasa sebagai data telah dianalisis.

Hasil kajian menunjukkan strategi yang kerap digunakan untuk terjemahan idiom ialah terjemahan parafrasa dengan 86%. Manakala strategi menterjemah peribahasa dengan

menggantikan peribahasa yang membawa maksud yang sama dengan kekerapan 66.66% telah digunakan dalam penterjemahan peribahasa.

Terdapat sedikit persamaan yang wujud antara kajian dalam artikel dengan kajian pengkaji iaitu dari aspek objektif kajian menganalisis strategi yang diaplikasikan oleh penterjemah bagi menterjemah peribahasa. Sementara itu, perbezaan antara dua kajian ini adalah penggunaan strategi yang berbeza, di mana pengkaji menggunakan taksonomi Larson (1998) untuk menganalisis strategi manakala pengkaji artikel menumpukan kepada teori terjemahan peribahasa berdasarkan Beekman dan Callow (1974). Di samping itu, skop kajian dan sampel kajian yang digunakan juga berbeza.

Kajian ketiga berdasarkan sebuah artikel oleh Mohd Zaki Bin Abdul Rahman, Ahmad Arifin Bin Sapar & Maheram Ahmad yang bertajuk *Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Arab-Melayu Terhadap Teks “Kasih dan Harapan”*.

Kajian ini telah diterbitkan di dalam *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2) pada Jun 2013. Kajian ini menggunakan sebuah karya terjemahan cerpen Arab yang bertajuk “Layl al-Hayara” yang termuat dalam sebuah himpunan cerpen karangan Najib al-Kaylaniy. Korpus yang dipilih sebagai sampel ialah *Kasih dan harapan*. Ia telah diterjemahkan oleh Sohair Abdel Moneim Sery dan Syarifah Ruslailah Syed Ali dan diterbitkan oleh Pustaka Antara Sdn. Bhd. pada tahun 1995. Pemilihan sampel dibuat secara rawak. Dalam kajian ini, hanya lima unit sampel akan dianalisis.

Hasil dapatan kajian mendapati, penterjemah menggunakan kaedah penterjemahan harfiah/literal dan juga kaedah penterjemahan kata demi kata (katawi) untuk

menterjemahkan peribahasa tersebut. Penterjemahan ungkapan yang berbentuk peribahasa agak kurang memuaskan. Hal ini kerana ada antara peribahasa yang diterjemahkan itu kedengaran agak kekok dan janggal, dan ada yang tidak dapat menyampaikan maksud asal secara tepat. Sehubungan dengan itu, kajian ini hanya memperlihatkan persamaan dari segi objektif iaitu menganalisis strategi penterjemahan peribahasa. Namun, kajian artikel ini menganalisis strategi penterjemahan peribahasa Arab-Melayu.

Namun begitu, kajian mengenai analisis strategi penterjemahan peribahasa berunsur haiwan terhadap kamus peribahasa secara terperinci dan khusus masih kurang berbanding kajian-kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Begitu juga dengan kajian terjemahan BM ke BA juga masih kurang dijalankan secara penyelidikan. Maka keperluan kajian menganalisis strategi penterjemahan peribahasa Melayu-Arab perlu dilakukan bagi mengisi kelompangan dalam bidang penterjemahan.

## **2.5 Penutup**

Secara umumnya, kupasan dan perbincangan yang mendalam telah dihuraikan berkaitan peribahasa dan penterjemahan peribahasa. Pencarian dan penelitian awal mengenai keduanya sangat penting untuk melihat persamaan dan perbezaan antara keduanya. Walaupun penggunaan peribahasa boleh digunakan untuk mathal dan sebaliknya. Namun, budaya yang berbeza menampakkan perbezaan antara PM dan PA seperti dari aspek jenis-jenisnya. Di samping itu, kepentingan mengenai strategi-strategi penterjemahan berkaitan bahasa kiasan seperti peribahasa juga menjadi keutamaan bagi penterjemah khususnya. Kesenambungan peribahasa dan penterjemahannya menggambarkan bahawa tugas penterjemah sangat penting untuk menyebarkan dalam pelbagai bentuk tentang budaya dan berkongsi dengan budaya lain.

## **BAB KETIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pendahuluan**

Metodologi menurut Perri 6 & Bellamy (2012:1) ialah :

*“By ‘methodology’, we mean the understanding of how to proceed from the findings of empirical research to make inferences about the truth –or at least the adequacy-of theories”.*

Dalam bab ini, pengkaji menerangkan langkah-langkah pelaksanaan kajian bertujuan untuk menjawab persoalan kajian di dalam bab pertama. Oleh itu, aspek-aspek yang dibincangkan meliputi reka bentuk kajian, pemilihan sampel, pengumpulan data yang menjelaskan instrumen kajian dan prosedur pengumpulan data. Akhir sekali, prosedur penganalisan data akan diuraikan secara terperinci berdasarkan subtajuk tertentu.

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian antara salah satu proses penting dalam penyelidikan yang sistematik. Dalam kajian ini, reka bentuk kajian yang ditentukan ialah kaedah kualitatif dan berfungsi sebagai kajian kes jenis deskriptif. Reka bentuk kajian ini menjelaskan keadaan tertentu secara mendalam atau terperinci dengan berpanduan kepada suatu format penguraian yang tertentu secara rasional.

Pada peringkat awal pengkaji memilih kamus peribahasa iaitu Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris. Kemudian pengkaji merujuk bermacam strategi penterjemahan peribahasa daripada pelbagai sumber seperti buku, tesis, artikel dan sebagainya. Peribahasa yang dikumpulkan sebagai data kemudiannya dianalisis berdasarkan strategi yang dipilih.

### **3.2 Pemilihan Sampel**

Pemilihan sampel dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris dan responden kajian. Kedua-dua sampel ini berlainan jenis pensampelan dan mempunyai justifikasi tersendiri. Penerangan yang lebih terperinci mengenai kedua-dua sampel dijelaskan satu persatu.

#### **3.2.1 Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris**

Data kajian yang dipilih untuk dianalisis ialah Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris hasil susunan Ahmad ‘Uthman Bajunid (1999) yang menghimpunkan 850 jenis peribahasa meliputi perumpamaan, bidalan, pepatah dan seumpamanya. Kamus ini disusun mengikut abjad dari huruf A sehingga Z. Relevannya kamus ini dipilih sebagai data kajian kerana penyusun kamus ini telah menyusun peribahasa Arab dan peribahasa Inggeris yang seerti dengan PM. Namun begitu, terdapat sebahagian peribahasa dalam kamus ini juga diterjemahkan secara makna sekiranya tiada dalam BA.

Penterjemah dan penyusun kamus peribahasa ini juga turut menerbitkan sebuah kamus bernama Kamus Pustaka Melayu-Arab pada tahun 1985 kerana pada pengetahuan beliau masih belum ada sebuah kamus Melayu-Arab yang agak memenuhi hajat orang-orang Melayu yang berminat mendalami pengetahuan dalam BA.

Pengkaji telah menentukan bahawa pemilihan sampel ke atas kamus tersebut dikategorikan sebagai pensampelan bukan kebarangkalian. Menurut Chua (2011:225), pensampelan bukan kebarangkalian digunakan untuk memilih sampel apabila setiap subjek dalam populasi tidak mempunyai peluang yang sama untuk dipilih menjadi responden kajian. Prosedur pensampelan yang bertepatan dengan kajian ini adalah pensampelan bertujuan.

Pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) merujuk kepada prosedur pensampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian. Ini menyebabkan subjek-subjek kajian lain dalam populasi tidak berpeluang untuk dipilih sebagai responden dan sampel ini bukan merupakan sampel rawak dan hasil kajiannya tidak dapat digeneralisasi kepada seluruh populasi tertentu (Chua, 2011:226).

Jenis pensampelan tersebut menguatkan sebab pemilihan Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris. Ini kerana, peribahasa yang difokuskan untuk dijadikan data adalah peribahasa berunsur haiwan sahaja.

### **3.2.2 Responden Kajian**

Kajian kes jenis deskriptif dijalankan untuk mengenal pasti tahap kefahaman maksud PM selepas diterjemahkan ke dalam BA dalam kalangan penutur jati Arab. Pemilihan responden dalam kajian ini dikategorikan sebagai pensampelan kebarangkalian dan prosedur pensampelan yang bersesuaian dengan kajian ini adalah pensampelan rawak mudah. Prosedur ini diaplikasikan bagi memastikan pemilihan responden kajian dari subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama (Chua, 2011:215).

Justeru itu, responden kajian terdiri daripada pelajar ijazah sarjana muda, ijazah sarjana atau ijazah doktor falsafah daripada pelbagai fakulti di Universiti Malaya. Hanya 12 orang responden dipilih dalam kalangan penutur jati bahasa Arab. Justifikasi pemilihan 12 orang dalam kajian ini sudah menggambarkan apa yang dikehendaki dalam kajian ini. Selain itu, menurut Guba dan Lincoln (1985) dalam Othman (2009:70) juga menyebut bahawa, saiz sampel sesuatu kajian yang dilaksanakan dengan penelitian berdasarkan pemilihan yang ditentukan secara bertujuan memerlukan partisipasi seramai dua belas orang dan mungkin



tidak melebihi dua puluh orang untuk membolehkan titik ketepuan maklumat dicapai. Pandangan ini menjadi justifikasi kepada pengkaji mengapa 12 orang sahaja responden di temu bual.

### **3.3 Pengumpulan Data**


Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif yang merupakan penyelidikan kualitatif. Sumber-sumber yang berkaitan sangat diperlukan bagi menyempurnakan tujuan asal kajian ini. Proses pengumpulan data dalam kajian ini secara dasarnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu data primer (utama) dan data sekunder. Data primer merupakan data asal yang diperolehi melalui tiga instrumen iaitu Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab (JASPPMA), soalan temu bual semi berstruktur dan Jadual Peribahasa Arab (JPA).

Manakala data sekunder merupakan data yang dikumpul melalui hasil pembacaan berkaitan kajian ini sama ada dalam atau luar negara seperti buku, artikel, majalah, kertas seminar, kertas persidangan, tesis, disertasi dan sebagainya yang diterbitkan dalam pelbagai terbitan juga hasil kajian yang dilakukan oleh penyelidik lain. Hasil pembacaan melalui data sekunder membantu dalam menyumbang bermacam idea seperti jenis-jenis strategi penterjemahan peribahasa, metodologi yang diterapkan, dapatan kajian serta penemuan baru selepas kajian dijalankan.

#### **3.3.1 Instrumen Kajian**

Penyediaan instrumen dalam kajian ini adalah bergantung kepada persoalan kajian. Terdapat tiga instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data iaitu Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab (JASPPMA), soalan temu semi

berstruktur dan Jadual Peribahasa Arab (JPA) yang ditemu bual. Rajah 3.1 di bawah menunjukkan reka bentuk kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji secara ringkas :



Rajah 3.1 : Reka Bentuk Penyelidikan

### 3.3.1.1 Jadual Analisis

Sebuah jadual yang dinamakan Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab (JASPPMA) (rujuk Lampiran B) direka bertujuan menyenaraikan peribahasa berunsur haiwan yang dipilih daripada Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris. Fungsi JASPPMA dalam kajian ini sangat penting untuk menghasilkan data yang lebih sistematik dan memudahkan pengkaji menilai ketepatan padanan maksud PM dengan terjemahannya ke

BA. Penilaian dilakukan dengan menggunakan metode perbandingan dengan cara menilai maksud PM dengan maksud PA sama ada pengertian kedua-duanya memiliki maksud yang tepat atau sebaliknya. Seterusnya, JASPPMA turut membantu pengkaji untuk menganalisis strategi yang diaplikasikan oleh penterjemah bagi menterjemah PM ke BA kerana terdapat peribahasa yang menggunakan dua jenis strategi ketika menterjemahkan PM ke BA. JASPPMA telah disemak oleh seorang pensyarah BA untuk memperoleh kesahan dan kebolehpercayaan instrumen setelah dianalisis oleh pengkaji sendiri.

### **3.3.1.2 Soalan Temu Bual**

Janesick (2011:100) menyatakan *'interviewing is an ancient technique'*. Beliau mentakrifkan temu bual ialah pertemuan dua orang untuk bertukar-tukar maklumat dan idea melalui soalan-soalan dan jawapan yang menghasilkan komunikasi dan pembinaan bersama makna mengenai topik tertentu.

Menurut Chua (2011:128), temu bual didefinisikan sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Temu bual merupakan interaksi bersemuka antara penemubual dan responden. Temu bual dijalankan dengan tujuan memperoleh maklumat dari responden secara lisan (perbualan), jawapan secara bertulis, melalui rakaman kaset, video, dan media elektronik yang lain.

Kaedah temu bual yang digunakan oleh pengkaji adalah temu bual semi berstruktur. Mengikut takrif yang diberikan oleh Othman (2009:122), temu bual semi berstruktur menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka atau tidak berstruktur dengan ciri-ciri mengarah dan seragam temu bual berstruktur. Soalan-soalan dalam temu bual semi

berstruktur ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka, boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemu bual dan partisipan.

Chua (2011:130) juga menyatakan definisi yang hampir sama bagi temu bual semi berstruktur di mana pengkaji menyoal sebilangan soalan formal yang telah dibina sebelum sesi temu bual, tetapi penemubual juga diberi kebebasan untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam tentang jawapan responden kepada satu soalan formal yang telah ditanya.

Justifikasi kaedah temu bual dipilih dalam kajian ini kerana pengkaji berkehendakkan jawapan daripada responden secara spontan tanpa menggunakan bantuan daripada manusia atau sebarang alat teknologi. Tambahan pula, kaedah ini dilakukan bertujuan mengenal pasti tahap kefahaman penutur jati Arab ke atas terjemahan PM ke BA di samping menyokong analisis strategi penterjemahan dan ketepatan padanan maksud yang akan diperolehi. Item soalan temu bual dijadikan sebagai tema untuk menganalisis temu bual. Berikut adalah tema utama yang disenaraikan :

1. Analisis pengetahuan responden ke atas PM yang diterjemahkan ke BA
2. Analisis tahap kefahaman responden ke atas PM yang diterjemahkan ke BA

Tema pertama dipilih untuk mengetahui secara umum pengetahuan responden ke atas PM yang diterjemahkan ke BA kerana asalnya adalah PM dan berkemungkinan responden akan menghubungkan dengan budaya mereka.

Tema kedua pula bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman responden ke atas PM yang diterjemahkan ke BA walaupun jawapan mereka berkemungkinan tahu ataupun tidak tahu.

Soalan temu bual (rujuk Lampiran F) disemak oleh pensyarah bahasa Arab untuk memperolehi kesahan sebelum temu bual dilakukan. Apa yang ingin dikenal pasti adalah tahap kefahaman responden yang menepati jawapan dan secara tidak langsung strategi yang berkesan untuk digunakan oleh penterjemah diperolehi.

### **3.3.1.3 Jadual Peribahasa Arab Yang Ditemu Bual**

Jadual Peribahasa Arab (JPA) yang ditemu bual (rujuk Lampiran G) akan dihasilkan selepas proses analisis strategi penterjemahan dan menilai ketepatan padanan selesai dilakukan. Peribahasa yang dipilih adalah secara rawak iaitu dua peribahasa Arab mewakili setiap strategi dan disemak oleh pensyarah bahasa Arab untuk memperolehi kesahan. Kemudian peribahasa dikategorikan kepada dua tahap iaitu peribahasa mudah dan peribahasa agak susah. Akan tetapi, peribahasa yang ada menggunakan strategi kelima iaitu menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM tidak akan diambil untuk ditemu bual. Hal ini kerana, peribahasa yang telah diterjemahkan maknanya yang tersirat sudah tentu difahami dengan mudah oleh responden.

### **3.3.2 Prosedur Pengumpulan Data**

Tatacara temu bual dilaksanakan dengan memberi surat kepada responden (rujuk Lampiran C) untuk memohon kerjasama menjawab soalan temu bual dan disertakan surat kebenaran daripada pihak Fakulti Bahasa dan Linguistik untuk mengumpul data (rujuk Lampiran D). Setelah dipersetujui, responden akan mengisi borang maklumat profil responden (rujuk Lampiran E). Kemudian, pengkaji akan meminta kebenaran terlebih dahulu daripada responden sebelum proses rakaman dilakukan sepanjang sesi temu bual tersebut berjalan. Setelah itu, pengkaji mengemukakan soalan temu bual semi berstruktur kepada responden

(rujuk Lampiran F) manakala responden mendengar soalan sambil memerhatikan Jadual Peribahasa Arab (JPA) yang menyenaraikan enam peribahasa (rujuk Lampiran G).

Semasa soalan diajukan kepada responden, jawapan mereka dirakamkan dan dicatat sepanjang sesi temu bual dengan tujuan mengelak daripada ketinggalan maklumat. Galakan minimum turut digunakan untuk mendapatkan maklumat lanjut daripada responden kajian mengenai perkara-perkara berkaitan budaya dalam peribahasa di samping memberi ruang kepada mereka menyatakan pendapat tersendiri.

Di akhir sesi, pengkaji akan membuat semakan dengan memberi responden melihat catatan jawapan yang ditulis oleh pengkaji supaya jawapan dan maklumat yang diberikan adalah benar. Kemudian, jadual transkripsi temu bual responden disediakan untuk proses penganalisan data temu bual (rujuk Lampiran H). Lokasi kajian untuk menjalankan temu bual dilakukan di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.

### **3.4 Penganalisan Data**

Menurut Othman (2009:152), proses analisis data kualitatif pada asasnya adalah merupakan proses yang berterusan dan non-linear. Ia merupakan prosedur analitik yang melibatkan pemeriksaan makna ke atas kata-kata dan tindakan manusia. Proses ini hanya melibatkan dua analisis instrumen sahaja iaitu JASPPMA dan temu bual bersama penutur jati Arab.

#### **3.4.1 Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab (JASPPMA).**

Analisis terjemahan peribahasa Melayu-Arab diklasifikasikan berdasarkan teori strategi terjemahan Larson (1998) yang telah diadaptasi. Asal strategi tersebut adalah untuk

menterjemah metafora, akan tetapi pengkaji telah mengadaptasi untuk menterjemah peribahasa. Alasan pertama adaptasi ini dilakukan kerana metafora dan peribahasa tergolong dalam kumpulan bahasa kiasan menurut pandangan Ainon & Abdullah (2010) dalam bab 2. Alasan kedua pula kerana PM yang dikaji adalah peribahasa yang mengandungi unsur haiwan dan penggunaan unsur haiwan dalam peribahasa telah membawa maksud metafora. Hal ini kerana apabila unsur haiwan dipindahkan dalam bentuk maksud, ia ditujukan kepada sifat seseorang atau sesuatu situasi. Berikut merupakan Taksonomi Larson (1998) yang menyarankan 5 jenis strategi penterjemahan peribahasa :

- 1) Mengekalkan unsur-unsur peribahasa Melayu dalam peribahasa Arab (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca).
- 2) Menterjemah peribahasa Melayu kepada bentuk simile iaitu perumpamaan (dengan menambah seperti atau sebagai).
- 3) Menggantikan peribahasa Melayu ke peribahasa Arab yang mempunyai maksud yang sama.
- 4) Mengekalkan peribahasa Melayu dengan memberikan keterangan maknanya.
- 5) Menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur peribahasa Melayu.

Peribahasa yang dipilih akan direkodkan dan dianalisis dalam Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab (JASPPMA). Berikut adalah contoh langkah penganalisan strategi penterjemahan dan ketepatan padanan maksud dinilai :

Bil	Peribahasa Melayu ( Versi asal )	Peribahasa Arab ( Versi terjemahan )	Keterangan	Strategi
1.	(44:223) Carik-carik bulu ayam, lama-lama ia bercantum pula	عَمُرُ الدِّمِّ مَا يَبْقَى مَيَّةَ . أَيَّ : إِنَّ الدِّمَّ لَا يَتَحَوَّلُ إِلَى مَاءٍ	Maksud PM ini ialah <i>adik-beradik bergaduh akan berbaik-baik</i> (Ainon & Abdullah, 2008b:133).  Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu : (1) عَمُرُ الدِّمِّ مَا يَبْقَى مَيَّةَ . أَيَّ : إِنَّ الدِّمَّ لَا يَتَحَوَّلُ إِلَى مَاءٍ Terjemahan : sesungguhnya darah tidak bertukar kepada air	
<div style="border: 2px solid orange; padding: 5px; text-align: center; font-weight: bold;">METODE PERBANDINGAN</div>		2- Peribahasa Arab		
		3- Maksud PM		4-Terjemahan PM-BA
		5- Maksud PA	Maksud bagi PA (2) di atas ialah : Walaupun berlaku perselisihan antara saudara, tetapi darah yang berkumpul dalam diri mereka ada satu sahaja dan pasti suatu hari nanti mereka akan bersatu (Aḥmad Taymūr, 1956:351).	3
		6-Ketepatan Padanan Maksud	Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.	8-Nombor Strategi
		7-Analisis Strategi	Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur ayam digunakan manakala PA menggunakan unsur الدِّمِّ (darah). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).	

Proses menganalisis strategi penterjemahan peribahasa Melayu-Arab dalam JASPPMA dilakukan dengan beberapa langkah, bermula dengan meletakkan PM dalam versi asal dan PA dalam versi terjemahan sebagaimana yang tertulis dalam Kamus Peribahasa Melayu-



Arab-Inggeris. Pada bahagian keterangan, diletakkan maksud PM dan diikuti dengan maksud versi terjemahan PA. Kemudian, sumber seperti mu‘jam amthāl diperlukan untuk mencari maksud bagi PA dan pengkaji menterjemah maksud PA dalam BM.

Setelah itu, pengkaji menggunakan metode perbandingan untuk menilai ketepatan padanan maksud PM dengan maksud PA sama ada tepat atau sebaliknya. Akhir sekali, hasil analisis penggunaan strategi penterjemahan dijelaskan. Keputusan yang diperoleh melalui analisis data akan dibentangkan melalui bantuan rajah dan jadual.

Secara amnya, langkah ini diulang sehinggalah peribahasa terakhir. Namun begitu, keperluan kepada maksud versi terjemahan PA difokuskan kepada strategi ketiga iaitu menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Maksud bagi versi terjemahan PA diambil daripada mu‘jam amthāl untuk dinilai perbandingan antara maksud PM dengan maksud PA. Sementara itu, strategi selain strategi ketiga hanya dinilai perbandingannya berdasarkan versi terjemahan ungkapan PA dengan ungkapan PM atau maksud PM.

#### **3.4.2 Temu Bual Bersama Penutur Jati Arab**

Responden ditemu bual oleh pengkaji sendiri dengan menggunakan temu bual semi berstruktur. Data temu bual dengan responden didengar semula daripada pita rakaman dan dibuat transkripsi dengan lengkap. Analisis tematik digunakan dalam penganalisan data temu bual. Hasil jawapan responden dikategorikan mengikut item soalan temu bual yang dijadikan tema sebagaimana yang telah ditentukan temanya dalam instrumen temu bual. Penulisan analisis dibuat secara deskriptif.

Penganalisan temu bual dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu (1) maklumat profil responden dan (2) soalan temu bual semi berstruktur bersama Jadual Peribahasa Arab (JPA). Walau bagaimanapun, temu bual yang dilakukan masih terikat dengan skop kajian yang hendak dikaji.

Keputusan maklumat profil responden dibentangkan dalam bentuk esei dan jadual. Manakala analisis temu bual pula dijelaskan secara terperinci di samping menggunakan bantuan rajah dan jadual dalam bentuk peratusan dan nombor yang menunjukkan jumlah kekerapan hanyalah sebagai data sokongan kerana pengiraan juga turut membantu dalam proses menentukan keputusan analisis keseluruhan data.

### **3.5 Penutup**

Reka bentuk kajian yang ditentukan ialah kaedah kualitatif berbentuk kajian kes jenis deskriptif. Instrumen yang dibina bagi mengumpul data ialah Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab (JASPPMA), Jadual Peribahasa Arab (JPA) untuk ditemu bual dan soalan temu bual semi berstruktur. Pengkaji akan menganalisis strategi penterjemahan di dalam JASPPMA. Kemudian menilai ketepatan padanan maksud PM dengan terjemahannya ke BA di dalam JASPPMA tersebut. Akhir sekali, sesi temu bual akan dilakukan bersama penutur jati Arab untuk mengenal pasti tahap kefahaman responden ke atas terjemahan PM ke BA.

## **BAB KEEMPAT**

### **ANALISIS KAJIAN**

#### **4.0 Pendahuluan**

Bab ini akan membentangkan berkenaan analisis kajian secara terperinci dan menyeluruh. Data-data kajian diperolehi setelah pengkaji menjalankan proses menganalisis strategi yang digunakan oleh penterjemah dan menilai ketepatan padanan maksud PM dengan terjemahannya ke BA daripada rujukan-rujukan mu‘jam amthāl. Akhir sekali, menganalisis transkripsi temu bual bersama responden dari kalangan pelajar berbangsa Arab di Universiti Malaya bagi mengenal pasti tahap kefahaman mereka ke atas PM yang diterjemahkan ke dalam BA.

#### **4.1 Analisis Strategi dan Ketepatan Padanan Maksud Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab**

Analisis ini dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu analisis terperinci dan analisis keseluruhan yang merangkumi strategi dan ketepatan maksud.

##### **4.1.1 Analisis Terperinci**

Analisis strategi dan ketepatan penterjemahan peribahasa Melayu-Arab dalam Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris (1999) adalah berdasarkan strategi-strategi yang telah disenaraikan oleh Larson (1998). Berikut adalah PM dan terjemahan dalam BA berserta keterangan secara terperinci :

1. Ada udang di sebalik batu

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 9:12)

Maksud PM ini ialah *ada sesuatu maksud yang tersembunyi di sebalik sesuatu perbuatan, perkataan dan sebagainya* (Abdullah, 2010:2).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

(1) لَدَيْهِ هَدَفٌ شَخْصِيٌّ يَدْعُوهُ إِلَى الْإِهْتِمَامِ بِأَمْرِهِ

Terjemahan : ia mempunyai tujuan peribadi menyebabkan ia mengambil serius dengan urusannya.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur udang digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998) .

(2) لَهُ فَأَسٌّ يَشْحَدُهَا

Terjemahan : dia mempunyai sebilah kapak yang ditajamkannya.

Maksud bagi PA (2) di atas ialah :

Seseorang itu mempunyai tujuan peribadi yang dia berusaha untuk mencapainya atau mendorongnya mengambil berat dengan sesuatu perkara (Taysir al-Kailani et al., 1991:125).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur udang digunakan manakala PA menggunakan unsur فأس (kapak). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

## 2. Ada umpan, ada sahajakah ikan...?

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 9:13)

Maksud PM ini ialah *walaupun sudah berusaha, akhirnya nasib juga yang menentukan* (Ainon & Abdullah, 2008b:2).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

(1) الذَّهَبُ لَا يَشْتَرِي كُلَّ شَيْءٍ

Terjemahan : emas tidak boleh membeli setiap benda.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Walaupun seseorang itu memiliki kekayaan, tetapi bukan semua kekayaan itu dia boleh memiliki semua benda.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur ikan digunakan manakala PA menggunakan unsur الذهب (emas). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) .

(2) البِضَاعَةُ تُيسِّرُ الْحَاجَةَ

Terjemahan : barang memudahkan keperluan/hajat

Maksud bagi PA (2) di atas ialah :

Sesiapa yang menuntut sesuatu keperluan atau hajat yang dia mengambil berat dengannya dan dia akan merasa seronok atau senang berusaha untuk mendapatkannya (Abī ‘Ubaīd Al-Qāsim, 1980:243).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) mempunyai maksud yang berbeza.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang berlainan. PM bermaksud walaupun sudah berusaha, akhirnya nasib juga yang menentukan tetapi PA bermaksud sesiapa yang menuntut sesuatu keperluan atau hajat yang dia mengambil berat dengannya dia akan merasa seronok atau senang berusaha untuk mendapatkannya. Dalam PM unsur ikan digunakan manakala PA menggunakan unsur **البِضَاعَةُ** (barang). Mengikut pandangan penterjemah, PA memiliki maksud yang sama dengan PM. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) dari sudut strategi penterjemahan.

### 3. Adakah buaya menolak bangkai ...?

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 9:14)

Maksud PM ini ialah *seorang jahat tentu akan berbuat jahat, kalau ada kesempatan* (Abdullah, 2010:2).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 3 peribahasa iaitu :

1) الْقَحْبَةُ مَا تَتُوبُ وَالْمَاءُ فِي الزَّيْرِ مَا يَرُوبُ

Terjemahan : pelacur tidak bertaubat sebagaimana air dalam tong atau balang besar tidak berubah menjadi susu.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Seperti mana tidak mungkin air berubah menjadi susu. Demikian juga seorang pelacur (penzina), tidak akan sama sekali dia bertaubat sehingga walaupun dia berpura-pura di hadapan manusia. Sesungguhnya, taubatnya dikira dari perkara-perkara mustahil seperti mustahil air berubah menjadi susu (Ṣāleḥ Zayādnaṭ, 1997:28).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) ini memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM, unsur buaya digunakan manakala PA menggunakan unsur الْقَحْبَةُ وَالْمَاءُ (pelacur dan air). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) .

2, مَا يُخْلَقُ فِي الْعَظْمِ فَلَنْ يَخْرُجَ مِنَ اللَّحْمِ

Terjemahan : apa yang diciptakan dalam tulang, maka tidak akan sama sekali keluar dari daging.

Maksud bagi PA (2) di atas ialah :

Diumpamakan pada sifat yang diwarisi dari nenek moyang tidak berubah pada anak-anak (Taysīr al-Kailānī et al., 1991:360).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) ini memiliki maksud yang berbeza.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang berlainan. PM merujuk kepada seorang jahat tentu akan berbuat jahat, kalau ada kesempatan. Sementara PA bermaksud sifat yang diwarisi dari nenek moyang tidak

berubah pada anak-anak. Dalam PM unsur buaya digunakan manakala PA menggunakan unsur **العظم واللحم** (tulang dan daging). Mengikut pandangan penterjemah, PA memiliki maksud yang sama dengan PM. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) dari sudut strategi penterjemahan.

(3) **الشَّعْلَبُ تَعْلَبُ وَإِنْ لَبَسَ قَلَنْسُوَةَ الرَّاهِبِ**

Terjemahan : musang tetap musang walaupun memakai songkok pendeta.

Maksud bagi PA (3) di atas ialah :

Seseorang yang jahat, tetap jahat walaupun luarannya nampak seolah-olah seorang yang baik.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (3) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur buaya digunakan manakala PA menggunakan unsur **الشَّعْلَبُ** (musang). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

4. Ada gula, ada semut .

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 10:16)

Maksud PM ini ialah *di mana orang mudah mendapat rezeki, banyaklah orang bertumpu ke sana. Di mana ada rezeki, di situ ramai orang* (Shamsuddin, 2007:1; Ainon & Abdullah, 2008b:1).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 3 peribahasa iaitu :

(1) **الْمَوْرِدُ الْعَذْبُ كَثِيرُ الزَّحَامِ**



Terjemahan : sumber yang segar banyak kesesakan.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur semut digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

2) يَنْتَشِرُ أَوْ يَنْزَاحُمُ النَّاسُ فِي الْمَنَاطِقِ حَيْثُ الزَّرْعُ وَالْعَيْشُ السَّهْلُ

Terjemahan : manusia bertaburan atau bersesak-sesak di mana sahaja tempat-tempat yang mudah didapati tanaman dan kehidupan.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur semut digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

3) إِذَا أَخْضَبَ الْمَكَانُ جَاءَ الْغَادِي وَالْهَآوِي

Terjemahan : apabila subur sesuatu tempat, maka ia akan didatangi oleh sesiapa sahaja di awal pagi dan di akhir petang.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (3) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur semut digunakan tetapi apabila terjemahan makna

dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998) .

5. Air tenang jangan disangka tiada buaya

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 13:32)

Maksud PM ini ialah *orang pendiam jangan disangka bodoh ataupun penakut* (Ainon & Abdullah, 2008b:6).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

(1) النَّهْرُ الْهَادِي خَفَ مِنْهُ

Terjemahan : sungai yang tenang, takutlah atau waspadalah terhadapnya.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Diumpamakan bagi orang yang sedikit bercakap itu banyak licik (Taysir al-Kailani et al., 1991:313).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur buaya digunakan manakala PA tiada menggunakan unsur haiwan. Tetapi menggantikan peribahasa yang mempunyai maksud yang serupa. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

(2) تَحْتَ السَّوَاهِي دَوَاهِي

Terjemahan : di sebalik tempat yang tidak disangka itu ada bala atau bencana.

Maksud bagi PA (2) di atas ialah :

Berapa banyak keburukan dan kelicikan di sebalik muka-muka yang suci sekalipun ia menzahirkan di sebalik yang disembunyikan. Diumpamakan bagi mereka yang berpura-pura sedangkan tersembunyi kekejian dan kelicikan dalam diri mereka (Ṣāleḥ Zayādnaṭ, 1997:223).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur buaya digunakan manakala PA tiada menggunakan unsur haiwan. Tetapi menggantikan peribahasa yang mempunyai maksud yang serupa. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) .

#### 6. Anak kucing menjadi harimau

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 15:44)

Maksud PM ini ialah *orang kecil ingin jadi mulia dan kaya raya* (Ainon & Abdullah, 2008b:11).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

١) تَنَمَّرَتْ صِغَارُ الْقِطِّ

Terjemahan : anak kucing menjadi harimau.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). Unsur kucing dan harimau terdapat dalam PM dan unsur الْقِطَّ (kucing) dan frasa kata kerja تَمَرَّتْ (menjadi harimau) juga terdapat dalam PA. Ini menepati strategi pertama mengikut taksonomi Larson (1998).

(2) أَصْبَحَ الْفُقَرَاءُ أَغْنِيَاءَ

Terjemahan : orang-orang miskin menjadi orang kaya-raja.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur kucing dan harimau digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

#### 7. Anak harimau takkan menjadi anak kambing

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 15:45)

Maksud PM ini ialah *orang berani tidak akan berasa takut; anak orang besar lazimnya menjadi orang besar juga* (Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad, 2011:266).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

(1) الشَّعْلُ ثَعْلَبٌ لَا يَكُونُ غَنَمًا أَبَدًا

Terjemahan : musang tetap musang, tidak sama sekali menjadi kambing.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Kebiasaannya orang menipu tetap akan menipu tidak akan menjadi orang yang baik.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) membawa maksud yang berbeza.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang berlainan. PM merujuk kepada orang berani tidak akan berasa takut atau anak orang besar biasanya menjadi orang besar juga. Manakala PA bermaksud kebiasaan orang menipu tetap akan menipu dan sukar berubah menjadi baik. Dalam PM unsur anak harimau dan anak kambing digunakan manakala PA menggunakan unsur الثَّغْلُبُ وَغَمًّا (musang dan kambing). Mengikut pandangan penterjemah, PA memiliki maksud yang sama dengan PM. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) dari sudut strategi penterjemahan.

2 يَتَغَيَّرُ لَوْ أَنَّ الثَّغْلَبَ لَكِنَّ مَكْرَهُ لَا يَتَغَيَّرُ

Terjemahan : warna musang berubah tetapi tipu muslihatnya tidak berubah.

Maksud bagi PA (2) di atas ialah :

Diibaratkan bagi orang yang berubah rambut dan bentuknya mengikut usia, akan tetapi tidak mengubah dan tidak memperbaiki tingkah lakunya (Taysir al-Kailānī et al., 1991:97).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) membawa maksud yang berbeza.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang berlainan. PM merujuk kepada orang berani tidak akan berasa takut atau anak orang besar biasanya menjadi orang besar juga. Manakala PA bermaksud kebiasaan orang menipu tetap

akan menipu dan sukar berubah menjadi baik. Dalam PM unsur anak harimau dan anak kambing digunakan manakala PA menggunakan unsur الثَّغْلَبِ (musang) sahaja. Mengikut pandangan penterjemah, PA memiliki maksud yang sama dengan PM. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) dari sudut strategi penterjemahan.

8. Anak ikan dimakan ikan, tahu makan tahu simpan

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 16:46)

Maksud PM ini ialah *kalau tahu melakukan sesuatu, mesti tahu merahsiakannya* (Ainon & Abdullah, 2008b:11).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

1) لَا تَفْشِ الْأَسْرَارَ لِعَدُوِّكَ

Terjemahan : jangan buka rahsia-rahsia kepada musuh kamu.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur anak ikan dan ikan digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

9. Anak kera di hutan disusui, anak di rumah dibiarkan

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 16:47)

Maksud PM ini ialah *oleh kerana mementingkan urusan orang, urusan sendiri ditinggalkan* (Ainon & Abdullah, 2008b:11).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

(1) **إِبْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ**

Terjemahan : dahulukanlah orang yang di bawah tanggunganmu.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur anak kera digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998) .

(2) **الْأَقْرَبُونَ أَوْلَىٰ بِالْمَعْرُوفِ**

Terjemahan : saudara-mara lebih layak dan patut untuk diberi bakti.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur anak kera digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

10. Anjing itu dipukul sekalipun, akan berulang juga ke tempat yang banyak tulang.

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 17:54)

Maksud PM ini ialah *orang tamak, walaupun dikata, tidak akan berasa malu* (Ainon & Abdullah, 2008b:14).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

١ اللّصُّ مَرَّةً لِّصٍّ دَائِمًا

Terjemahan : sekali pencuri itu mencuri, ia akan selalu mengulangi perbuatan mencuri.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Diumpamakan bagi orang yang sekali telah mencuri, maka perbuatan mencuri itu menjadi tabiat baginya dan dia menjadi seorang pencuri yang profesional (Taysir al-Kailānī et al., 1991:261).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur anjing digunakan manakala PA menggunakan unsur اللّصُّ (pencuri). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

11. Anjing itu tetap anjing sekalipun kamu kalungkan ia rantai emas

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 17:55)

Maksud PM ini ialah *orang jahat, tidak akan berubah* (Ainon & Abdullah, 2008b:14).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

١ الْكَلْبُ كَلْبٌ وَلَوْ طَوَّقَهُ بِالذَّهَبِ

Terjemahan : anjing itu tetap anjing walaupun kamu kalungkannya dengan emas.



Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). PM menggunakan unsur anjing dan begitu juga dalam PA yang menggunakan unsur الْكَلْبُ (anjing). Ini menepati strategi pertama mengikut taksonomi Larson (1998).

## 12. Asal berinsang, ikanlah dia

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 19:65)

Maksud PM ialah *tidak memilih-milih* (Ainon & Abdullah, 2008b:16).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

1 كُلُّ مَا يَأْتِي إِلَى الشَّبَكَةِ فَهُوَ سَمَكٌ

Terjemahan : semua apa yang datang ke jaring/pukat, maka ia adalah ikan.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). PM menggunakan unsur ikan dan begitu juga dalam PA yang menggunakan unsur سَمَكٌ (ikan) tetapi perincian yang digunakan tidak sama seperti PM. Oleh itu, strategi ini tidak boleh dimasukkan dalam mana-mana daripada lima strategi Larson walaupun hampir dengan strategi pertama. Maka, pengkaji berpendapat ini adalah strategi baru dan ditentukan sebagai strategi keenam.

Terjemahan : kubur tidak menolak mayat

Maksud bagi PA (2) di atas ialah :

Diumpamakan bagi orang yang mengambil apa sahaja yang sampai kepadanya tanpa membezakan antara apa yang haknya dan apa yang bukan haknya (Taysir al-Kailāni et al., 1991:5).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur ikan digunakan manakala PA menggunakan unsur مَقْبَرَةٌ\* (kubur). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

### 13. Ayam berak kapur

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 19:67)

Maksud PM ini ialah *rupa pucat kerana menghidap penyakit* (Abdullah, 2010:185).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

Terjemahan : pucat seperti mayat.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Keadaan seseorang yang terlalu pucat.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur ayam digunakan manakala PA menggunakan unsur المَيِّت (mayat). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

(2) هُوَ مُمْتَقِعُ الْوَجْهِ

Terjemahan : wajahnya pucat

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur ayam digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

#### 14. Ayam berinduk, sirih berjunjung

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 19:68)

Maksud PM ialah *orang lemah harus mendapatkan bantuan dan perlindungan* (Ainon & Abdullah, 2008b:18).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) لَا بُدَّ لِلضَّعِيفِ مِنْ حِمَايَةٍ

Terjemahan : orang lemah mesti memerlukan perlindungan.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur ayam digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

15. Ayam bertelur di atas padi

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 19:69)

Maksud PM ini ialah *hidup senang dan mewah* (Abdullah, 2010:15).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

(1) يَحْيَا حَيَاةً حَافِلَةً بِالتَّرَفِ وَالْبَذْخِ

Terjemahan : dia hidup dengan kehidupan yang penuh dengan kemewahan dan boros.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur ayam digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

(2) فِي رَفَاهِيَّةٍ

Terjemahan : dalam kemewahan.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur ayam digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

#### 16. Ayam dan itik raja di tempatnya

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 20:70)

Maksud PM ini ialah *tiap orang mempunyai tempat masing-masing* (Ainon & Abdullah, 2008b:18).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

1 كُلُّ وَاحِدٍ مُتَّفَقٌ فِي حَقْلِ نَشَاطِهِ

Terjemahan : setiap orang cemerlang dalam lapangan aktivitinya.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur ayam dan itik digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

#### 17. Ayam beroga itu, walau diberi makan di pinggan emas sekalipun, akan pergi ke hutan juga

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 20:71)

Maksud PM ini ialah *orang dagang, walau bagaimana senang sekalipun di negeri orang, ingat juga akan negerinya sendiri* (Shamsuddin, 2007:16).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) الْعَادَةُ طَبِيعَةً ثَانِيَةً

Terjemahan : adat kebiasaan adalah sifat semula jadi kedua.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Sesungguhnya adat kebiasaan apabila telah sebatu dalam diri seseorang, maka ia telah menjadi sebahagian daripada sifat semula jadinya (Taysir al-Kailani et al., 1991:47).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) membawa maksud yang berbeza.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang berlainan. PM berkaitan dengan asal tanah air seseorang. Berbeza dengan PA yang bermaksud kebiasaan yang sebatu dalam diri seseorang sehingga menjadi sebahagian sifat semula jadinya. Dalam PM, unsur ayam beroga iaitu ayam hutan digunakan manakala PA tiada menggunakan unsur haiwan. Tetapi menggantikan peribahasa yang mempunyai maksud yang serupa. Mengikut pandangan penterjemah, PA memiliki maksud yang sama dengan PM. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) dari sudut strategi penterjemahan.

#### 18. Bagai anjing dengan kucing

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 21:77)

Maksud PM ini ialah *selalu bertengkar* (Abdullah, 2010:185).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

(1) يَعْيشُ كَالْهَرِّ مَعَ الْكَلْبِ

Terjemahan : hidup seperti kucing dengan anjing.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA iaitu (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). PM menggunakan unsur kucing dan anjing. Begitu juga dalam PA yang menggunakan unsur الْهَرِّ وَالْكَلْبِ (kucing dan anjing). Ini menepati strategi pertama mengikut taksonomi Larson (1998).

(2) يَحْيَا حَيَاةً حَافِلَةً بِالْمُنَازَعَاتِ وَالْخِصَامِ

Terjemahan : dia hidup penuh dengan pertengkaran dan perselisihan.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur anjing dan kucing digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur anjing dan kucing tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

#### 19. Bagai ular ditarik songsang

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 22:80)

Maksud PM ini ialah *buat kerja tidak ikut aturan, tentu susah* (Ainon & Abdullah, 2008b:22).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

(1) جَوْزَةٌ قَاسِيَةٌ يَصْعَبُ كَسْرُهَا

Terjemahan : kacang keras sukar untuk dipecahkan.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Diumpamakan bagi masalah yang sukar diselesaikan atau bagi seseorang kental dan tabah yang sukar untuk mencaci atau menghinanya (Taysir al-Kailani et al., 1991:123).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki maksud yang berbeza.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang berlainan. PM berkenaan dengan tema tidak mematuhi peraturan. Tetapi PA berkenaan dengan tema masalah yang sukar diselesaikan atau bagi seseorang kental dan tabah. Dalam PM unsur ular digunakan manakala PA menggunakan unsur جَوْزَةٌ قَاسِيَةٌ (kacang keras). Mengikut pandangan penterjemah, PA memiliki maksud yang sama dengan PM. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) dari sudut strategi penterjemahan.

(2) يُضْرَبُ لِلْمُشْكِلَةِ الْعَسِيرَةِ يَصْعَبُ حَلُّهَا

Terjemahan : diumpamakan bagi masalah yang sukar diselesaikan.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki maksud yang berbeza.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur ular digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Namun, maksud PM dengan PA adalah berbeza kerana PM bertemakan tidak mematuhi peraturan manakala PA yang



diterjemahkan makna pula merujuk kepada masalah yang sukar diselesaikan. Mengikut pandangan penterjemah, PA memiliki padanan maksud yang tepat dalam PM. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998) dari sudut strategi penterjemahan.

## 20. Bagai bersahabat dengan ular bisa

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 22:84)

Maksud PM ini ialah *berkawan dengan orang yang jahat* (Ainon & Abdullah, 2008b:23).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) الْوَحْدَةُ خَيْرٌ مِنْ جَلِيسِ السُّوءِ

Terjemahan : berseorang itu lebih baik dari bersahabat dengan teman yang jahat.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Hidup bersendirian tanpa sahabat-sahabat lebih baik dari bersahabat atau berdamping dengan teman yang jahat.

Penggunaan : peringatan dari bersahabat dengan teman yang jahat (Maḥmūd Ismā'īl Ṣinī et al., 1992:47).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur ular digunakan manakala PA menggunakan unsur جَلِيسِ السُّوءِ (bersahabat dengan teman yang jahat). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

## 21. Bagai kelip-kelip terbang malam

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 24:97)

Maksud PM ini ialah *rahsia yang sudah diketahui orang* (Ainon & Abdullah, 2008b:39).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

(1) كُلُّ سِرٍّ لَا بُدَّ أَنْ يَشِيعَ

Terjemahan : setiap rahsia pasti tersebar.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur kelip-kelip digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

(2) كُلُّ جَرِيْمَةٍ لَا بُدَّ أَنْ تَنْكَشِفَ عَاجِلًا أَوْ آجَلًا

Terjemahan : setiap jenayah pasti tersingkap lambat laun.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur kelip-kelip digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998) .

## 22. Bagai kayu lempung, ditebuk kumbang tembus menembus

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 24:98)

Maksud PM ini ialah *yang lemah mudah dianiaya oleh yang kuat* (Ainon & Abdullah, 2008b:39).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

1 جَمِيعُ الْأَعْمَالِ تُلْقَى عَلَى ظَهْرِ الْحِصَانِ الْمُطِيعِ

Terjemahan : semua pekerjaan dilempar atas belakang kuda yang taat.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Diibaratkan bagi orang baik yang menerima pekerjaan tanpa rungutan yang menyebabkannya terpaksa memikul banyak kerja (Taysir al-Kailani et al., 1991:5).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur kumbang digunakan manakala PA menggunakan unsur الْحِصَانِ (kuda). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

## 23. Bagai kepiting batu

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 25:101)

Maksud PM ini ialah *sangat kedekut* (Ainon & Abdullah, 2008b:39).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 3 peribahasa iaitu :

(1) لَا تَسْتَطِيعُ اسْتِخْرَاجَ الدَّمِ مِنَ الْحَجَرِ

Terjemahan : kamu tidak mampu mengeluarkan darah dari batu.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Diumpamakan bagi orang yang cuba menarik simpati dari orang tamak dan keras hati (Taysir al-Kailani et al., 1991:385).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) membawa maksud yang berbeza.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang berlainan. PM bermaksud sangat kedekut. Manakala PA merujuk kepada orang yang cuba menarik simpati dari orang tamak dan keras hati. Dalam PM unsur keping digunakan manakala PA menggunakan unsur الدَّم (darah). Mengikut pandangan penterjemah, PA memiliki maksud yang sama dengan PM. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) dari sudut strategi penterjemahan.

(2) إِنَّكَ لَا تَجْنِي مِنَ الشُّوكِ الْعِنَبَ

Terjemahan : sesungguhnya kamu tidak dapat memetik anggur daripada duri.

Maksud bagi PA (2) di atas ialah :

Apabila seseorang menanam buah anggur, maka sesungguhnya ia memetik anggur, dan apabila dia menanam duri, maka tidak dipetik melainkan duri, dan begitulah sesiapa yang melakukan kejahatan, dia menuai kejahatan dan tidak mungkin dia memetik di sebaliknya kebaikan.

Penggunaan : menggambarkan orang yang mahu mengubah sesuatu yang asal dan mengeluarkannya dari sifat semula jadi (Maḥmūd Ismā'īl Ṣīnī, Nāsif et al., 1992:96).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) membawa maksud yang berbeza.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang berlainan. PM bermaksud sangat kedekut. Manakala PA merujuk kepada orang yang berbuat jahat akan menuai kejahatan dan tidak mungkin memetik kebaikan. Dalam PM unsur kepiting digunakan manakala PA menggunakan unsur الْعَنْب (anggur). Mengikut pandangan penterjemah, PA memiliki maksud yang sama dengan PM. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) dari sudut strategi penterjemahan.

3) كَالسَّمَكِ خَارِجَ الْمَاءِ

Terjemahan :seperti ikan di luar air.

Maksud bagi PA (3) di atas ialah :

Diibaratkan bagi seseorang yang hidup bukan pada keadaan atau tempatnya yang semula jadi (Taysir al-Kailānī et al., 1991:205).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (3) membawa maksud yang berbeza.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang berlainan. PM bermaksud sangat kedekut. Manakala PA merujuk kepada seseorang yang hidup bukan pada keadaan atau tempatnya yang semula jadi. Dalam PM unsur kepiting digunakan manakala PA menggunakan unsur السَّمَك (ikan). Mengikut pandangan penterjemah, PA memiliki maksud yang sama dengan PM. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) dari sudut strategi penterjemahan.

## 24. Bagai kera kena belacan

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 25:101)

Maksud PM ini ialah *tidak boleh duduk diam* (Ainon & Abdullah, 2008b:39).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) مِثْلُ السَّمَكِ إِنْ طَلَعَ مِنَ الْمِيَاهِ مَاتَ

Terjemahan : seperti ikan yang keluar daripada air akan mati.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

1. Diumpamakan bagi orang yang biasa dengan sesuatu tidak dapat berpisah daripadanya, maka seolah-olah ikan yang sentiasa hidup dengan air dan akan mati apabila keluar daripadanya (Aḥmad Taymūr, 1956:264).
2. Diibaratkan bagi seseorang yang diletakkan pada bukan bidangnya, pengkhususannya atau keadaannya, maka tidak memperolehi keserasian (Taysīr al-Kailānī et al., 1991:92).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) membawa maksud yang berbeza.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang berlainan. PM bermaksud tidak boleh duduk diam. Manakala PA merujuk seseorang yang diletakkan pada bukan bidangnya, pengkhususannya atau keadaannya, maka tidak memperolehi keserasian. Dalam PM unsur kera digunakan manakala PA menggunakan unsur السَّمَكُ (ikan). Mengikut pandangan penterjemah, PA memiliki maksud yang sama dengan PM. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) dari sudut strategi penterjemahan.

25. Bagai kumbang putus tali

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 25:103)

Maksud PM ini ialah *sangat pantas menghilang diri* (Ainon & Abdullah, 2008b:41).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

سَرِيعٌ كَالْبَرْقِ (1)

Terjemahan : cepat seperti kilat

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Sangat cepat.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur kumbang digunakan manakala PA menggunakan unsur البرق (kilat). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

26. Bagai lembu makan, dikunyah baru ditelan

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 25:104)

Maksud PM ini ialah *tiap-tiap perbuatan itu dirundingkan masak-masak sebelum dikerjakan* (Zulkiflee, 1996:35).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

فَكَّرُ قَبْلَ أَنْ تَشَبَّ (1)

Terjemahan : fikirkanlah sebelum kamu melompat.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Diumpamakan untuk menggalakkan supaya berfikir, perlahan-lahan dan peringatan sebelum melakukan sesuatu perbuatan (Taysir al-Kailani et al., 1991:212).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur lembu digunakan manakala PA tiada menggunakan unsur haiwan. Tetapi menggantikan peribahasa yang mempunyai maksud yang serupa. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

## 2) الرَّأْيُ الثَّانِي هُوَ الْأَصَوْبُ

Terjemahan : pandangan yang kedua adalah yang betul.

Maksud bagi PA (2) di atas ialah :

Diumpamakan bagi pandangan atau pendapat-pendapat yang dibuat hasil daripada pertimbangan atau penilaian semula dalam urusan atau permasalahan. Di mana pandangan yang kedua lebih matang dan lebih mendalam (Taysir al-Kailani et al., 1991:299).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur lembu digunakan manakala PA tiada menggunakan unsur haiwan. Tetapi menggantikan peribahasa yang mempunyai maksud yang serupa. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).



## 27. Bagai mengail kucing yang hanyut

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 26:109)

Maksud PM ini ialah *perbuatan yang sia-sia* (Abdullah, 2010:24).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

(1) مُنْشَغِلٌ بِالتَّوَاتُفِ (لَا طَائِلَ تَحْتَهُ)

Terjemahan : sibuk dengan perkara yang remah atau tidak penting (tidak berguna).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur kucing digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

(2) غَيْرُ ذِي جَدْوَى، لَا طَائِلَ تَحْتَهُ

Terjemahan : tidak mempunyai faedah, tidak berguna.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur kucing digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

## 28. Bagaikan punggung rindukan bulan

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 27:118)

Maksud PM ini ialah *keadaan orang yang merindukan seseorang; seseorang yang sangat mengharapkan sesuatu tetapi ia tidak memperolehi apa yang dihajatnya* (Mohd. Tajuddin, 1984:234).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) يَطْلُبُ شَيْئاً مُسْتَحِيلًا

Terjemahan : mengharapkan sesuatu yang mustahil.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur punggung digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

## 29. Bagaikan tikus membaiki labu

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 28:122)

Maksud PM ini ialah *cuba melakukan kerja yang tidak diketahui, akhirnya makin rosak* (Ainon & Abdullah, 2008b:86).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) إِذَا لَمْ تَكُنْ قَادِرًا عَلَى الْعِصِّ فَلَا تُكْشِرْ عَنْ أَسْنَانِكَ

Terjemahan : sekiranya kamu tidak boleh menggigit, maka jangan kamu menampakkan gigi kamu.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Diibaratkan kepada orang yang menampakkan titik kelemahannya di hadapan musuhnya (Taysir al-Kailani et al., 1991:172).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) membawa maksud yang berbeza.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang berlainan. PM bermaksud cuba melakukan kerja yang tidak diketahui, akhirnya makin rosak. Tetapi PA bermaksud orang yang menampakkan titik kelemahannya di hadapan musuhnya. Dalam PM unsur tikus digunakan manakala PA tiada menggunakan unsur haiwan. Mengikut pandangan penterjemah, PA memiliki maksud yang sama dengan PM. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) dari sudut strategi penterjemahan.

### 30. Bagaikan rusa masuk kampung

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 29:131)

Maksud PM ini ialah *tercengang-cengang* (Ainon & Abdullah, 2008b:87).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

كَالْغَرِيبِ الْمُنْذَهْلِ عِنْدَ دُخُولِهِ الْبَلَدَ<sup>(1)</sup>

Terjemahan : seperti orang asing yang tercengang-cengang ketika masuk ke sesebuah negara.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur rusa digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

2 كَالْغَزَالِ النَّفُورِ

Terjemahan : seperti rusa yang lari ketakutan.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). PM menggunakan unsur rusa dan begitu juga dalam PA yang menggunakan unsur الْغَزَالِ (rusa) tetapi perincian yang digunakan tidak sama seperti PM. Oleh itu, strategi ini tidak boleh dimasukkan dalam mana-mana daripada lima strategi Larson walaupun hampir dengan strategi pertama. Maka, pengkaji berpendapat ini adalah strategi baru dan ditentukan sebagai strategi keenam.

31. Bangau, bangau, minta aku leher, badak, badak, minta aku daging

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 30:133)

Maksud PM ini ialah *iri kerana melihat kelebihan seseorang* (Abdullah, 2010:29).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

1 لَا يَسْتَعْمِلُ شَيْئًا وَلَا يَدْعُ غَيْرَهُ يَسْتَعْمِلُهُ

Terjemahan : ia tidak menggunakan sesuatu dan tidak membiarkan orang lain menggunakannya.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur bangau dan badak digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

32. Banyak udang banyak garamnya, banyak orang banyak ragamnya

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 30:137)

Maksud PM ini ialah *tiap-tiap orang mempunyai pendapat sendiri; makin banyak orang makin banyak pendapat dan kemahuannya* (Ainon & Abdullah, 2008b:87).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) حِينَ يَكْثُرُ الرَّجَالُ تَكْثُرُ الآرَاءُ

Terjemahan : ketika ramai orang, banyak pendapat.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna bahasa kiasan tanpa mengekalkan unsur-unsur bahasa kiasan BM. Dalam PM unsur udang digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

33. Berapa tinggi bangau terbang, akhirnya hinggap juga di belakang kerbau

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 34:161)

Maksud PM ini ialah *berapa jauh pergi merantau akhirnya balik juga; pangkat yang tinggi akan hilang juga* (Ainon & Abdullah, 2008b:106).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) لَا مَكَانَ كَالْوَطَنِ

Terjemahan : tidak ada tempat seperti negara sendiri.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Diibaratkan kecintaan kepada negara sendiri dan kesukaan atas mana-mana tempat (Taysir al-Kailānī et al., 1991:329).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur bangau dan kerbau digunakan manakala PA tiada menggunakan unsur haiwan. Tetapi menggantikan peribahasa yang mempunyai maksud yang serupa. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

34. Beralah ke hilir tertawa buaya. Bersuluh di bulan tertawa harimau

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 35:164)

Maksud PM ini ialah *perbuatan bodoh ditertawakan orang* (Ainon & Abdullah, 2008b:109).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) يَشْرَعُ فِي مُهِمَّةٍ أَوْ مُعَامَرَةٍ سَخِيفَةٍ غَيْرِ مُرِيحَةٍ

Terjemahan : melakukan sesuatu tugas atau pekerjaan mencabar yang bodoh lagi tidak menguntungkan.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur buaya dan harimau digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

35. Biar mati ditangkap harimau, jangan mati digigit anjing

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 39:190)

Maksud PM ini ialah *biar kalah kepada orang besar, jangan kalah kepada orang kecil* (Ainon & Abdullah, 2008b:109).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) يَاكُلْنِي سَبُعٌ وَلَا يَأْكُلْنِي كَلْبٌ

Terjemahan : biar dimakan harimau dan jangan digigit anjing.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). PM menggunakan unsur

harimau dan anjing manakala dalam PA yang menggunakan unsur سَعٍ وَكَلْبٍ (harimau dan anjing). Ini menepati strategi pertama mengikut taksonomi Larson (1998).

36. Burung gagak itu juga dimandikan dengan air mawar sekalipun tidak menjadi putih

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 43:215)

Maksud PM ini ialah *orang jahat tetap jahat* (Ainon & Abdullah, 2008b:130).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) النَّمِرُ الْأَرْقَطُ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُغَيِّرَ رُقَطَهُ

Terjemahan : harimau bintang tidak boleh mengubah bintik-bintiknya.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

1. Diumpamakan bagi menjelaskan sesungguhnya seseorang itu tidak mampu mengubah tabiat asalnya dan kebiasaannya yang amat kuat (Taysir al-Kailani et al., 1991:201).
2. Diumpamakan bagi menjelaskan sesungguhnya sifat-sifat dan tabiat-tabiat semula jadi yang asal tidak berubah (Taysir al-Kailani et al., 1991:34).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur burung gagak digunakan manakala PA menggunakan unsur النَّمِرُ الْأَرْقَطُ (harimau bintang). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).



37. Busut juga ditimbuni anai-anai

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 43:217)

Maksud PM ini ialah *orang kaya juga yang bertambah kaya* (Abdullah, 2010:55).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) الْعَنِيُّ يَزْدَادُ غِنًى وَالْفَقِيرُ يَزْدَادُ فَقْرًا

Terjemahan : yang kaya bertambah kaya dan yang papa bertambah fakir.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur anai-anai digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

38. Bukan semua yang menunggang kuda itu pahlawan

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 43:219)

Maksud peribahasa ini ialah *orang yang nampak zahirnya gagah tidak semestinya berani*.

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) مَا كُلُّ مَنْ رَكِبَ الْخَيْلَ فَارِسٌ

Terjemahan : bukan semua yang menunggang kuda itu pahlawan.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). PM menggunakan unsur kuda dan begitu juga dalam PA yang menggunakan unsur الْحَيْل (kuda). Ini menepati strategi pertama mengikut taksonomi Larson (1998).

### 39. Cengkeling bagai ular dipalu

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 44:222)

Maksud PM ini ialah *bengkang bengkok* (Ainon & Abdullah, 2008b:130).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) مُلْتَوٍ (غَيْرُ مُسْتَقِيمٍ أَوْ شَرِيفٍ)

Terjemahan : bengkang-bengkok.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur ular digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

### 40. Carik-carik bulu ayam, lama-lama ia bercantum juga.

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 44:223)

Maksud PM ini ialah *adik-beradik bergaduh akan berbaik-baik* (Ainon & Abdullah, 2008b:133).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

(1) الْأَقْرَبَاءُ وَإِنْ تَخَاصَّمُوا لَا بُدَّ أَنْ يَصْطَلِحُوا أَخِيرًا

Terjemahan : saudara mara jikalau bergaduh pasti akan saling berdamai akhirnya.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur ayam digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

(2) عُمُرُ الدَّمِّ مَا يَبْقَى مَيَّةً . أَيَّ : إِنَّ الدَّمَ لَا يَتَحَوَّلُ إِلَى مَاءٍ

Terjemahan : sesungguhnya darah tidak bertukar menjadi air.

Maksud bagi PA (2) di atas ialah :

1. Walaupun berlaku perselisihan antara saudara, tetapi darah yang berkumpul dalam diri mereka ada satu sahaja dan pasti suatu hari nanti mereka akan bersatu (Ahmad Taymūr, 1956:351).

2. Diibaratkan bagi menjelaskan bahawa hubungan-hubungan darah (kaum kerabat) lebih kuat dari hubungan-hubungan yang lain (Taysir al-Kailānī et al., 1991:29).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur ayam digunakan manakala PA menggunakan unsur الدَّم (darah). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

#### 41. Cerdik seperti kancil

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 45:224)

Maksud PM ini ialah *seseorang yang amat cerdik* (Muhd Norizam, 2012:54).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) مُرَاوِغٌ كَالشَّعْبِ

Terjemahan : pandai mengelak atau melepaskan diri seperti musang.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Penuh dengan tipu helah untuk melepaskan diri.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur kancil digunakan manakala PA menggunakan unsur الشَّعْبِ (musang). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

#### 42. Dahulu helang pulau, sekarang menjadi burung pungguk

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 47:236)

Maksud PM ini ialah *sudah turun darjat; sudah jatuh miskin* (Ainon & Abdullah, 2008b:137).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

1 بِقَدْرِ الصُّعُودِ يَكُونُ السُّقُوطُ

Terjemahan : bagaimana dia naik, begitu jugalah apabila dia jatuh.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Diumpamakan dalam menjelaskan bahawa kesan jatuh sama dengan kesan semasa dia naik, bila mana semakin bertambah tingginya, semakin bertambah jatuhnya (Taysir al-Kailani et al., 1991:158).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur helang dan burung pungguk digunakan manakala PA tiada menggunakan unsur haiwan. Tetapi menggantikan peribahasa yang mempunyai maksud yang serupa. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

2 مَا طَارَ طَيْرٌ وَارْتَفَعَ إِلَّا كَمَا طَارَ وَقَعَ

Terjemahan : tidaklah terbang seekor burung dan tinggi melainkan sebagaimana dia terbang, begitulah apabila dia jatuh.

Maksud bagi PA (2) di atas ialah :

Diibaratkan dalam keadaan yang berubah atau nasib akhir sesuatu keadaan (Taysir al-Kailani et al., 1991:66).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur helang dan burung pungguk digunakan manakala PA menggunakan unsur طَيْر (burung) sahaja walaupun dalam spesies yang sama. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

43. Di mana tiada helang, kata belalang akulah helang

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 49:247)

Maksud PM ini ialah *jika tidak ada orang pandai, si bodoh berani mengaku pandai* (Ainon & Abdullah, 2006:77).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

1) الْأَعْوَرُ مَلِكٌ بَيْنَ الْعُمَيَّانِ

Terjemahan : dalam kalangan orang yang buta sepenuhnya, dia buta sebelah, maka dia adalah raja.

2) الْأَعْوَرُ فِي بَلَدِ الْعُمَيَّانِ طُرْفَةٌ

Terjemahan : seorang yang buta sebelah duduk di negara orang yang buta sepenuhnya, maka dia adalah orang yang hebat.

Maksud bagi PA (1) dan (2) di atas ialah :

Diumpamakan bagi manusia yang mempunyai sedikit ilmu berada dalam kalangan orang yang jahil atau orang yang mempunyai kemampuan sederhana berada dalam kalangan orang jahil, maka dia dianggap orang yang alim besar (Taysir al-Kailānī et al., 1991:7).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) dan (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA (1) dan (2) yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur helang dan belalang digunakan manakala PA (1) dan (2) menggunakan unsur الْأَعْوَرُ وَالْعُمَيَّانِ (orang yang buta sebelah mata dan orang yang buta kedua-duanya). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

44. Datang bala bencana itu seperti ribut, perginya seperti semut

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 50:252)

Maksud PM ini ialah *penyakit yang datang tiba-tiba, tetapi lambat sembuh* (Ainon & Abdullah, 2008b:139).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

1 تَأْتِي الْمَصَائِبُ عَلَى عَجَلٍ وَتَذْهَبُ عَلَى مَهْلٍ

Terjemahan : musibah datang dengan tiba-tiba dan pergi dengan perlahan.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur semut digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

45. Dungu seperti keldai

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 53:272)

Maksud PM ini ialah *tersangat bodoh*.

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

1 أَبْلَهٌ وَغَبِيٌّ ، مِثْلَ الْحِمَارِ

Terjemahan : orang bodoh dan dungu seperti keldai.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). PM menggunakan unsur keldai dan begitu juga dalam PA yang menggunakan unsur الْحِمَارِ (keldai). Ini menepati strategi pertama mengikut taksonomi Larson (1998).

46. Enggang sama enggang, pipit sama pipit

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 55:277)

Maksud PM ini ialah *sama status* (Ainon & Abdullah, 2008b:139).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

1 إِنَّ الطُّيُورَ عَلَى أَشْكَالِهَا تَقَعُ

Terjemahan : burung yang sama bentuk akan duduk bersama.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

1. Manusia cenderung kepada seseorang yang menyamainya dan sesuatu yang menyerupai akan menarik kepadanya. Oleh yang demikian, kita dapati pemuda-pemuda cenderung kepada kawan-kawannya dari jenis yang sama sikapnya, begitu juga pemudi-pemudi yang



bersopan akan berkumpul bersama dengan kawan-kawan seperti yang mempunyai kelakuan baik.

Penggunaan : Ungkapan mengenai kecenderungan kepada benda yang sama (Maḥmūd Ismā'īl Ṣīnī et al, 1992).

2. Sesungguhnya setiap orang mencari yang menyamainya, maka orang yang baik mencari kawan yang baik dan orang yang sesuai dengan kedudukannya, demikian juga mencari setiap darjat / taraf manusia yang sekufu dengannya (Ṣāleḥ Zayādnā, 1997:143).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur enggang dan pipit digunakan manakala PA menggunakan unsur الطُيُورَ (burung) sahaja walaupun dalam spesies yang sama. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

2) الطُيُورُ ذَوَاتُ الرِّيشِ الْمُتَشَابِهِ يَأْلَفُ بَعْضُهَا بَعْضًا

Terjemahan : burung-burung yang mempunyai bulu yang hampir sama akan serasi antara satu sama lain.

Maksud bagi PA (2) di atas ialah :

Diumpamakan keserasian manusia dari satu kelompok yang sama dan dengan sifat-sifat dan keprihatinan yang sama (Taysīr al-Kailānī et al., 1991:28).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur enggang dan pipit digunakan manakala PA menggunakan unsur

الطُّيُورَ (burung) sahaja walaupun dalam spesies yang sama. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

47. Gajah berjuang sama gajah, pelanduk mati di tengah-tengah

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 57:279)

Maksud PM ini ialah *kalau raja-raja berkonflik, rakyat yang susah* (Ainon & Abdullah, 2008b:153).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

1) بَيْنَ الْمِطْرَقَةِ وَالسَّنْدَانِ

Terjemahan : antara penukul dengan andas.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Terletak antara dua benda, tetapi semuanya tidak elok (al-Mu‘jam al-‘Arabiyy al-Asāsi, 1988:646).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur gajah dan pelanduk digunakan manakala PA menggunakan unsur التُّكُلُ وَالسَّنْدَانِ (tukul dan andas). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

48. Gajah seekor gembala dua

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 57:282)

Maksud PM ini ialah *sesuatu pekerjaan dikepalai dua orang; dua orang lelaki mencintai seorang perempuan* (Abdullah, 2010:74).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) الْفِيلُ ذُو الرَّئِيسَيْنِ يَهْلِكُ

Terjemahan : gajah yang mempunyai dua penggembala, akan musnah.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). PM menggunakan unsur gajah dan begitu juga dalam PA yang menggunakan unsur الْفِيلُ (gajah). Ini menepati strategi pertama mengikut taksonomi Larson (1998).

49. Gombak gemilang, kutu banyak, bibir hitam, gigi kotor

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 59:290)

Maksud PM ini ialah *rupa elok, tetapi hati jahat* (Ainon & Abdullah, 2008b:159).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) الْجَمَالُ مَا خُفِيَ وَرَاءَ الْإِهَابِ

Terjemahan : kecantikan tidak tersembunyi di sebalik kulit.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Diibaratkan bagi menerangkan sesungguhnya penilaian sebenar bukan pada kecantikan luaran tetapi pada intipati yang asal (Taysir al-Kailani et al., 1991:17).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur kutu digunakan manakala PA menggunakan unsur **الْإِهَابِ** (kulit). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

#### 50. Hangat-hangat tahi ayam

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 61:296)

Maksud PM ini ialah *tidak serius bekerja* (Ainon & Abdullah, 2008b:162).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 3 peribahasa iaitu:

(1) **يُمْسِي عَلَى حَارٍّ وَيُصْبِحُ عَلَى بَارِدٍ (أَيَّ يَجِدُ فِي أَمْرٍ ثُمَّ يَفْتَرُ عَنْهُ)**

Terjemahan : waktu petang dia panas dan waktu pagi dia sejuk (dia bersungguh-sungguh dalam sesuatu perkara kemudian semangatnya luntur).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur ayam digunakan manakala PA tiada menggunakan unsur haiwan. Tetapi menggantikan peribahasa yang mempunyai maksud yang serupa. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

(2) **سَرِيعُ الْإِضْطِرَامِ سَرِيعُ الْحُمُودِ**

Terjemahan : cepat pembakaran, cepat reda.

(3) **سَرِيعُ الْحَرَارَةِ سَرِيعُ الْبُرُودَةِ**

Terjemahan : cepat panas, cepat sejuk.

Maksud bagi PA (2) dan (3) di atas ialah :

Diumpamakan bagi seseorang yang cepat marah dan dia cepat tenang (Taysir al-Kailani et al., 1991:309).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) dan (3) mempunyai maksud yang berbeza. Dari segi huraian maksud kedua-dua PA berlainan dengan maksud PM.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang berlainan. PM bermaksud tidak serius dalam melakukan pekerjaan. Tetapi PA bermaksud cepat marah dan cepat tenang kembali. Dalam PM unsur ayam digunakan manakala PA tiada menggunakan unsur haiwan. Tetapi menggantikan peribahasa yang mempunyai maksud yang serupa. Mengikut pandangan penterjemah, PA memiliki maksud yang sama dengan PM. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998) dari sudut strategi penterjemahan.

#### 51. Harimau mengaum takkan menangkap

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 62:303)

Maksud PM ini ialah *orang yang marah-marah tidak memukul* (Ainon & Abdullah, 2008b:165).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

١ الكَلْبُ النَّبَّاحُ نَادِرًا مَا يَعْصُ

Terjemahan : anjing yang menyalak jarang menggigit.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Diumpamakan bagi orang yang banyak percakapannya dan sedikit perbuatannya (Taysir al-Kailānī et al., 1991:14).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur harimau digunakan manakala PA menggunakan unsur الْكَلْبُ (anjing). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

52. Ikan di laut, asam di darat bertemu juga dalam kualiti

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 68:331)

Maksud PM ini ialah *kalau ada jodoh, biarpun jauh, akan berkahwin juga* (Ainon & Abdullah, 2008b:224).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

1 سُبْحَانَ الْجَامِعِ بَيْنَ الضَّبِّ وَالتُّونِ وَبَيْنَ النَّارِ وَالتَّلْجِ (الْمَاءِ)

Terjemahan : Maha Suci Yang Menghimpunkan antara *dab* dengan ikan nun dan antara api dengan salji (air).

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Jodoh pertemuan di tangan Allah.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur ikan digunakan manakala PA menggunakan unsur الضَّبُّ وَالتُّونِ

(*dab* dan ikan *nun*) dan النَّارِ وَالتَّلْجِ (النَّارِ) api dan salji (air). *Dab* dalam al-Mu‘jam al-Wasīṭ (2004:532) iaitu spesies haiwan yang merangkak dan merupakan kumpulan cicak. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

53. Ikan lagi di laut, perencah sudah di sengkalan

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 68:332)

Maksud PM ini ialah *yakin kepada perkara yang belum pasti* (Ainon & Abdullah, 2008b:225).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

(1) يَعُدُّ فِرَاخَهُ قَبْلَ أَنْ تَفْقِسَ

Terjemahan : dia mengira anak ayam sebelum menetas.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Seseorang yang lebih optimis, maka dia membuat hitungan kepada perkara-perkara masa hadapan dan seolah-olah ianya telah berlaku (Taysir al-Kailānī et al., 1991:44).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur ikan digunakan manakala PA menggunakan unsur فِرَاخَهُ (anak ayam). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

54. Ikan terkait jala tiba

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 68:333)

Maksud PM ini ialah *cepat bertindak* (Ainon & Abdullah, 2008b:225).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

١ اللَّيْبُ تَكْفِيهِ الْإِشَارَةُ، وَاللَّيْبُ مِنَ الْإِشَارَةِ يَفْهَمُ

Terjemahan : orang yang cerdik cukup dengan isyarat, dan orang yang cerdik itu memahami isyarat.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Diumpamakan pada kesempurnaan pengetahuan orang yang berakal dan cepat tindak balasnya (Taysir al-Kailānī et al., 1991:338).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur ikan digunakan manakala PA menggunakan unsur اللَّيْبُ (orang yang cerdik). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

55. Intan dikalungkan ke leher anjing

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 69:337)

Maksud PM ini ialah *memberi sesuatu/nasihat kepada seseorang yang tidak mahu dan tidak kena pada tempatnya* (Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad, 2011:371).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :



(1) يُعَلِّقُ اللُّؤْلُؤَ فِي عُنُقِ الْخِنْزِيرِ

Terjemahan : dikalungkan mutiara di leher khinzir.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Dikatakan bagi sesiapa yang memberi sesuatu yang berharga kepada orang yang tidak menghargai nilainya dan tidak menggunakan sebaiknya, atau kepada orang yang menunjukkan hasil atau ciptaan dari apa-apa jenis kepada orang yang tidak memahaminya, tidak menilainya dan tidak menghargai dengan sebenar-benar penghargaan (Taysir al-Kailani et al., 1991:58).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur anjing digunakan manakala PA menggunakan unsur الْخِنْزِيرِ (khinzir). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

56. Jangan bangunkan anjing tidur

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 70:342)

Maksud PM ini ialah *jangan diganggu musuh yang diam* (Ainon & Abdullah, 2006:135).

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

(1) دَعِ الْكِلَابَ النَّائِمَةَ تَرْقُدْ بِسَلَامٍ

Terjemahan : biarkan anjing yang sedang tidur dengan aman.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). PM menggunakan unsur anjing dan begitu juga dalam PA yang menggunakan unsur الْكِلَابَ (anjing). Ini menepati strategi pertama mengikut taksonomi Larson (1998).

2 تَجَنَّبُ مُنَاقَشَةَ الْمَسَائِلِ الَّتِي قَدْ تُثِيرُ الْمَتَاعِبَ

Terjemahan : jauhkan perbincangan permasalahan yang menimbulkan kesusahan.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Dalam PM unsur anjing digunakan tetapi apabila terjemahan makna dilakukan, unsur tersebut tidak wujud dalam terjemahan BA. Ini menepati strategi kelima mengikut taksonomi Larson (1998).

57. Jangan jadikan dirimu tikus supaya tidak dimakan oleh kucing

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 71:345)

Maksud peribahasa ini ialah *jangan meletakkan diri sendiri di tempat yang berisiko atau membahayakan diri.*

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

1 لَا تَجْعَلْ نَفْسَكَ فَأْرًا كَيْلًا يَأْكُلُكَ الْقَطُّ

Terjemahan : jangan kamu menjadikan diri kamu tikus, supaya tidak dimakan oleh kucing.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). PM menggunakan unsur tikus dan kucing dan begitu juga dalam PA yang menggunakan unsur فَأَرَأَى الْقِطَّ (tikus dan kucing). Ini menepati strategi pertama mengikut taksonomi Larson (1998).

58. Jangan percaya serigala menjaga kambing

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 73:359)

Maksud peribahasa ini ialah *elakkan memberi amanah kepada orang yang sukar kita percaya*.

Penterjemah menterjemah dalam BA dengan 2 peribahasa iaitu :

(1) لَا تَأْمَنِ الذِّبَّ عَلَى الشَّاةِ

Terjemahan : jangan kamu percaya serigala untuk menjaga biri-biri.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). PM menggunakan unsur serigala dan kambing, begitu juga dalam PA yang menggunakan unsur الذِّبَّ وَالشَّاةِ (serigala dan kambing). Ini menepati strategi pertama mengikut taksonomi Larson (1998).

## 2 لَا تَضَعِ الْحَمْلَ فِي رِعَايَةِ الذِّئْبِ

Terjemahan : jangan kamu letakkan sesuatu tanggungan di dalam penjagaan serigala.

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (2) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). PM menggunakan unsur serigala dan kambing. Begitu juga dalam PA yang menggunakan unsur الذِّئْبِ (serigala) walaupun unsur kambing tidak wujud tetapi perincian yang digunakan sama seperti PM. Ini menepati strategi pertama mengikut taksonomi Larson (1998) dari sudut strategi penterjemahan. Oleh itu, strategi ini tidak boleh dimasukkan dalam mana-mana daripada lima strategi Larson walaupun hampir dengan strategi pertama. Maka, pengkaji berpendapat ini adalah strategi baru dan ditentukan sebagai strategi keenam.

59. Jika intan itu keluar dari mulut anjing sekalipun, ia akan bernama intan juga

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 75:372)

Maksud PM ini ialah *idea yang baik, tetap baik, tidak kira siapa yang mengemukakannya* (Ainon & Abdullah, 2008b:236).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

## 1 الْحَمْرُ الْجَيِّدُ لَا يَحْتَاجُ إِلَى إِعْلَانٍ

Terjemahan : arak yang bagus tidak memerlukan kepada hebahan atau iklan.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Diibaratkan bagi menerangkan bahawa sesungguhnya barang yang baik akan dapat dijual dan laris tanpa perlu kepada iklan dan publisiti (Taysir al-Kailani et al., 1991:114).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) memiliki padanan maksud yang tepat.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Dalam PM unsur intan digunakan tetapi mengandungi unsur haiwan iaitu anjing. Manakala peribahasa BA menggunakan unsur **الْحَمْرُ الْجَيِّدُ** (arak yang bagus). Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

60. Jika kepalanya ular, tak akan ekornya belut

(Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris, 75:373)

Maksud PM ini ialah *yang jahat tetap jahat* (Ainon& Abdullah, 2008b:235).

Penterjemah menterjemah dalam BA iaitu :

1) **كَمَا يَكُونُ الْأَبُ يَكُونُ الْإِبْنُ**

Terjemahan : seperti mana bapa, begitulah anaknya.

Maksud bagi PA (1) di atas ialah :

Diumpamakan pada keserupaan kemiripan anak lelaki dengan ayahnya (Taysir al-Kailani et al., 1991:206).

Ini menunjukkan makna PM dengan PA (1) membawa maksud yang berbeza.

Diperhatikan bahawa penterjemah menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang berbeza. PM bermaksud yang jahat tetap jahat yang merujuk kepada perbuatan yang negatif yang dinyatakan lebih khusus kepada bentuk perbuatan. Tetapi maksud PA lebih umum iaitu bermaksud kemiripan anak lelaki dengan ayahnya sama ada wajah dan perbuatan yang positif atau negatif. Dalam PM unsur ular dan belut digunakan manakala peribahasa BA menggunakan unsur **الأبُّ والابْنُ** (bapa dan anak lelaki). Mengikut pandangan penterjemah, PA memiliki maksud yang sama dengan PM. Ini menepati strategi ketiga mengikut taksonomi Larson (1998).

#### **4.1.2 Analisis Keseluruhan**

##### **4.1.2.1 Analisis dari Sudut Strategi Penterjemahan**

Hasil analisis terperinci yang telah dijelaskan di atas memberi gambaran umum strategi yang paling kerap digunakan oleh penterjemah. Pengkaji akan membincangkan secara keseluruhan bagi strategi yang digunakan oleh penterjemah untuk menterjemah PM ke BA. Setelah diteliti, tidak terdapat peribahasa yang menggunakan strategi kedua dan strategi keempat setakat peribahasa yang dianalisis dalam kajian ini.

Senarai bagi setiap strategi akan disusun mengikut strategi Larson (1988) bersama peribahasa dalam bentuk jadual. Bermula dengan strategi pertama iaitu mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). Dalam kajian ini, unsur haiwan dalam PM dikekalkan oleh penterjemah dalam terjemahan PA dan juga dari sudut struktur ayat yang sama seperti PM. Jadual di bawah menunjukkan 10 senarai PM yang diterjemahkan ke BA dengan menggunakan strategi pertama.

Jadual 4.1: Peribahasa yang Menggunakan Strategi Pertama

Bil	Peribahasa Melayu ( Versi asal )	Peribahasa Arab ( Versi terjemahan )
1.	(15:44) Anak kucing menjadi harimau	- تَنَمَّرَتْ صِغَارُ الْقِطِّ
2.	(17:55) Anjing itu tetap anjing sekalipun kamu kalungkan ia rantai emas	- الْكَلْبُ كَلْبٌ وَلَوْ طَوَّقْتَهُ بِالذَّهَبِ
3.	(21:77) Bagai anjing dengan kucing	- يَعِيشُ كَاهِرٌ مَعَ الْكَلْبِ
4.	(39:190) Biar mati ditangkap harimau, jangan mati digigit anjing	- يَا كُنِّي سَبْعٌ وَلَا يَأْكُنِّي كَلْبٌ
5.	(43:219) Bukan semua yang menunggang kuda itu pahlawan	- مَا كُلُّ مَنْ رَكِبَ الْخَيْلَ فَارِسٌ
6.	(53:272) Dungu seperti keldai	- أَبَلَّةٌ وَغِيٌّ ، مِثْلَ الْحِمَارِ
7.	(57:282) Gajah seekor gembala dua	- الْفِيلُ ذُو الرَّئِيسَيْنِ يَهْلِكُ
8.	(70:342) Jangan bangunkan anjing tidur	- دَعِ الْكِلَابَ النَّائِمَةَ تَرْقُدْ بِسَلَامٍ
9.	(71:345) Jangan jadikan dirimu tikus supaya tidak dimakan oleh kucing	- لَا تَجْعَلْ نَفْسَكَ فَأْرًا كَيْلَا يَأْكُلَكَ الْقِطُّ
10.	(73:359) Jangan percaya serigala menjaga kambing.	- لَا تَأْمَنِ الذِّئْبَ عَلَى الشَّاةِ

Strategi kedua berperanan menterjemah PM kepada bentuk simile iaitu perumpamaan (dengan menambah seperti atau sebagai). Namun dalam kajian ini, strategi kedua tidak diaplikasikan oleh penterjemah.

Seterusnya dalam strategi ketiga iaitu menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Terdapat PM yang digantikan lebih daripada satu PA kerana penterjemah berusaha untuk mencari ketepatan padanan maksud yang sesuai dengan PM. Apa yang diperhatikan di sini, unsur haiwan yang wujud dalam PM digantikan kepada haiwan lain

dan terdapat juga terjemahan dengan ungkapan sama erti yang tidak mengandungi unsur haiwan dalam PA. Jadual di bawah menunjukkan 34 senarai PM yang diterjemahkan ke dalam BA dengan menggunakan strategi ketiga.

Jadual 4.2 : Peribahasa yang Menggunakan Strategi Ketiga

Bil	Peribahasa Melayu ( Versi asal )	Peribahasa Arab ( Versi terjemahan )
1.	(9:12) Ada udang di sebalik batu	– لَهُ فَأَسُّ يَشْحَدُهَا
2.	(9:13) Ada umpan, ada sahajakah ikan ...?	– الذَّهَبُ لَا يَشْتَرِي كُلَّ شَيْءٍ – البِضَاعَةُ تُبْسِرُ الْحَاجَةَ
3.	(9:14) Adakah buaya menolak bangkai ...?	– الْقَحْبَةُ مَا تَتَوَبُّ وَالْمَاءُ فِي الزَّيْرِ مَا يَرُوبُ – مَا يُخْلَقُ فِي الْعَظْمِ فَلَنْ يَخْرُجَ مِنَ اللَّحْمِ – الثَّعْلَبُ ثَعْلَبٌ وَإِنْ لَبَسَ فَلَنُؤَسِّوهُ الرَّاهِبِ
4.	(13:32) Air tenang jangan disangka tiada buaya	– النَّهْرُ الْهَادِي خَفٍ مِنْهُ – تَحْتَ السَّوَاهِي دَوَاهِي
5.	(15:45) Anak harimau takkan menjadi anak kambing.	– الثَّعْلَبُ ثَعْلَبٌ لَا يَكُونُ غَنَمًا أَبَتَةً – يَتَغَيَّرُ لَوْ أَنَّ الثَّعْلَبَ لَكِنَّ مَكْرَهُ لَا يَتَغَيَّرُ
6.	(7:54) Anjing itu dipukul sekalipun, akan berulang juga ke tempat yang banyak tulang.	– اللَّصُّ مَرَّةً لَصٌّ دَائِمًا
7.	(19:65) Asal berinsang, ikanlah dia	– مَقْبَرَةٌ لَا تَرُدُّ مَيْتًا
8.	(19:67) Ayam berak kapur	– شَاحِبٌ مِثْلُ الْمَيْتِ
9.	(20:71) Ayam beroga itu, walau diberi makan di pinggan emas sekalipun, akan pergi ke hutan juga	– الْعَادَةُ طَبِيعَةٌ ثَانِيَةٌ
10.	(22:80) Bagai ular ditarik songsang	– جَوْزَةٌ قَاسِيَةٌ يَصْعَبُ كَسْرُهَا
11.	(22:84) Bagai bersahabat dengan ular bisa	– الْوَحْدَةُ خَيْرٌ مِنْ جَلِيسِ السُّوءِ



12.	(24:98) Bagai kayu lempung, ditebuk kumbang tembus menembus.	- جَمِيعُ الْأَعْمَالِ تُلْقَى عَلَى ظَهْرِ الْحِصَانِ الْمُطِيعِ
13.	(25:101) Bagai keping batu	- لَا تَسْتَطِيعُ اسْتِخْرَاجَ الدَّمِّ مِنَ الْحَجَرِ - إِنَّكَ لَا تَجْنِي مِنَ الشَّوْكِ الْعِنَبَ - كَالسَّمِّ خَارِجِ الْمَاءِ
14.	(25:102) Bagai kera kena belacan	- مِثْلُ السَّمِّ إِنْ طَلَعَ مِنَ الْمِيَاهِ مَاتَ
15.	(25:103) Bagai kumbang putus tali	- سَرِيعٌ كَالْبَرْقِ
16.	(25:104) Bagai lembu makan, dikunyah baru ditelan	- فَكَّرَ قَبْلَ أَنْ تَتَبَّ - الرَّأْيُ الثَّانِي هُوَ الْأَصَوْبُ
17.	(28:122) Bagaikan tikus memperbaiki labu	- إِذَا لَمْ تَكُنْ قَادِرًا عَلَى الْعَصِّ فَلَا تُكَشِّرْ عَنْ أَسْنَانِكَ
18.	(34:161) Berapa tinggi bangau terbang, akhirnya hinggap juga di belakang kerbau	- لَا مَكَانَ كَالْوَطَنِ
19.	(43:215) Burung gagak itu juga dimandikan dengan air mawar sekalipun tidak menjadi putih	- التَّمَرُ الْأَرْقَطُ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُغَيَّرَ رُقْطُهُ
20.	(44:223) Carik-carik bulu ayam, lama-lama ia bercantum juga.	- عُمُرُ الدَّمِّ مَا يَبْقَى مَيَّةَ . أَيَّ : إِنَّ الدَّمَ لَا يَتَحَوَّلُ إِلَى مَاءٍ
21.	(45:224) Cerdik seperti kancil	- مُرَاوَعٌ كَالْتَّعَلَبِ
22.	(47:236) Dahulu helang pulau, sekarang menjadi burung pungguk	- بِقَدْرِ الصُّعُودِ يَكُونُ السَّقُوطُ - مَا طَارَ طَيْرٌ وَارْتَفَعَ إِلَّا كَمَا طَارَ وَقَعَ
23.	(49:247) Di mana tiada helang, kata belalang akulah helang	- الْأَعْوَرُ مِلْكٌ بَيْنَ الْعُمَيَّانِ - الْأَعْوَرُ فِي بَلَدِ الْعُمَيَّانِ طُرْفَةٌ
24.	(55:277) Enggang sama enggang, pipit sama pipit.	- إِنَّ الطُّيُورَ عَلَى أَشْكَالِهَا تَقَعُ - الطُّيُورُ ذَوَاتُ الرِّيشِ الْمُتَشَابِهِ يَأْلَفُ بَعْضُهَا بَعْضًا

25.	(57:279) Gajah berjuang sama-gajah, pelanduk mati di tengah-tengah	– بَيْنَ الْمِطْرَقَةِ وَالسَّنَدَانِ
26.	(59:290) Gombak gemilang, kutu banyak, bibir hitam, gigi kotor	– الْجَمَالُ مَا خَفِيَ وَرَاءَ الْإِهَابِ
27.	(61:296) Hangat-hangat tahi ayam	– يُمَسِّي عَلَى حَارٍّ وَيُصْبِحُ عَلَى بَارِدٍ (أَيُّ يَجِدُ فِي أَمْرٍ ثُمَّ يَفْتَرُ عَنْهُ) – سَرِيعُ الْإِضْطِرَامِ سَرِيعُ الْخُمُودِ – سَرِيعُ الْحَرَارَةِ سَرِيعُ الْبُرُودَةِ
28.	(62:303) Harimau mengaum takkan menangkap	– الْكَلْبُ النَّبَاحُ نَادِرًا مَا يَعُضُّ
29.	(68:331) Ikan di laut, asam di darat bertemu juga dalam kualiti	– سُبْحَانَ الْجَامِعِ بَيْنَ الضَّبِّ وَالتُّونِ وَبَيْنَ النَّارِ وَالتَّلَجِ (الْمَاءِ)
30.	(68:332) Ikan lagi di laut, perencah sudah di sengkalan	– يَعُدُّ فِرَاحَهُ قَبْلَ أَنْ تَفْقَسَ
31.	(68:333) Ikan terkait jala tiba	– اللَّيْبُ تَكْفِيهِ الْإِشَارَةَ، وَاللَّيْبُ مِنَ الْإِشَارَةِ يَفْهَمُ
32.	(69:337) Intan dikalungkan ke leher anjing	– يُعَلِّقُ اللُّؤْلُؤَ فِي عُنُقِ الْخَنَزِيرِ
33.	(75:372) Jika intan itu keluar dari mulut anjing sekalipun, ia akan bernama intan juga.	– الْخَمْرُ الْجَيِّدُ لَا يَحْتَاجُ إِلَى إِعْلَانٍ
34.	(75:373) Jika kepalanya ular, tak akan ekornya belut	– كَمَا يَكُونُ الْآبُ يَكُونُ الْإِبْنُ

Penggunaan strategi keempat iaitu mengekalkan PM dengan memberikan keterangan maknanya tidak ada digunakan oleh penterjemah sama seperti strategi kedua.

Akhir sekali strategi kelima iaitu menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM. Terdapat PM yang diterjemahkan lebih daripada satu PA kerana penterjemah berusaha untuk mencari ketepatan padanan maksud yang sesuai dengan PM. Apa yang diperhatikan di sini, unsur haiwan yang wujud dalam PM tidak wujud dalam PA malah

dilakukan terjemahan makna tanpa menggunakan unsur haiwan PM. Berikutnya adalah jadual dengan menyenaraikan 23 PM yang diterjemahkan ke BA dengan menggunakan strategi kelima :

Jadual 4.3 : Peribahasa yang Menggunakan Strategi Kelima

Bil	Peribahasa Melayu ( Versi asal )	Peribahasa Arab ( Versi terjemahan )
1.	(9:12) Ada udang di sebalik batu	- لَدَيْهِ هَدَفٌ شَخْصِيٌّ يَدْعُوهُ إِلَى الْإِهْتِمَامِ بِأَمْرِهِ
2.	(10:16) Ada gula, ada semut .	- الْمَوْرِدُ الْعَذْبُ كَثِيرُ الزَّحَامِ - يَنْتَشِرُ أَوْ يَنْزَاحُ النَّاسُ فِي الْمَنَاطِقِ حَيْثُ الزَّرْعُ وَالْعَيْشُ السَّهْلُ - إِذَا أَخْصَبَ الْمَكَانُ جَاءَ الْعَادِي وَالْهََاوِي
3.	(15:44) Anak kucing menjadi harimau	- أَصْبَحَ الْفُقَرَاءُ أَغْنِيَاءَ
4.	(16:46) Anak ikan dimakan ikan, tahu makan tahu simpan	- لَا تَفْشِ الْأَسْرَارَ لِعَدُوِّكَ
5.	(16:47) Anak kera di hutan disusui, anak di rumah dibiarkan.	- إِبْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ - الْأَقْرَبُونَ أَوْلَى بِالْمَعْرُوفِ
6.	(19:67) Ayam berak kapur	- هُوَ مُمْتَقِعُ الْوَجْهِ
7.	(19:68) Ayam berinduk, sirih berjunjung	- لَا بُدَّ لِلضَّعِيفِ مِنْ حِمَايَةٍ
8.	(19:69) Ayam bertelur di atas padi	- يَحْيَا حَيَاةَ حَافِلَةٍ بِالتَّرَفِ وَالْبَذْخِ - فِي رَفَاهِيَّةٍ
9.	(20:70) Ayam dan itik raja di tempatnya	- كُلُّ وَاحِدٍ مُتَفَوِّقٌ فِي حَقْلِ نَشَاطِهِ
10.	(21:77) Bagai anjing dengan kucing	- يَحْيَا حَيَاةَ حَافِلَةٍ بِالْمُنَازَعَاتِ وَالْخِصَامِ
11.	(22:80) Bagai ular ditarik songsang	- يُضْرَبُ لِلْمُشْكِلَةِ الْعَسِيرَةِ يَصْعَبُ حُلُّهَا

12.	(24:97) Bagai kelip-kelip terbang malam	- كُلُّ سِرٍّ لَا بُدَّ أَنْ يَشِيْعَ - كُلُّ جَرِيْمَةٍ لَا بُدَّ أَنْ تَنْكَشِفَ عَاجِلًا أَوْ آجَلًا
13.	(26:109) Bagai mengail kucing yang hanyut	- مُنْشَغِلٌ بِالتَّوَافِيهِ (لَا طَائِلَ تَحْتَهُ) - غَيْرُ ذِي جَدْوَى، لَا طَائِلَ تَحْتَهُ
14.	(27:118) Bagaikan pungguk rindukan bulan	- يَطْلُبُ شَيْئًا مُسْتَحِيلًا
15.	(29:131) Bagaikan rusa masuk kampung	- كَالْغَرِيبِ الْمُنْذَهْلِ عِنْدَ دُخُولِهِ الْبَلَدِ
16.	(30:133) Bangau, bangau, minta aku leher, badak, badak, minta aku daging	- لَا يَسْتَعْمِلُ شَيْئًا وَلَا يَدْعُ غَيْرَهُ يَسْتَعْمِلُهُ
17.	(30:137) Banyak udang banyak garamnya, banyak orang banyak ragamnya	- حِينَ يَكْثُرُ الرَّجَالُ تَكْثُرُ الْأَرْأُ
18.	(35:164) Beralah ke hilir tertawa buaya. Bersuluh di bulan tertawa harimau	- يَشْرَعُ فِي مُهِمَّةٍ أَوْ مُغَامَرَةٍ سَخِيفَةٍ غَيْرِ مُرْبِحَةٍ
19.	(43:217) Busut juga ditimbuni anai-anai	- الْغَنِيُّ يَزْدَادُ غِنًى وَالْفَقِيرُ يَزْدَادُ فَقْرًا
20.	(44:222) Cengkeling bagai ular dipalu	- مُلْتَوٍ (غَيْرُ مُسْتَقِيمٍ أَوْ شَرِيفٍ)
21.	(44:223) Carik-carik bulu ayam, lama-lama ia bercantum juga.	- الْأَقْرَبَاءُ وَإِنْ تَخَاصَمُوا لَا بُدَّ أَنْ يَصْطَلِحُوا أَخِيرًا
22.	(50:252) Datang bala bencana itu seperti ribut, perginya seperti semut.	- تَأْتِي الْمَصَائِبُ عَلَى عَجَلٍ وَتَذْهَبُ عَلَى مَهْلٍ
23.	(70:342) Jangan bangunkan anjing tidur	- تَجَنَّبْ مُنَاقَشَةَ الْمَسَائِلِ الَّتِي قَدْ تُثِيرُ الْمَتَاعِبَ


Selepas diteliti, pengkaji mendapati bahawa terdapat satu strategi lain yang tidak tersenarai dalam strategi Larson (1998). Pengkaji juga berpendapat bahawa keperluan penambahan baru (strategi keenam) ini memudahkan pengkaji akan datang mengaplikasikannya di samping mengembangkan lagi teori terjemahan.

Perbezaan antara strategi pertama dengan strategi keenam tidaklah ketara kerana strategi pertama mengekalkan unsur haiwan dan terjemahan PA sama seperti PM. Manakala strategi keenam masih juga mengekalkan unsur haiwan tetapi terjemahan PA menggunakan perincian yang berbeza dengan PM. Jadual di bawah menunjukkan senarai 3 PM yang diterjemahkan ke dalam BA dengan menggunakan strategi keenam :

Jadual 4.4 : Peribahasa yang Menggunakan Strategi Keenam

Bil	Peribahasa Melayu ( Versi asal )	Peribahasa Arab ( Versi terjemahan )
1.	(19:65) Asal berinsang, ikanlah dia	– كُلُّ مَا يَأْتِي إِلَى الشَّبَكَةِ فَهُوَ سَمَكٌ
2.	(29:131) Bagaikan rusa masuk kampung	– كَالْغَزَالِ التَّقُورِ
3.	(73:359) Jangan percaya serigala menjaga kambing.	– لَا تَضَعْ الْحَمَلَ فِي رِعَايَةِ الذِّئْبِ

Hasil daripada analisis penggunaan strategi penterjemahan peribahasa, pengkaji mengira secara manual iaitu peratusan penggunaan strategi yang paling kerap digunakan dan sebaliknya. Rajah 4.1 di bawah ini menunjukkan kekerapan penggunaan strategi penterjemahan PM ke BA.



Rajah 4.1 : Kekerapan Penggunaan Strategi Penterjemahan  
Peribahasa Melayu ke Bahasa Arab

Jadual 4.5 : Peratusan Penggunaan Strategi Penterjemahan  
Peribahasa Melayu ke Bahasa Arab

Bil	Strategi Terjemahan	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Strategi Pertama - Mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA	10	11.2
2.	Strategi Kedua - Menukarkan PM kepada simile	0	0
3.	Strategi Ketiga - Menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama	47	52.8
4.	Strategi Keempat - Mengekalkan PM dengan memberi keterangan maknanya	0	0
5.	Strategi Kelima - Menterjemah makna peribahasa tanpa mengekalkan unsur-unsur PM	29	32.6
6.	Strategi Keenam - Mengekalkan unsur PM dalam PA tetapi perincian yang lain	3	3.4
<b>JUMLAH</b>		<b>89</b>	<b>100</b>

Merujuk kepada rajah 4.1 dan jadual 4.5 di atas, jumlah 89 PA ini adalah hasil terjemahan daripada 60 PM yang menjadi data utama kepada kajian ini. Strategi pertama berperanan mengekalkan unsur PM dalam PA kerana tiada masalah untuk mengekalkannya. Strategi terjemahan ini digunakan sebanyak 11.2% atau 10 kali dalam menterjemah PM. Strategi ini dilakukan kerana pembaca bahasa sasaran sudah sedia memahami dan menerimanya walaupun diterjemahkan dengan mengekalkan imej atau unsur PM kerana adanya kekerapan penggunaan unsur yang sama di dalam BA yang mungkin disebabkan oleh pertindihan budaya dan pengalaman sejagat.

Seterusnya, strategi kedua pula menukarkan PM kepada bentuk simile (perumpamaan). Namun, 0% yang tercatat dalam jadual 4.5 di atas tidak menunjukkan strategi ini digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah PM ke BA setakat bilangan peribahasa yang dijadikan sebagai data oleh pengkaji.

Menggantikan PM kepada PA yang mempunyai makna yang sama iaitu strategi ketiga berjumlah 52.8% atau 47 kali dalam menterjemah PM. Strategi ketiga lebih kerap digunakan oleh penterjemah berbanding strategi-strategi lain seperti menterjemah atau mengekalkan PA yang seerti dengan PM dalam kajian ini. Penggunaan strategi yang paling banyak ini menggambarkan bahawa BA juga kaya dengan uslub peribahasa yang tersendiri dan menarik. Apa yang penting, penukaran yang dilakukan tidak menghilangkan makna asal PM.

Kes yang sama turut berlaku dalam strategi keempat yang mencatat 0% sebagaimana strategi kedua. Strategi keempat berperanan mengekalkan PM bersama keterangan tidak digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah PM ke BA.

Berikutnya adalah strategi kelima iaitu menterjemah tanpa mengekalkan unsur PM yang digunakan sebanyak 32.6% atau 29 kali di dalam penterjemahan PM ke BA dan merupakan jumlah kedua terbanyak selepas strategi ketiga. Strategi terjemahan ini turut membantu pembaca baik pembaca pakar mahupun pembaca biasa kerana mudah difahami. Mungkin disebabkan unsur-unsur PM sukar diterjemahkan. Akan tetapi, hasil terjemahan BA perlu memberi makna yang sepadan dengan PM.

Strategi keenam pula berperanan mengekalkan unsur PM tetapi menggunakan perincian yang lain. Sebanyak 3.4% atau 3 kali strategi ini diaplikasikan di dalam proses penterjemahan PM ke BA.

Jadual 4.1 menunjukkan peratusan penggunaan strategi penterjemahan PM-BA yang diaplikasikan oleh penterjemah. Secara keseluruhannya, strategi yang paling kerap digunakan ialah strategi ketiga. Kemudian diikuti strategi kelima, strategi pertama dan paling sedikit adalah strategi keenam. Strategi kedua dan keempat tidak ada digunakan dalam terjemahan PM-BA dalam kajian ini.

Perbincangan mengenai analisis strategi yang diaplikasikan oleh penterjemah bagi menterjemah PM ke BA telah menjawab persoalan kajian pertama yang disebut dalam bab pertama.

#### **4.1.2.2 Analisis dari Sudut Ketepatan Padanan Maksud**

Setiap bahasa kaya dengan pelbagai jenis peribahasa yang tersendiri. Hakikatnya, walaupun mengekalkan unsur yang sama atau menggantikan dengan unsur lain tetapi masih membawa maksud yang sama antara PM dengan PA. Namun begitu, setelah pengkaji



menganalisis data daripada 60 PM, terdapat 14 PM yang tidak mempunyai padanan maksud yang sama dengan maksud PA selepas pengkaji merujuk beberapa mu‘jam amthāl.

Pada pandangan pengkaji, alasan berlaku ketidaktepatan maksud dalam hal ini apabila penterjemah memahami maksud PA adalah sama dengan maksud PM. Akan tetapi berlaku sebaliknya apabila pengkaji mendapati maksud PA tidak sama maksudnya dengan PM. Ungkapan peribahasa yang diterjemahkan hakikatnya betul kerana PA yang diterjemahkan memang ada di dalam mu‘jam amthāl dan dikira mengikut strategi penterjemahan berdasarkan Taksonomi Larson (1998). Kekeliruan ini timbul apabila maksud PA dengan PM tidak sepadan setelah dibuat perbandingan maksud PA dengan maksud PM.

Dalam kajian ini, hanya strategi ketiga dan strategi kelima mengandungi peribahasa yang tidak menepati padanan maksud. Jadual 4.6 di bawah ini menyenaraikan 14 PA daripada strategi ketiga yang tidak menepati maksud dengan PM :

Jadual 4.6 : Peribahasa Arab yang Tidak Menepati  
Padanan Maksud Dengan Peribahasa Melayu Daripada Strategi Ketiga

Bil	Peribahasa Melayu ( Versi asal )	Peribahasa Arab ( Versi terjemahan )
1.	(9:13) Ada umpan, ada sahajakah ikan ...?	– البِضَاعَةُ تُيسِّرُ الْحَاجَةَ
2.	(9:14) Adakah buaya menolak bangkai ...?	– مَا يُخْلَقُ فِي الْعَظْمِ فَلَنْ يَخْرُجَ مِنَ اللَّحْمِ
3.	(15:45) Anak harimau takkan menjadi anak kambing.	– الثَّعْلَبُ ثَعْلَبٌ لَا يَكُونُ غَنَمًا الْبَتَّةَ – يَتَغَيَّرُ لَوْ أَنَّ الثَّعْلَبَ لَكِنَّ مَكْرَهُ لَا يَتَغَيَّرُ
5.	(20:71) Ayam beroga itu, walau diberi makan di pinggan emas sekalipun, akan pergi ke hutan juga	– الْعَادَةُ طَبِيعَةٌ ثَانِيَةٌ

6.	(22:80) Bagai ular ditarik songsang	- جَوْزَةٌ فَاسِيَةٌ يَصْعَبُ كَسْرُهَا
7.	(25:101) Bagai keping batu	- لَا تَسْتَطِيعُ اسْتِخْرَاجَ الدَّمِ مِنَ الْحَجَرِ - إِنَّكَ لَا تَجْنِي مِنَ الشَّوْكِ الْعِنَبَ - كَالسَّمَكِ خَارِجِ الْمَاءِ
8.	(25:102) Bagai kera kena belacan	- مِثْلُ السَّمَكِ إِنْ طَلَعَ مِنَ الْمِيَاهِ مَاتَ
9.	(28:122) Bagaikan tikus membaiki labu	- إِذَا لَمْ تَكُنْ قَادِرًا عَلَى الْعَصِّ فَلَا تُكْشِرْ عَنْ أَسْنَانِكَ
10.	(61:296) Hangat-hangat tahi ayam	- سَرِيعُ الْإِضْطِرَامِ سَرِيعُ الْخُمُودِ - سَرِيعُ الْحَرَارَةِ سَرِيعُ الْبُرُودَةِ
11.	(75:373) Jika kepalanya ular, tak akan ekornya belut	- كَمَا يَكُونُ الْأَبُّ يَكُونُ الْإِبْنُ


Manakala strategi kelima pula hanya mempunyai satu PA yang tidak sama maksud dengan PM iaitu :

Jadual 4.7 : Peribahasa Arab yang Tidak Menepati  
Padanan Maksud Dengan Peribahasa Melayu Daripada Strategi Kelima

Bil	Peribahasa Melayu ( Versi asal )	Peribahasa Arab ( Versi terjemahan )
1.	(22:80) Bagai ular ditarik songsang	-يُضْرَبُ لِلْمُشْكِلَةِ الْعَسِيرَةِ يَصْعَبُ حَلُّهَا.

Pengkaji telah membina carta peratusan PA yang tidak menepati padanan maksud PM.

Berikut adalah rajah 4.2 yang menunjukkan perkara tersebut :



Rajah 4.2 : Peratusan Peribahasa Arab yang Tidak Menepati Padanan Maksud Peribahasa Melayu

Berdasarkan rajah di atas, strategi ketiga yang mempunyai jumlah 14 peribahasa (16%) dan strategi kelima hanya terdapat 1 PA (1%) sahaja yang tidak menepati padanan maksud PM. Selain daripada 15 peribahasa di atas iaitu 74 PA (83%) yang lain adalah menepati padanan maksud PM. Oleh yang demikian, penekanan kepada ketepatan padanan maksud dalam menterjemah peribahasa sangat penting supaya tiada kekeliruan yang timbul dalam menggunakannya sama ada secara teori mahupun amali. Kesimpulan dalam kajian ini menunjukkan bahawa terdapat PA yang tidak memenuhi sepenuhnya maksud yang terkandung dalam PM. Oleh yang demikian, perbincangan ini telah berjaya menjawab persoalan kajian kedua.

#### 4.2 Analisis Temu Bual Bersama Penutur Jati Arab

Temu bual ini telah dijalankan ke atas dua belas orang penutur jati Arab dalam kalangan pelajar Universiti Malaya terdiri daripada pelbagai fakulti. Temu bual telah dijalankan di

Perpustakaan Universiti Malaya selama tiga hari iaitu pada hari Rabu (15 Mei 2013), Khamis (16 Mei 2013) dan Isnin (20 Mei 2013). Masa yang telah diperuntukkan lebih kurang 15 minit sahaja bagi setiap responden.

Analisis dapatan temu bual dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu:

- (a) Maklumat profil penutur jati Arab.
- (b) Analisis kefahaman penutur jati Arab ke atas terjemahan PM ke BA.

#### **4.2.1 Maklumat Profil Penutur Jati Arab**

Temu bual yang telah dijalankan ini melibatkan seramai 12 orang penutur jati Arab. Mereka merupakan pelajar-pelajar Universiti Malaya yang berasal daripada negara-negara Arab. Responden terdiri daripada 9 orang pelajar lelaki dan 3 orang pelajar perempuan. Begitu juga dengan umur, 9 orang berumur 20 tahun ke atas dan 3 orang berumur 30 tahun ke atas. Responden terdiri daripada 4 orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan, 5 orang pelajar dari Fakulti Sains, 1 orang pelajar dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial, 1 orang pelajar dari Akademi Pengajian Islam dan 1 orang daripada Fakulti Ekonomi.

Seterusnya dalam peringkat pengajian, 7 daripada pelajar tersebut merupakan pelajar ijazah sarjana muda, 4 orang merupakan pelajar ijazah sarjana dan 1 orang pelajar ijazah doktor falsafah. Akhir sekali, negara asal responden yang menunjukkan bahawa mereka adalah penutur jati Arab. Mereka yang berasal dari Yaman adalah seramai 5 orang, 4 orang berasal dari Sudan, 1 orang berasal dari Palestin, 1 orang berasal dari Syria dan 1 orang berasal dari Jordan. Berikut adalah jadual yang menunjukkan maklumat profil responden penutur jati Arab secara ringkas :

Jadual 4.8 : Maklumat Profil Responden Penutur Jati Arab


<b>Bil</b>	<b>Item</b>		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
1.	Jantina	Lelaki	9	75
		Perempuan	3	25
		<b>Jumlah</b>	<b>12</b>	<b>100</b>
2.	Umur	20 tahun ke atas	9	75
		30 tahun ke atas	3	25
		<b>Jumlah</b>	<b>12</b>	<b>100</b>
3.	Fakulti	Kejuruteraan	4	34
		Sains	5	42
		Sastera dan Sains sosial	1	8
		Akademi Pengajian Islam	1	8
		Ekonomi	1	8
		<b>Jumlah</b>	<b>12</b>	<b>100</b>
4.	Peringkat Pengajian	Ijazah Sarjana Muda	7	59
		Ijazah Sarjana	4	34
		Ijazah Doktor Falsafah	1	9
		<b>Jumlah</b>	<b>12</b>	<b>100</b>
5.	Negara	Yaman	5	42
		Sudan	4	34
		Palestin	1	8
		Syria	1	8
		Jordan	1	8
		<b>Jumlah</b>	<b>12</b>	<b>100</b>

#### 4.2.2 Analisis Kefahaman Maksud Peribahasa

Soalan temu bual terbahagi kepada dua bahagian. Analisis jawapan responden dihuraikan mengikut soalan temu bual yang dijadikan sebagai tema. Berikut adalah tema dan penjelasan lanjut hasil temu bual :

##### 4.2.2.1 Analisis Pengetahuan Peribahasa

Tema pertama bertujuan meninjau pengetahuan responden sama ada peribahasa yang disoal tahu atau tidak tahu dalam bentuk rajah dan jadual di bawah :



Rajah 4.3 : Graf Analisis Pengetahuan Peribahasa

Jadual 4.9 : Jadual Analisis Pengetahuan Peribahasa

Bil	Peribahasa	Strategi	Jumlah Tahu	Jumlah Tidak Tahu	Jumlah Keseluruhan
1	الفيل ذو الرئيسين يهلك	Pertama	4	8	12
2	يَاكُلْنِي سُبُعٌ وَلَا يَأْكُلْنِي كَلْبٌ		5	7	12
3	الوَاحِدَةُ خَيْرٌ مِنْ جَلِيسِ السُّوءِ	Ketiga	12	0	12
4	يُعَلِّقُ اللُّؤْلُؤَ فِي عُنُقِ الْحَنْزِيرِ		2	10	12
5	لَا تَضَعِ الْحَمَلَ فِي رِعَايَةِ الدَّبِّ	Keenam	11	1	12
6	كَالْغَزَالِ النَّفُورِ		2	10	12

Sebagaimana yang telah disebutkan dalam bab 3 berkenaan pemilihan peribahasa bagi setiap strategi penterjemahan peribahasa yang digunakan oleh penterjemah, peribahasa (1) dan (2) mewakili strategi pertama, peribahasa (3) dan (4) mewakili strategi ketiga dan peribahasa (5) dan (6) mewakili strategi keenam. Aras peribahasa (1), (3), (5) adalah peribahasa yang mudah dan peribahasa (2), (4), (6) pula agak susah.

Apabila diteliti, perkaitan jawapan responden dengan peribahasa yang dikategorikan mudah bagi peribahasa (1) menunjukkan hanya 4 orang sahaja yang tahu dan 8 orang tidak tahu. Ini kerana, kebanyakan mereka tidak pernah mendengar ungkapan tersebut. Manakala bagi peribahasa (3) menunjukkan kesemua responden tahu dan peribahasa 5 pula mencatat 11 orang yang tahu. Secara keseluruhannya, peribahasa yang mudah lebih ramai yang tahu daripada tidak tahu.

Sementara itu, peribahasa yang agak susah pula menunjukkan hasil sebaliknya dengan keseluruhan jumlah yang tidak tahu lebih ramai daripada jumlah responden yang tahu kecuali peribahasa 1 dengan alasan yang telah dinyatakan sebelum ini. Hasil pemilihan peribahasa secara rawak berdasarkan strategi adalah juga sesuai mengikut tahap iaitu yang mudah dan agak susah.

#### 4.2.2.2 Analisis Tahap Kefahaman Peribahasa

Tema kedua bertujuan mengenal pasti tahap kefahaman responden ke atas terjemahan PM ke BA. Penjelasan mengenai huraian analisis temu bual berdasarkan peribahasa yang dipilih secara rawak ini diterangkan mengikut strategi sebagaimana dalam jadual 4.9.

Setiap peribahasa akan dijelaskan dengan terperinci. Jawapan responden yang betul tidak perlu dinyatakan kerana maksudnya menepati dengan maksud PM. Hanya jawapan yang salah sahaja akan dinyatakan. Berikut adalah dapatan kajian yang diperolehi :

##### (a) Strategi Pertama

1 الفِيلُ ذُو الرِّئَسَيْنِ يَهْلِكُ

Peribahasa (1) merupakan peribahasa yang telah diterjemahkan dari BM-BA dengan menggunakan strategi pertama iaitu mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). Maksud PM **gajah seekor gembala dua** ialah *sesuatu pekerjaan dikepalai dua orang; dua orang lelaki mencintai seorang perempuan*.



Jumlah responden yang menjawab dengan betul bagi peribahasa (1) seramai 6 orang manakala responden yang menjawab salah juga 6 orang

Jika diperhatikan, terdapat responden yang mengukuhkan kefahaman mereka dengan memberi ayat al-Qur'an iaitu surah al-Anbiyā'

1. شَبِيهَ بِالْأَيَةِ الْقُرْآنِيَةِ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿لَوْ كَانَ فِيهِمَا آلِهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا...﴾ (الأنبياء: 22)

Maksudnya : kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya.

Sementara itu, responden yang memberikan jawapan yang salah sama ada mereka mengatakan tahu atau tidak tahu adalah seperti berikut :

1. Orang yang mengambil banyak jawatan dalam satu masa yang sama akan gagal.
2. Sesungguhnya, seorang manusia tidak mampu melakukan banyak perkara dalam satu masa.
3. Manusia yang berfikir banyak perkara dalam satu masa tidak berjaya (gagal).
4. Orang yang mempunyai satu pandangan, dia akan berjaya. Tetapi jika terdapat dua pandangan, maka perlu memilih salah satu agar tidak keliru.
5. Memikul tanggungjawab jawatan lebih banyak daripada biasa.
6. Seseorang yang mempunyai pelbagai pendapat berbanding dengan seorang yang mempunyai satu pendapat sahaja adalah lebih mudah membuat keputusan.

Apabila diteliti jawapan responden, 6 jawapan di atas adalah tidak sama dengan apa yang dimaksudkan PM. Kemungkinan kefahaman responden terhadap peribahasa (1) berbeza dengan apa yang dimaksudkan dengan PM.

## (2) يَاكُلْنِي سَبْعٌ وَلَا يَأْكُلْنِي كَلْبٌ

Peribahasa (2) merupakan peribahasa yang telah diterjemahkan dari BM-BA dengan menggunakan strategi pertama iaitu mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA (apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca). Maksud PM **biar mati ditangkap harimau, jangan mati digigit anjing** bermaksud *biar kalah kepada orang besar, jangan kalah kepada orang kecil*.

Responden yang menjawab dengan betul bagi peribahasa (2) seramai 5 orang manakala 7 orang lagi menjawab salah.

Apabila dilihat, terdapat juga responden yang mampu memberikan jawapan seerti dengan maksud PM antaranya :

1. Orang yang bijak lebih baik dikalahkan oleh orang yang kuat dan bukan dikalahkan oleh orang yang lemah.

Sementara itu, responden yang memberikan jawapan yang salah sama ada mereka mengatakan tahu atau tidak tahu adalah seperti berikut :

1. Manusia menghormati kamu dan dia memberi kamu kuasa dan kedudukannya, maka janganlah menerima apa yang tidak sepatutnya.
2. Seorang yang meletakkan dirinya di tempat yang tinggi atau mulia.  
Harimau merujuk kepada manusia yang kuat manakala anjing merujuk kepada orang yang lemah.
3. Anjing tidak makan manusia ketika hidup, tetapi harimau makan manusia ketika hidup. Maka, anjing makan manusia bila manusia itu mati.

4. -Selalu lihat kepada yang lebih baik kerana anjing lebih rendah kedudukannya daripada harimau.  
-Menunjukkan kepada kekuatan dan ketinggian status atau kedudukan manusia atau menunjukkan kekuatan dan kelemahan seseorang.
5. Bekerja di tempat yang boleh dipercayai lebih baik daripada bekerja di tempat yang tidak boleh dipercayai.
6. Selalunya manusia suka berada pada kedudukan yang mulia atau tinggi.
7. Perlu menjadi orang yang berani.

Melalui jawapan responden, 7 jawapan di atas adalah tidak sama dengan apa yang dimaksudkan oleh PM. Kemungkinan kefahaman responden terhadap peribahasa (2) berbeza dengan apa yang dimaksudkan dengan PM. Reaksi mereka ketika menyatakan jawapan dalam sesi temu bual juga menggambarkan peribahasa (2) agak susah kerana ada segelintir mereka yang mengambil masa agak lama untuk menjawab.

#### (b) Strategi Ketiga

(3) الْوَحْدَةُ خَيْرٌ مِنْ جَلِيسِ السُّوءِ

Peribahasa (3) merupakan peribahasa yang telah diterjemahkan dari BM-BA dengan menggunakan strategi ketiga iaitu menggantikan bahasa kiasan BM ke bahasa kiasan BA yang mempunyai maksud yang sama. Maksud PM **bagai bersahabat dengan ular bisa** iaitu *berkawan dengan orang yang jahat*.

Kesemua responden seramai 12 orang telah menjawab dengan betul bagi peribahasa (3). Oleh yang demikian, tiada jawapan yang salah untuk dinyatakan. Dalam pemerhatian

pengkaji, responden menjawab berdasarkan pengetahuan sedia ada dan mudah menyatakan jawapan tanpa perlu berfikir lama untuk menjawab.

4) يُعَلِّقُ اللَّؤْلُؤَ فِي عُنُقِ الْخِنْزِيرِ

Peribahasa (4) merupakan peribahasa yang telah diterjemahkan dari BM-BA dengan menggunakan strategi ketiga iaitu menggantikan PM ke PA yang mempunyai maksud yang sama. Maksud PM **intan dikalungkan ke leher anjing** bermaksud *memberi sesuatu/nasihat kepada seseorang yang tidak mahu dan tidak kena pada tempatnya.*

Responden yang menjawab dengan betul bagi peribahasa (4) seramai 7 orang manakala 4 orang menjawab salah dan 1 orang tidak memberi sebarang jawapan.

Merujuk kepada kegagalan seorang responden yang tidak dapat menjawab, perlu difikirkan semula apakah ada strategi yang lebih sesuai digunakan kerana ketika temu bual dijalankan, responden memang tidak tahu dan tidak boleh menerangkan apa yang tersirat di sebalik peribahasa (4).

Sementara itu, responden yang memberikan jawapan yang salah sama ada mereka mengatakan tahu atau tidak tahu adalah seperti berikut :

1. Sesungguhnya daging khinzir itu haram. Maka tidak akan sekali-kali disembelih untuk dimakan.
2. Sesungguhnya manusia yang elok akhlaknya bukan dengan apa yang dimilikinya. Di sana ada mutiara dan emas yang dimiliki oleh manusia yang

keji. Maka, ukuran pada ketika itu adalah batu permata dan bukan dengan apa yang dimiliki dari batu permata.

3. Manusia keji yang dihiaskan dengan mutiara sebagai perhiasan padanya, akan tetapi sifat kejinya tetap kekal.
4. Manusia yang jahat apabila dikalungkan mutiara maka bertambah kejahatannya.

Hasil jawapan responden mendapati, keempat-empat maksud di atas tidak sama dengan apa yang dimaksudkan PM. Kemungkinan kefahaman responden terhadap peribahasa (4) berbeza dengan apa yang dimaksudkan dengan PM.

#### (c) Strategi Keenam

(5) لَا تَضَعِ الْحَمْلَ فِي رِعَايَةِ الذَّنْبِ

Peribahasa (5) merupakan peribahasa yang telah diterjemahkan dari BM-BA dengan menggunakan strategi keenam iaitu mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA tetapi menggunakan perincian yang berlainan. Maksud PM **jangan percaya serigala menjaga kambing** bermaksud *elakkan memberi amanah kepada orang yang sukar kita percaya*.

Responden yang menjawab dengan betul bagi peribahasa (5) seramai 11 orang manakala seorang responden menjawab salah.

Responden yang memberikan jawapan yang salah sama ada mereka mengatakan tahu atau tidak tahu adalah seperti berikut :

1. Seseorang perlu mengetahui bagaimana memilih dan meletakkan perkara pada tempatnya.

Jawapan di atas adalah tidak sama dengan apa yang dimaksudkan PM. Kemungkinan kefahaman responden terhadap peribahasa (5) berbeza dengan apa yang dimaksudkan dengan PM.

(6) كَالْغَزَالِ التَّفُورِ

Peribahasa (6) merupakan peribahasa yang telah diterjemahkan dari BM-BA dengan menggunakan strategi keenam iaitu mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA tetapi menggunakan perincian yang berlainan. Maksud PM **bagaikan rusa masuk kampung** yang bermaksud *tercengang-cengang*.

Dalam peribahasa (6), tiada seorang pun responden menjawab betul. Apa yang berlaku, seramai 11 orang menjawab salah manakala seorang responden tidak dapat memberikan jawapan.

Sementara itu, responden yang memberikan jawapan yang salah sama ada mereka mengatakan tahu atau tidak tahu adalah seperti berikut :


1. -Rusa untuk perempuan yang cantik
  - Lari : bukan mudah mencapainya / sukar dikawal
2. -Seseorang yang tidak memberi respons kepada kamu
  - Tidak dijamin atau tidak boleh dipercayai
3. Menunjukkan rusa yang lari laju dan tidak mungkin dapat diekori kerana dalam ketakutan akibat ada pemburu yang mahu menangkapnya.

4. Rusa itu bergerak pantas dan apabila ia berlari, maka pergerakannya bertambah laju  
-Menunjukkan keadaan yang diganggu dan tidak stabil
5. Kepantasan rusa seperti aliran / arus air.
6. Lelaki atau perempuan yang lari kerana keadaan yang tidak stabil pada satu tempat.
7. Rusa menggambarkan kecantikan. Maka, penampilan luaran bukan penting akan tetapi dalaman yang penting iaitu hati.
8. Merujuk kepada kepantasan, kepintaran dan kebijaksanaan.
9. Melarikan diri dengan pantas.
10. Seorang yang pantas seperti rusa.  
-orang Arab tidak cakap peribahasa ini tetapi mengungkapkan (pantas seperti kilat).
11. Orang yang takut akan berlari sepantas rusa.

Kesemua jawapan di atas tidak sama dengan apa yang dimaksudkan oleh PM. Kemungkinan kefahaman responden terhadap peribahasa (6) berbeza dengan apa yang dimaksudkan dengan PM yang menyebabkan mereka sukar untuk mentafsirkannya.

Hasil dapatan akhir yang diperolehi mendapati, keberkesanan strategi dapat dilihat apabila responden berjaya menjawab dengan betul iaitu mampu menyatakan maksud PA yang sama dengan maksud PM. Secara keseluruhannya, perincian ke atas jawapan responden telah menunjukkan keberhasilan strategi yang perlu ditonjolkan untuk diaplikasikan dalam terjemahan-terjemahan peribahasa dan sebagainya.

Bagi mengetahui keberkesanan strategi, pengkaji mengkategorikan kepada tiga bahagian iaitu jawapan betul, salah dan tiada jawapan bagi setiap strategi. Kemudian, pengiraan dilakukan secara manual dan disertakan dengan peratusan.



Rajah 4.4 : Graf Analisis Tahap Kefahaman Peribahasa

Jadual 4.10 : Jadual Analisis Tahap Kefahaman Peribahasa

Strategi	Jawapan Betul	Peratus (%)	Jawapan Salah	Peratus (%)	Tiada Jawapan	Peratus (%)	Jumlah
Strategi Pertama	11	46	13	54	0	0	100
Strategi Ketiga	19	79	4	17	1	4	100
Strategi Keenam	11	46	12	50	1	4	100



Berdasarkan rajah 4.4 dan jadual 4.10 di atas, kedua-duanya membentangkan keputusan mengenai keberkesanan strategi rentetan daripada hasil analisis jawapan temu bual bagi soalan kedua.

Strategi pertama menunjukkan jumlah jawapan betul sebanyak 11 (46%) manakala jumlah jawapan salah sebanyak 13 (54%).

Strategi ketiga pula memaparkan jumlah jawapan betul sebanyak 19 (79%) manakala jumlah jawapan salah sebanyak 4 (17%). Responden yang tidak dapat menjawab hanya 1 orang (4%).

Strategi keenam pula menunjukkan jumlah jawapan betul sebanyak 11 (46%) manakala jumlah jawapan salah sebanyak 12 (50%). Sementara responden yang tidak dapat menjawab hanya 1 orang (4%).

Jumlah jawapan yang betul dan paling tinggi peratusannya dikira sebagai strategi yang berkesan. Analisis menunjukkan strategi ketiga lebih banyak iaitu 79% berbanding strategi pertama dan strategi keenam yang menunjukkan peratusan yang sama iaitu 46%. Ini bermakna penggunaan strategi ketiga dalam menterjemah PM ke BA berjaya untuk diaplikasikan oleh penterjemah.

#### **4.2.2.3 Analisis Pengetahuan Dan Tahap Kefahaman Peribahasa**

Perbincangan mengenai data temu bual berdasarkan dua tema utama di atas memberi gambaran tentang kepentingan pemilihan strategi yang sesuai untuk diterapkan dalam proses penterjemahan. Kesampaian maksud sesebuah terjemahan melambangkan

keberhasilan strategi yang digunakan oleh penterjemah. Oleh yang demikian, gabungan kedua-dua tema pengetahuan dan tahap kefahaman menjelaskan secara keseluruhan.

Hasil dapatan kajian memaparkan kategori jawapan responden yang terbahagi kepada lima bahagian utama. Kategori jawapan pertama ialah responden yang menjawab tidak tahu tetapi jawapan yang diberikan adalah betul dan menepati maksud PM. Kelompok responden bagi kategori ini seramai 11 orang. Ini menunjukkan strategi yang digunakan oleh penterjemah boleh dianggap berjaya kerana responden dapat memahami maksud PA dan mampu memberikan jawapan yang sama maksud dengan PM.

Kategori jawapan kedua ialah responden yang menjawab tidak tahu dan jawapan yang diberikan adalah salah kerana tidak menepati maksud PM. Jumlah responden bagi kategori ini seramai 23 orang. Ini menunjukkan strategi yang digunakan oleh penterjemah adalah kurang tepat dan kurang membantu responden untuk memahami maksud tersirat bagi PM yang diterjemahkan ke dalam PA.

Seterusnya, kategori bagi jawapan ketiga di mana responden yang menjawab tahu sedangkan jawapan yang diterima adalah salah dan tidak sama maksud dengan PM. Kelompok responden bagi kategori ini seramai 6 orang. Pengkaji memerhatikan terdapat responden yang cuba mengagak-agak jawapan yang sesuai. Hal ini juga menunjukkan bahawa strategi yang diguna oleh penterjemah kurang tepat untuk membantu responden memahami maksud tersirat bagi PM yang diterjemahkan ke dalam PA.

Kemudian, kategori jawapan keempat pula menunjukkan responden yang menjawab tahu dan jawapan mereka juga adalah betul. Jumlah responden dalam kelompok kategori

jawapan ini seramai 30 orang dan merupakan bilangan yang paling ramai berbanding kategori-kategori lain. Pada dasarnya, sekiranya pengetahuan responden yang sedia ada membantu mereka menjawab soalan, maka penggunaan strategi yang digunakan tidaklah menjadi keutamaan kerana mereka sudah tahu. Namun, strategi ini boleh dianggap berjaya kerana ada responden yang menjawab betul dan ada juga yang menjawab salah.

Manakala kategori kelima ialah responden yang menjawab tidak tahu dan memang tidak boleh memberikan jawapan kerana mereka tidak faham maksud PA yang asalnya PM. Jumlah responden dalam kategori ini hanya 2 orang sahaja. Apa yang jelas di sini, aras peribahasa dalam kategori ini adalah peribahasa yang agak susah. Ini menunjukkan penterjemah perlu mengambil inisiatif untuk memikirkan strategi lain yang lebih sesuai agar maklumat budaya mengenai peribahasa dapat dikongsi bersama. Maka, peribahasa ini kurang berjaya.

Berikut adalah jadual yang menggabungkan dua tema utama iaitu pengetahuan dan tahap kefahaman responden berdasarkan jawapan yang diberikan sama ada betul, salah atau tiada jawapan.

Jadual 4.11 : Jadual Analisis Pengetahuan dan Tahap Kefahaman Peribahasa

Strategi		Pertama		Ketiga		Keenam		
Bil	Kategori Jawapan	P(1)	P(2)	P(3)	P(4)	P(5)	P(6)	Jumlah
1	Tidak tahu tetapi Betul	4	1	0	5	1	0	11
2	Tidak tahu dan Salah	4	6	0	4	0	9	23
3	Tahu tetapi Salah	2	1	0	0	1	2	6
4	Tahu dan Betul	2	4	12	2	10	0	30
5	Tidak tahu dan tiada jawapan	0	0	0	1	0	1	2
Jumlah		12	12	12	12	12	12	72

Kesimpulan daripada gabungan pengetahuan dan kefahaman mendapati bahawa, pengetahuan peribahasa dalam kalangan responden bukan menjadi ukuran utama untuk menilai kefahaman responden. Ini dibuktikan apabila terdapat sebahagian responden yang menjawab tahu dan betul jawapannya. Ada juga responden yang tidak tahu tetapi dapat menjawab dengan betul dan ada juga responden yang tidak tahu dan tidak dapat menjawab langsung.

### 4.3 Penutup

Kesimpulannya, analisis keseluruhan daripada sudut strategi penterjemahan menunjukkan bahawa penggunaan strategi ketiga lebih kerap diaplikasikan oleh penterjemah dan diikuti strategi kelima, pertama dan keenam. Strategi kedua dan keempat sahaja tidak ada digunakan oleh penterjemah.

Sementara itu, daripada sudut ketepatan padanan maksud PM selepas diterjemahkan ke dalam BA. Hasil analisis mendapati terdapat PA yang tidak menepati padanan maksud PM terutamanya PM yang diterjemahkan menggunakan strategi ketiga dan diikuti dengan strategi kelima. Jumlah strategi ketiga yang tidak menepati maksud ialah 14 peribahasa dan 1 peribahasa daripada strategi kelima.

Analisis temu bual bersama penutur jati Arab berkenaan tahap kefahaman mereka ke atas PM yang diterjemahkan ke dalam BA. Dapatan menunjukkan tahap kefahaman responden adalah di tahap sederhana. Selain itu, penggunaan strategi ketiga dalam mengenal pasti tahap kefahaman responden menunjukkan jumlah yang paling banyak berbanding strategi pertama dan strategi keenam. Ini membuktikan strategi ketiga lebih banyak membantu pembaca untuk memahami maksud PM walaupun mereka penutur jati Arab.

## **BAB KELIMA**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Keperluan seseorang penterjemah itu sangat besar peranannya dalam menghasilkan dan menyampaikan mesej yang asli daripada teks asal. Bab ini memfokuskan kepada rumusan berdasarkan objektif kajian iaitu (1) menganalisis strategi penterjemahan PM ke BA, (2) menilai ketepatan padanan maksud PM dengan terjemahannya ke BA dan (3) mengenal pasti tahap kefahaman penutur jati Arab ke atas terjemahan PM ke BA. Cadangan kajian yang boleh dilaksanakan oleh para pengkaji atau penterjemah akan dinyatakan bersama.

#### **5.1 Rumusan Kajian**

Bahagian ini merumuskan analisis kajian yang terbahagi kepada 3 bahagian utama iaitu :

##### **5.1.1 Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu ke Bahasa Arab**

Perbincangan yang diketengahkan adalah berkenaan analisis strategi penterjemahan PM ke BA berdasarkan taksonomi Larson (1998) yang menyenaraikan 5 jenis strategi sebagaimana yang telah disebutkan dalam bab terdahulu. Hasil daripada analisis, satu strategi telah ditambah dan dikategorikan sebagai strategi keenam yang boleh diaplikasikan dalam penterjemahan PM ke BA iaitu :

- Strategi mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA tetapi menggunakan perincian yang berlainan.

Keputusan analisis strategi terjemahan berdasarkan taksonomi Larson (1998) mendapati strategi ketiga merupakan strategi paling kerap diaplikasikan oleh penterjemah iaitu sebanyak 47 kali (52.8%). Strategi ketiga ialah menggantikan PM dengan PA yang membawa maksud sama. Penggunaan strategi ini membuktikan bahawa kewujudan variasi ungkapan peribahasa atau *amthāl* BA menggambarkan kekayaan dan keindahannya.

Seterusnya, strategi kelima adalah kedua terbanyak dengan kekerapan sebanyak 29 kali (32.6%) iaitu menterjemah makna PA tanpa mengekalkan unsur-unsur dalam PM. Strategi ini memudahkan pembaca untuk memahami terjemahan PA kerana tidak menyumbang kepada kekeliruan dan ketidakfahaman.

Manakala strategi pertama dengan kekerapan sebanyak 10 kali (11.2%) adalah yang ketiga terbanyak iaitu mengekalkan unsur-unsur PM dalam PA iaitu apabila unsur yang dikekalkan itu difahami dan umumnya diketahui pembaca. Pada pandangan pengkaji, strategi ini sangat sesuai digunakan jika kandungan budaya dalam PM dengan PA wujud bersama. Ini memudahkan penutur jati Arab memahami ungkapan PM.

Strategi baru yang terhasil adalah strategi keenam iaitu mengekalkan unsur PM dalam PA tetapi menggunakan perincian yang berlainan hanya mencatat kekerapan 3 kali (3.4%). Walau bagaimana pun, penterjemah perlu memastikan perincian yang digantikan masih difahami penutur jati dan pembaca.

Hasil analisis terhadap 60 ungkapan PM dalam kajian ini, penggunaan strategi kedua dan keempat tiada digunakan.

Kesimpulan daripada analisis strategi penterjemahan mendapati bahawa, strategi yang paling kerap diaplikasikan oleh penterjemah adalah strategi ketiga yang disenaraikan oleh Larson (1998). Oleh yang demikian, strategi ketiga adalah strategi yang sepatutnya didahulukan dalam menterjemah peribahasa iaitu menggantikan PM yang sama maksud dengan PA. Rumusan kajian ini sama dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Aliakbar Khomeijani Farahani & Masoumeh Ghasemi yang memperolehi kekerapan strategi paling banyak iaitu menggantikan dengan peribahasa tempatan yang sama maksud daripada teori Beekman dan Callow (1974) terhadap penterjemahan peribahasa Inggeris ke peribahasa Parsi.

#### **5.1.2 Ketepatan Padanan Maksud Peribahasa Melayu Ke Bahasa Arab**

Permasalahan mengenai ketepatan padanan maksud PM ke BA perlu diberi perhatian kerana ungkapan peribahasa yang tidak membawa erti yang sama akan menyebabkan kekeliruan dalam kalangan pembaca dan pengkaji.

Secara keseluruhan, hasil kajian mendapati jumlah peribahasa menepati maksud PM adalah 74 PA (83%). Manakala jumlah peribahasa yang tidak menepati maksud PM pula sebanyak 15 PA (17%).

Analisis ketepatan maksud peribahasa mengikut strategi pula menunjukkan strategi pertama iaitu 10 peribahasa kesemuanya menepati maksud PM. Sementara itu, strategi ketiga memperlihatkan peribahasa yang menepati maksud PM adalah 33 dan jumlah peribahasa yang tidak menepati maksud PM adalah 14. Berikutnya adalah strategi kelima di mana jumlah peribahasa yang menepati maksud PM adalah 28 dan jumlah yang tidak menepati



maksud PM hanya 1 sahaja. Akhir sekali strategi keenam dengan 3 peribahasa yang kesemuanya menepati maksud PM.

Oleh yang demikian, peribahasa yang tidak menepati padanan maksud PM tertumpu kepada strategi ketiga dan kelima sahaja. Ini kerana jumlah 15 PA yang tidak menepati maksud tergolong daripada strategi ketiga dengan jumlah 14 peribahasa (16%) dan 1 peribahasa (1%) daripada strategi kelima. Jumlah ini sudah cukup menggambarkan bahawa, bukan mudah untuk menterjemah peribahasa terutamanya apabila penterjemah menggunakan strategi menggantikan PM yang mempunyai maksud yang sama dengan PA kerana penterjemah berhadapan dengan risiko tersasar dari ketepatan padanan maksud PM dengan PA yang berkemungkinan disebabkan oleh kefahaman yang berbeza dan kesukaran untuk mencari persamaan padanan maksud PM walaupun terdapat PA yang hampir sama maksudnya.

Pada pandangan pengkaji, alasan berlaku ketidaktepatan padanan maksud dalam hal ini apabila penterjemah memahami maksud PA adalah sama dengan maksud PM. Akan tetapi berlaku sebaliknya apabila pengkaji mendapati maksud PA tidak sama maksudnya dengan PM. Ungkapan peribahasa yang diterjemahkan hakikatnya betul kerana PA yang diterjemahkan memang ada di dalam mu'jam amthāl dan dikira mengikut strategi penterjemahan mengikut Taksonomi Larson (1998). Kekeliruan ini timbul apabila maksud PA dengan PM tidak sepadan setelah membuat perbandingan antara maksud PA dengan PA itu sendiri.

### **5.1.3 Tahap Kefahaman Maksud Peribahasa**

Hasil temu bual yang telah dijalankan mendapati tahap kefahaman penutur jati Arab ke atas terjemahan PM ke BA adalah di tahap sederhana. Buktinya, terdapat sebahagian responden yang menjawab tahu dan betul jawapannya. Ada juga responden yang tidak tahu tetapi dapat menjawab dengan betul dan ada juga responden yang tidak tahu dan tidak dapat menjawab langsung.

Hal ini berlaku disebabkan faktor tahap peribahasa yang dipilih secara rawak bagi peribahasa mudah dan agak susah. Analisis tahap kefahaman responden berdasarkan strategi pertama, ketiga dan keenam telah menjelaskan secara tidak langsung dengan keberkesanan strategi yang perlu diaplikasikan sebagai penterjemah.

Berdasarkan strategi pertama, jumlah jawapan yang betul ialah 11 (46%). Manakala strategi ketiga pula menunjukkan jawapan betul sebanyak 19 (79%). Akhir sekali, strategi keenam pula menunjukkan jumlah jawapan betul sebanyak 11 (46%) iaitu sama jumlah dengan strategi pertama.

Peratusan bagi ketiga-tiga strategi ini telah membantu pengkaji menilai penggunaan strategi yang sesuai diaplikasikan oleh penterjemah. Oleh yang demikian, strategi ketiga yang mencatat jumlah peratusan iaitu 79% merupakan strategi yang berkesan berbanding strategi lain. Ini bermakna penggunaan strategi ketiga dalam menterjemah PM ke BA berjaya untuk diaplikasikan oleh penterjemah.

## **5.2 Cadangan**

Cadangan kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu saranan kepada pihak tertentu dan kajian lanjutan kepada pengkaji akan datang :

### **5.2.1 Pihak Tertentu**

Keperluan seperti kajian ini penting untuk menilai dari aspek pemilihan strategi, ketepatan maksud dan tahap kefahaman pembaca atau penutur jati selepas diterjemahkan. Oleh itu, cadangan ini tertumpu kepada beberapa pihak secara khususnya dalam memartabatkan bidang penterjemahan dan peribahasa itu sendiri antaranya :

#### **1. Guru dan Pensyarah Bahasa Arab**

Guru dan pensyarah bahasa Arab khususnya perlu mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam mengenai peribahasa selain memberikan maklumat yang mudah difahami dan memberikan contoh yang relevan sesuai zaman dalam usaha memberi kefahaman kepada pelajar. Selain itu, guru seharusnya perlu dibekalkan dengan buku panduan dalam menjalankan proses pengajaran *al-hikam wa amthāl* dan guru perlu menggunakan kemahiran dan teknik pengajaran yang berkesan.

#### **2. Pelajar**

Pelajar di peringkat sekolah mahupun universiti yang berlatarkan pendidikan bahasa Arab seharusnya menanamkan minat untuk mendalami warisan mathal Arab atau subjek kesusasteraan Arab dengan melaksanakan pelbagai aktiviti yang padat dan menarik antaranya latihan dalam kumpulan seperti menyambung teks dan menterjemahkan mathal Arab secara berkumpulan, pertandingan

berbentuk kuiz dan sebagainya. Tambahan juga, ledakan teknologi hari ini telah memudahkan lagi pelajar mendapat pelbagai sumber mengenai mathal Arab.

### **3. Penterjemah**

Penterjemah merupakan pihak yang berperanan menyumbang bahan rujukan yang berkaitan peribahasa. Khususnya kepada mereka yang mahir dan pakar dalam bidang penterjemahan dan BA perlu bekerjasama untuk menghasilkan buku atau kamus peribahasa yang dilengkapi dengan PM dan Inggeris yang seerti dengan PA, maksud dan huraian PA dan disertakan dengan contoh ayat yang sesuai. Justeru itu, peranan penterjemah Malaysia khususnya perlu memperbanyakkan keluaran terjemahan berbentuk bahan bacaan yang mengandungi budaya dan warisan Melayu bagi memudahkan mereka memahami keunikan budaya Melayu sendiri. Secara tidak langsung, kerjasama untuk melakukan perbandingan budaya dalam penterjemahan juga dapat dilakukan bersama.

Namun begitu, keutamaan yang perlu dititikberatkan adalah sikap berhati-hati ketika menterjemah yang melibatkan penggantian peribahasa yang memang sudah sedia ada dalam bahasa sasaran. Oleh yang demikian, penterjemah perlu meneliti dengan jelas makna di sebalik maksud peribahasa bahasa sasaran agar terpelihara dari kekeliruan makna selepas menggantikannya. Seterusnya, proses semakan hasil terjemahan perlu dilakukan untuk menjamin mutu penghasilannya.

Harapan pengkaji agar usaha ini dapat mengekalkan kelangsungan bidang penterjemahan dan peribahasa itu sendiri yang melambangkan identiti sesebuah bahasa.

### **5.2.2 Kajian Lanjutan**

Dewasa ini, bidang penterjemahan Melayu-Arab semakin banyak diperkembangkan dalam pelbagai gaya dan bentuk seiring dengan kemajuan teknologi. Namun begitu, penyelidikan berkaitan dengannya sangat terhad, maka pengkaji mendapati banyak kajian dalam bidang ini boleh dijadikan cadangan sebagai kajian lanjutan pada masa-masa akan datang. Antara cadangan kajian selanjutnya :

- i. Pengkaji hanya mengkaji peribahasa yang menggunakan elemen haiwan di dalam Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar kajian tentang *amthāl* hendaklah diteruskan dan diperluaskan lagi dalam aspek-aspek yang lain seperti aspek tumbuhan, benda, biologi manusia, alam sekeliling dan sebagainya.
- ii. Pengkaji akan datang digalakkan untuk menggunakan Kamus Peribahasa Melayu-Arab yang berbeza dengan kajian ini untuk melihat perbezaan dan persamaan yang mungkin wujud.
- iii. Kajian ini menggunakan responden penutur jati Arab seramai 12 orang. Kajian akan datang boleh dilakukan terhadap pelajar-pelajar jurusan BA di institusi pengajian tinggi dengan jumlah yang lebih ramai untuk mengetahui tahap kefahaman mereka apabila diberikan PA yang diterjemahkan daripada bahasa Melayu.
- iv. Penggunaan strategi juga perlu diambil perhatian oleh para pengkaji untuk meneliti kesesuaian strategi yang digunakan oleh penterjemah bagi menterjemah peribahasa Melayu-Arab.

Sesungguhnya, memang menjadi hasrat pengkaji agar kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk memperkembangkan lagi bidang penterjemahan Melayu-Arab dalam pelbagai cabang ilmu linguistik. Diharapkan kajian ini menjadi salah satu usaha untuk memperkembangkan bidang penterjemahan Melayu-Arab kerana penduduk di negara Malaysia sendiri sudah mempunyai bangsa Arab yang sebahagiannya telah menetap di Malaysia atas pelbagai faktor.

### **5.3 Penutup**

Keseluruhan hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa, penggunaan strategi ketiga iaitu menggantikan PM dengan PA yang sama maksudnya kerap digunakan oleh penterjemah kerana wujud PA yang sedia ada membawa maksud yang sama dengan PM. Namun, penterjemah perlu mengambil kira daripada sudut ketepatan padanan maksud sama ada benar-benar tepat atau sebaliknya untuk mengelakkan pembaca keliru. Hasil temu bual bersama penutur jati Arab mendapati tahap kefahaman responden ke atas terjemahan PM ke BA berada di tahap yang sederhana

Apa yang dapat dikongsi bersama pembaca dalam kajian ini merupakan sebahagian daripada cebisan ilmu penterjemahan yang hakikatnya sangat luas dan meliputi pelbagai bidang. Kajian strategi penterjemahan dalam menterjemah PM ke BA ini merupakan suatu cabaran bagi pengkaji. Namun, perbincangan hasil kajian ini sangat menyumbang kepada pengetahuan ilmu penterjemahan kepada pengkaji. Di samping itu, diharapkan kajian seperti ini diteruskan oleh pengkaji-pengkaji ke arah menghasilkan ilmiah-ilmiah yang berteraskan penterjemahan dan peribahasa meliputi pelbagai bahasa seterusnya meningkatkan dan memajukan bidang penterjemahan khususnya terjemahan Melayu-Arab.

## BIBLIOGRAFI

- \_\_\_\_\_. (1988). *al-Mu‘jam al-‘Arabiyy al-Asāsi*. al-Munazzamat al-‘Arabiyyat al-Tarbiyyat Wa Thaqāfat Wa al-‘Ulum.
- \_\_\_\_\_. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (2008). *Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rauf Haji Hassan Azhari & Muhd. Azidan Abd. Jaafar. (2002). *Kamus istilah linguistik (Arab-Inggeris-Melayu)* (Edisi Pertama). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Al-Rājiḥī, ‘Abduh. (1986). *al-Naḥw al-‘arabiyy wa al-dars al-ḥadīth : Baḥth fī al-manhaj*. Beirut: Dār al-Nahdat al-‘Arabiyyat.
- Abdul Rahman Chik. (2003). Pengalaman dalam terjemahan Melayu-Arab, *Terjemahan dalam Bidang Pendidikan : Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-9 pada 2-4 September 2003 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur*, Abdullah Hassan (penyusun) (hal: 329-343). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdullah Hussain. (2006). *Canai budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussain. (2010). *Kamus istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-‘Askarī, Abī Hilāl Al-Ḥassan bin Abdullah. (1988). *Jamharat al-amthāl* (Edisi Pertama). Beirut-Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Imiyyat.
- Abī ‘Ubaīd Al-Qāsim bin Salām. (1980). *Kitāb al-amthāl*. Damsyik-Beirut: Dār al-Ma’mūn Li Turāth.
- Abu Abdul Latif Al-Syeikh Ahmad Othman Bajunid. (1985). *Kamus pustaka Melayu -Arab* (Edisi Pertama). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Aḥmad Taymūr. (1956). *al-Amthāl al-‘amiah*. Miṣr: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyy.
- Ainon Mohd., & Abdullah Hassan. (2002). *Koleksi terindah peribahasa Melayu*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Ainon Mohd., & Abdullah Hassan. (2008a). *Teori dan teknik terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Ainon Mohd., & Abdullah Hassan. (2008b). *Kamus peribahasa kontemporari* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: PTS Profesional.

- Ainon Mohd., & Abdullah Hassan. (2010). *Kamus pepatah, bidalan dan perumpamaan*. (Edisi Kedua). Selangor: PTS Profesional
- Aliakbar Khomeijani Farahani, & Masoumeh Ghasemi. (2012). The naturalness in translation of idioms and proverbs: The case of a persian translation of pinocchio. *Language and Translation*, 3(1), 17-22.
- Ahmad ‘Uthman Bajunid. (1999). *Kamus peribahasa Melayu-Arab-Inggeris* (Edisi Pertama). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Amir Muslim. (2009). *Peribahasa dan ungkapan (Inggeris-Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anzaruddin Ahmad. (Ogos 2005). Penterjemahan teks yang mengandungi perumpamaan Melayu ke bahasa Arab-Keperluan memahami perbezaan pandangan dunia masyarakat Melayu dan Arab, *Terjemahan dan Pengglobalan Ilmu=Translation and the Globalization of Knowledge : Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-10 pada 2-4 Ogos 2005 di Hotel Sutera Magellan, Kota Kinabalu, Sabah*, Abdullah Hassan (penyusun), (hal: 459-465). Pahang: PTS Profesional Publishing.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (Januari 2005). Budaya dan bahasa kiasan. *Jurnal Peradaban Melayu* 1-13.
- Baker, M. (2011). *In other words : A coursebook on translation* (2nd ed.). United Kingdom: Routledge.
- Chua Y. P. (2011). *Kaedah penyelidikan* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Catford, J.C. (1996). *Teori linguistik bagi penterjemah*. (Diterjemahkan oleh Uma Iyavoo & K. C. Gaik). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Darus Ahmad. (1965). *Persuratan Melayu dahulu dan sekarang*. Pulau Pinang: Sinaran Bros.
- Goh S.S. (2012). *Bahasa Cina - bahasa Melayu : Kebolehterjemahan budaya*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Goh S.S. (November 2009). Pemindahan Lambang ‘Padi’ dalam Penterjemahan PM-Mandarin. Dibentangkan dalam *Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-5* (hal: 17-18). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harimurti Kridalaksana. (1993). *Kamus linguistik* (Edisi Ketiga). Jakarta: PT Gramedia.
- Ibn Manzūr. (1119). *Lisān al-‘arab*. al-Kaherah Dār al-Ma‘arif.



- Ishak Mohd. Rejab et.al. (1996). *Glosari bahasa dan kesusasteraan Arab (BA-huraian-bahasa Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Janesick, V. J. (2011). *"Stretching" exercises for qualitative researchers* (3rd ed.). Los Angeles-London-New Delhi-Singapore-Washington DC: SAGE Publication, Inc.
- Kamāl Khalāyī. (1998). *Mu'jam Kunūz al-Amthāl wa al-Hikam al-'Arabiyyat (al-Nathriyyat Wa Al-Syi'riyyat)*. Beirut-Lubnān: Maktabat Lubnān.
- Keris Mas. (1990). *Perbincangan gaya bahasa sastera*. (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Larson, Mildred L. (1998). *Meaning-based translation : A guide to cross-language equivalence* (2nd ed.). Oxford: University Press of America.
- Maḥmūd Ismā'īl Šīnī, Nāsif Muṣṭafā 'Abd al-'Azīz, & Muṣṭafā Aḥmad Sulaymān. (1992). *Mu'jam al-amthāl al-'arabiyyat : 882 Mathalan Sya'i'an Ma'a Syurūḥihā Wa Isti'mālātihā*. Beirut-Lubnān: Maktabat Lubnān.
- Majma' al-Lughat al-'Arabiyyat. (2004). *al-Mu'jam al-Wasīf*. Maktabat Al-Syurūq Al-Dawliyyat.
- Maserah Shabudin. (April 2005). *Unsur sosio-budaya dalam terjemahan sari kata di media massa : Satu kajian kes*. Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mohd. Zaki Bin Abdul Rahman, Ahmad Arifin Bin Sapor, & Maheram Ahmad. (2013). Analisis strategi penterjemahan peribahasa Arab-Melayu terhadap teks "Kasih dan Harapan". *The Online Journal of Islamic Education June, 1*(2).
- Mohd. Sukki Othman. (2011). *al-Amthāl bi al-ḥayawān dalam Al-Qur'an : Kajian dari perspektif i'jāz bayāniy dan i'jaz 'ilmiy*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd. Sukki Othman. (Ogos 2005). Penterjemahan peribahasa Arab ke peribahasa Melayu: Analisis faktor budaya dan persekitaran, *Terjemahan dan Pengglobalan Ilmu=Translation and the Globalization of Knowledge : Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-10 pada 2-4 Ogos 2005 di Hotel Sutera Magellan, Kota Kinabalu, Sabah*, Abdullah Hassan (penyusun), (hal: 497-506). Pahang: PTS Profesional Publishing.
- Mohd. Tajuddin Abdul Rahman. (1984). *Peribahasa dalam penggunaan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Molina, L., & Albir, A. H. (2002). Translation techniques revisited : A dynamic and functionalist approach. *Meta : Translators' Journal*, 47(4), 498-512.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2006). *Glosari pengajian ilmu penterjemahan dan interpretasi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

- Muhammad Marwan Ismail, & Wan Moharani Mohammad. (2009). *Kajian semantik dan mu'jam 'arabiyy*. Negeri Sembilan: Universiti Islam Malaysia.
- Muhammad Taūfiq 'Abdul 'Ali. (1988). *al-Amthāl al-'arabiyyat wa al-'asr al-jāhiliyy (Dirāsah Taḥlīliyyat)*. Beirut-Lubnān: Dār al-Nafāis.
- Muhammad Said Haji Suleiman. (1992). *Perianbasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Norizam Jamian. (2012). *700 Peribahasa bergambar*. Selangor: Read Resources Sdn. Bhd.
- Muhd. Azidan Abd. Jaafar, & Abd. Rauf Dato' Haji Hassan Azhari. (2002). *Kamus istilah linguistik (Melayu-Inggeris-Arab)*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Newmark, P. (1988). *A textbook of translation*. United Kingdom: Prentice Hall International.
- Newmark, P. (1992). *Pendekatan penterjemahan* (Penterjemah, Zainab Ahmad & Zaiton Ab. Rahman). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nida, E. A. (1964). *Toward a science of translating*. Netherlands E.J. Brill, Leiden.
- Nida, E. A., & Taber, C. R. (2003). *The theory and practice of translation*. Netherlands: Koninklijke Brill NV, Leiden.
- Noraini Shahida Ishak, & M Mascitah Mansor. (2011). *Peribahasa: Gambaran minda melayu dalam penciptaan iklan*. 1-8.
- Norizah Ardi, Midiyana Mohammad, Rozaimah Rashidin, & Zuraidah Jantan. (2009). *Pengantar prinsip penterjemahan*. Shah Alam: August Publishing.
- Norwati Yusof. (Ogos 2005). Teori terjemahan : Keperluan berteori dalam konteks terjemahan di Malaysia, *Terjemahan dan Pengglobalan Ilmu=Translation and the Globalization of Knowledge : Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-10 pada 2-4 Ogos 2005 di Hotel Sutera Magellan, Kota Kinabalu, Sabah*, Abdullah Hassan (penyusun), (hal: 245-251). Pahang: PTS Profesional Publishing.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif : Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Perri 6, & Bellamy, C. (2012). *Principles of methodology : Research design in sosial science*. (1st ed.). Los Angeles-London-New Delhi-Singapore-Washington DC: SAGE Publications.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2012). *Meneroka penterjemahan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Raminah Hj Sabran Rahim Syam. (1986). *Kajian bahasa untuk pelatih maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rokiah Awang & Mashudi Kader. (t.t). Strategi penterjemahan berita akhbar. *Seminar Sehari Jabatan Bahasa Melayu dan Terjemahan*, 289-306. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan: Universiti Sains Malaysia.
- Saifullah Kamalie. (2010). *Masalah penterjemahan kolokasi bahasa Arab ke bahasa Melayu: Satu kajian teks tafsir*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Şāleḥ Zayādnaṭ. (1997). *Min al-amthāl al-badawīyyaṭ ṭa'ifaṭ min amthālīnā al-sya'biyyaṭ al-Quds: al-'Arabiyyaṭ al-Ḥadīthaṭ*.
- Samīḥ 'Āṭif Al-Zīn. (2000). *al-Amthāl wa al-mithlu wa al-tamaththul wa al-mathulāt fī al-Qur'an*. Beirut: Dār al-Kitāb al-Banānī.
- Shamsuddin Ahmad. (2007). *Kamus PM-Inggeris*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Suziana Mat Saad. (2005). *Terjemahan metafora Melayu ke bahasa Perancis : Analisis novel "Salina"*. Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Taysīr al-Kailānī, & Na'im 'Asyawūr. (1991). *A Dictionary of proverbs English-Arabic*. Beirut: Maktabaṭ Lubnān.
- Vijaya Letchumey Subramaniam. (Disember 2011). Interpretasi dan kekangan ilmu penterjemahan. *Dewan Bahasa*, 11, 25-27.
- Vijaya Letchumey Subramaniam. (Julai 2011). Penterjemahan mengembangkan bahasa Melayu. *Pelita Bahasa*. 12-15.
- Wan Hassan Wan Mat. (2009). *Pemburuan dalam PA*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Wan Hassan Wan Mat, & Mohd. Zaki Abdul Rahman. (Disember 2012). *Pengajaran dan pembelajaran peribahasa Arab di peringkat sekolah menengah agama di Malaysia*. Laporan Penyelidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran bahasa Melayu*. Pahang: PTS Professional Publishing.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (2002). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (Disember 2011). Nilai budaya dalam peribahasa. *Pelita Bahasa*, 8-11.

Zaitul Azma Zainon Hamzah, & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *PM : Penelitian makna dan nilai*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Zulkiflee Yazid. (1996). *Mega peribahasa*. Selangor: ALBAZ Publishing & Distribution Sdn. Bhd.

*Peta Penyebaran Bahasa Austronesia Di Dunia*. Dipetik pada 12 November 2012, daripada <http://id.wikipedia.org/wiki/Berkas:Langues-autronesiennes.png>

*Peta Penyebaran Bahasa Afroasia Di Dunia*. Dipetik pada 12 November 2012, daripada [http://id.wikipedia.org/wiki/Berkas:Afroasiatic\\_languages-en.svg](http://id.wikipedia.org/wiki/Berkas:Afroasiatic_languages-en.svg)

“Afroasiatic languages” *The Columbia Encyclopedia*. (2012). Dipetik pada 12 November 2012, daripada Encyclopedia.com: <http://www.encyclopedia.com/doc/1E1-Afroasia.html>

## LAMPIRAN A

### Senarai Peribahasa Melayu-Arab

Bil	Peribahasa Melayu ( Versi asal )	Peribahasa Arab ( Versi terjemahan )
1.	(9:12) Ada udang di sebalik batu	<p>لَدَيْهِ هَدَفٌ شَخْصِيٌّ يَدْعُوهُ إِلَى الْإِهْتِمَامِ بِأَمْرِهِ</p> <p>لَهُ فَأَسُّ يَشْحَذُهَا</p>
2.	(9:13) Ada umpan, ada sajakah ikan ...?	<p>الدَّهْبُ لَا يَشْتَرِي كُلَّ شَيْءٍ</p> <p>البِضَاعَةُ تُبَسِّرُ الْحَاجَةَ</p>
3.	(9:14) Adakah buaya menolak bangkai ...?	<p>الْقَحْبَةُ مَا تَتَوَبُّ وَالْمَاءُ فِي الزَّرِيرِ مَا يَرُوبُ</p> <p>مَا يُخْلَقُ فِي الْعَظْمِ فَلَنْ يَخْرُجَ مِنَ اللَّحْمِ</p> <p>التَّغْلَبُ ثَغْلَبٌ وَإِنْ لَيْسَ قَلَنْسُوءَ الرَّاهِبِ</p>
4.	(10:16) Ada gula, ada semut .	<p>الْمُورِدُ الْعَذْبُ كَثِيرُ الزَّحَامِ</p> <p>يَنْتَشِرُ أَوْ يَتَزَاوَمُ النَّاسُ فِي الْمَنَاطِقِ حَيْثُ</p> <p>الزَّرْعُ وَالْعَيْشُ السَّهْلُ</p> <p>إِذَا أَخْصَبَ الْمَكَانُ جَاءَ الْغَادِي وَالْهََاوِي</p>
5.	(13:32) Air tenang jangan disangka tiada buaya	<p>النَّهْرُ الْهَادِي خَفٌ مِنْهُ</p> <p>تَحْتَ السَّوَاهِي دَوَاهِي.</p>
6.	(15:44) Anak kucing menjadi harimau	<p>تَنَمَّرَتْ صِغَارُ الْقِطِّ</p> <p>أَصْبَحَ الْفُقَرَاءُ أَغْنِيَاءَ</p>
7.	(15:45) Anak harimau takkan menjadi anak kambing.	<p>التَّغْلَبُ ثَغْلَبٌ لَا يَكُونُ غَنَمًا أَبَتَةً</p> <p>يَتَغَيَّرُ لَوْ أَنَّ الثَّغْلَبَ لَكِنَّ مَكْرَهُ لَا يَتَغَيَّرُ</p>
8.	(16:46) Anak ikan dimakan ikan, tahu makan tahu simpan	<p>لَا تَفْشِ الْأَسْرَارَ لِعَدُوِّكَ</p>
9.	(16:47) Anak kera di hutan disusui, anak di rumah dibiarkan.	<p>إِبْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ</p> <p>الْأَقْرَبُونَ أَوْلَى بِالْمَعْرُوفِ</p>
10.	(7:54) Anjing itu dipukul sekalipun, akan berulang juga ke tempat yang banyak tulang.	<p>اللِّصُّ مَرَّةً لَصٌّ دَائِمًا</p>

11.	(17:55) Anjing itu tetap anjing sekalipun kamu kalungkan ia rantai emas	- الْكَلْبُ كَلْبٌ وَلَوْ طَوَّقْتَهُ بِالذَّهَبِ
12.	(19:65) Asal berinsang, ikanlah dia	- كُلُّ مَا يَأْتِي إِلَى الشَّبَكَةِ فَهُوَ سَمَكٌ - مَقْبَرَةٌ لَا تَرُدُّ مَيِّتًا
13.	(19:67) Ayam berak kapur	- شَاحِبٌ مِثْلُ الْمَيْتِ - هُوَ مُمْتَقِعُ الْوَجْهِ
14.	(19:68) Ayam berinduk, sirih berjunjung	- لَا بُدَّ لِلضَّعِيفِ مِنْ حِمَايَةٍ
15.	(19:69) Ayam bertelur di atas padi	- يَحْيَا حَيَاةً حَافِلَةً بِالْتَّرَفِ وَالْبَذْخِ - فِي رَفَاهِيَّةٍ
16.	(20:70) Ayam dan itik raja di tempatnya	- كُلُّ وَاحِدٍ مُتَفَوِّقٌ فِي حَقْلِ نَشَاطِهِ
17.	(20:71) Ayam beroga itu, walau diberi makan di pinggan emas sekalipun, akan pergi ke hutan juga	- الْعَادَةُ طَبِيعَةٌ ثَانِيَةٌ
18.	(21:77) Bagai anjing dengan kucing	- يَعِيشُ كَاهِرٌ مَعَ الْكَلْبِ - يَحْيَا حَيَاةً حَافِلَةً بِالْمُنَازَعَاتِ وَالْخِصَامِ
19.	(22:80) Bagai ular ditarik songsang	- جَوْزَةٌ قَاسِيَةٌ يَصْعَبُ كَسْرُهَا - يَضْرِبُ لِلْمُشْكَلَةِ الْعَسِيرَةِ يَصْعَبُ حُلُّهَا
20.	(22:84) Bagai bersahabat dengan ular bisa	- الْوَحْدَةُ خَيْرٌ مِنْ جَلِيسِ السُّوءِ
21.	(24:97) Bagai kelip-kelip terbang malam	- كُلُّ سِرٍّ لَا بُدَّ أَنْ يَشِيعَ - كُلُّ جَرِيْمَةٍ لَا بُدَّ أَنْ تَنْكَشِفَ عَاجِلًا أَوْ آجَلًا
22.	(24:98) Bagai kayu lempung, ditebuk kumbang tembus menembus.	- جَمِيعُ الْأَعْمَالِ تُلْقَى عَلَى ظَهْرِ الْحِصَانِ الْمُطِيعِ
23.	(25:101) Bagai keping batu	- لَا تَسْتَطِيعُ اسْتِخْرَاجَ الدَّمِ مِنَ الْحَجَرِ - إِنَّكَ لَا تَجْنِي مِنَ الشُّوْكِ الْعَنْبَ - كَالسَّمَكِ خَارِجِ الْمَاءِ
24.	(25:102) Bagai kera kena belacan	- مِثْلُ السَّمَكِ إِنْ طَلَعَ مِنَ الْمِيَاهِ مَاتَ

25.	(25:103) Bagai kumbang putus tali	- سَرِيعٌ كَالْبَرْقِ
26.	(25:104) Bagai lembu makan, dikunyah baru ditelan	- فَكَّرَ قَبْلَ أَنْ تَنْبَ - الرَّأْيُ الثَّانِي هُوَ الْأَصَوْبُ
27.	(26:109) Bagai mengail kucing yang hanyut	- مُنْشَغِلٌ بِالتَّوَافِيهِ (لَا طَائِلَ تَحْتَهُ) - غَيْرُ ذِي جَدْوَى، لَا طَائِلَ تَحْتَهُ
28.	(27:118) Bagaikan pungguk rindukan bulan	- يَطْلُبُ شَيْئًا مُسْتَحِيلًا
29.	(28:122) Bagaikan tikus memperbaiki labu	- إِذَا لَمْ تَكُنْ قَادِرًا عَلَى الْعَصِّ فَلَا تُكَشِّرْ عَنْ أَسْنَانِكَ
30.	(29:131) Bagaikan rusa masuk kampung	- كَالْغَرِيبِ الْمُنْذَهْلِ عِنْدَ دُخُولِهِ الْبَلَدِ - كَالْغَزَالِ النَّفُورِ
31.	(30:133) Bangau, bangau, minta aku leher, badak, badak, minta aku daging	- لَا يَسْتَعْمِلُ شَيْئًا وَلَا يَدْعُ غَيْرَهُ يَسْتَعْمِلُهُ
32.	(30:137) Banyak udang banyak garamnya, banyak orang banyak ragamnya	- حِينَ يَكْثُرُ الرِّجَالُ تَكْثُرُ الْأَرْاءُ
33.	(34:161) Berapa tinggi bangau terbang, akhirnya hinggap juga di belakang kerbau	- لَا مَكَانَ كَالْوَطَنِ
34.	(35:164) Beralah ke hilir tertawa buaya. Bersuluh di bulan tertawa harimau	- يَشْرَعُ فِي مُهِمَّةٍ أَوْ مُغَامَرَةٍ سَخِيفَةٍ غَيْرِ مُرْبِحَةٍ
35.	(39:190) Biar mati ditangkap harimau, jangan mati digigit anjing	- يَا كُفْلَنِي سَبِّعْ وَلَا يَا كُفْلَنِي كَلِّبْ
36.	(43:215) Burung gagak itu juga dimandikan dengan air mawar sekalipun tidak menjadi putih	- التَّمِيرُ الْأَرْقَطُ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُغَيِّرَ رُقَطَهُ
37.	(43:217) Busut juga ditimbuni anai-anai	- الْغَنِيُّ يَزْدَادُ غِنًى وَالْفَقِيرُ يَزْدَادُ فَقْرًا
38.	(43:219) Bukan semua yang menunggang kuda itu pahlawan	- مَا كُلُّ مَنْ رَكِبَ الْخَيْلَ فَارِسٌ
39.	(44:222) Cengkeling bagai ular dipalu (cengkeling ialah berbelit-belit)	- مُلْتَوٍ (غَيْرُ مُسْتَقِيمٍ أَوْ شَرِيفٍ)

40.	(44:223) Carik-carik bulu ayam, lama-lama ia bercantum juga.	<p>– الْأَقْرَبَاءُ وَإِنْ تَخَاصَمُوا لَا بُدَّ أَنْ يَصْطَلِحُوا أَخِيرًا</p> <p>– عُمُرُ الدِّمِّ مَا يَبْقَى مَيَّةَ . أَيَّ : إِنَّ الدِّمَّ لَا يَتَحَوَّلُ إِلَى مَاءٍ</p>
41.	(45:224) Cerdik seperti kancil	– مُرَاوِغٌ كَالْتَّغْلَبِ
42.	(47:236) Dahulu helang pulau, sekarang menjadi burung pungguk	<p>– بِقَدْرِ الصُّعُودِ يَكُونُ السُّقُوطُ</p> <p>– مَا طَارَ طَيْرٌ وَارْتَفَعَ إِلَّا كَمَا طَارَ وَقَعَ</p>
43.	(49:247) Di mana tiada helang, kata belalang akulah helang	<p>– الْأَعْوَرُ مَلِكٌ بَيْنَ الْعُمَيَّانِ</p> <p>– الْأَعْوَرُ فِي بَلَدِ الْعُمَيَّانِ طُرْفَةٌ</p>
44.	(50:252) Datang bala bencana itu seperti ribut, perginya seperti semut.	<p>– تَأْتِي الْمَصَائِبُ عَلَى عَجَلٍ وَتَذْهَبُ عَلَى مَهْلٍ</p>
45.	(53:272) Dungu seperti keldai	– أَبْلَهٌ وَغَبِيٌّ ، مِثْلَ الْحِمَارِ
46.	(55:277) Enggang sama enggang, pipit sama pipit.	<p>– إِنَّ الطُّيُورَ عَلَى أَشْكَالِهَا تَقَعُ</p> <p>– الطُّيُورُ ذَوَاتُ الرِّيشِ الْمُتَشَابِهِ يَأْلَفُ بَعْضُهَا بَعْضًا</p>
47.	(57:279) Gajah berjuang sama gajah, pelanduk mati di tengah-tengah	– بَيْنَ الْمِطْرَقَةِ وَالسَّنْدَانِ
48.	(57:282) Gajah seekor gembala dua	– الْفِيلُ ذُو الرَّئِيسَيْنِ يَهْلِكُ
49.	(59:290) Gombak gemilang, kutu banyak, bibir hitam, gigi kotor	– الْجَمَالُ مَا خُفِيَ وَرَاءَ الْإِهَابِ
50.	(61:296) Hangat-hangat tahi ayam	<p>– يُمَسِّي عَلَى حَارٍّ وَيُصْبِحُ عَلَى بَارِدٍ (أَيُّ يَجِدُ فِي أَمْرٍ ثُمَّ يَفْتَرُ عَنْهُ)</p> <p>– سَرِيعُ الْإِضْطِرَامِ سَرِيعُ الْخُمُودِ</p> <p>– سَرِيعُ الْحَرَارَةِ سَرِيعُ الْبُرُودَةِ</p>
51.	(62:303) Harimau mengaum takkan menangkap	– الْكَلْبُ النَّبَاحُ نَادِرًا مَا يَعُضُّ
52.	(68:331) Ikan di laut, asam di darat bertemu	– سُبْحَانَ الْجَامِعِ بَيْنَ الضَّبِّ وَالتُّونِ وَبَيْنَ النَّارِ



	juga dalam kual	وَالثَّلَجِ (الْمَاءِ)
53.	(68:332) Ikan lagi di laut, perencah sudah di sengkalan (sengkalan ialah pengisar rempah-rempah)	– يَعُدُّ فِرَاحَهُ قَبْلَ أَنْ تَفْقِسَ
54.	(68:333) Ikan terkait jala tiba	– اللَّيْبُ تَكْفِيهِ الْإِشَارَةُ، وَاللَّيْبُ مِنَ الْإِشَارَةِ يَفْهَمُ
55.	(69:337) Intan dikalungkan ke leher anjing	– يُعَلِّقُ اللَّؤْلُؤَ فِي عُنُقِ الْخَنَزِيرِ
56.	(70:342) Jangan bangunkan anjing tidur	– دَعِ الْكِلَابَ النَّائِمَةَ تَرْقُدْ بِسَلَامٍ – تَجَنَّبْ مُنَاقَشَةَ الْمَسَائِلِ الَّتِي قَدْ تُثِيرُ الْمَتَاعِبَ
57.	(71:345) Jangan jadikan dirimu tikus supaya tidak dimakan oleh kucing	– لَا تَجْعَلْ نَفْسَكَ فَارًّا كَيْلَا يَأْكُلَكَ الْقِطُّ
58.	(73:359) Jangan percaya serigala menjaga kambing.	– لَا تَأْمَنِ الذَّنْبَ عَلَى الشَّاةِ – لَا تَضَعِ الْحَمَلَ فِي رِعَايَةِ الذَّنْبِ
59.	(75:372) Jika intan itu keluar dari mulut anjing sekalipun, ia akan bernama intan juga.	– الْخَمْرُ الْجَيِّدُ لَا يَحْتَاجُ إِلَى إِعْلَانٍ
60.	(75:373) Jika kepalanya ular, tak akan ekornya belut	– كَمَا يَكُونُ الْأَبُ يَكُونُ الْابْنُ

## **LAMPIRAN B**

### **Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab (JASPPMA)**

<b>Bil</b>	<b>Peribahasa Melayu ( Versi asal )</b>	<b>Peribahasa Arab ( Versi terjemahan )</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Strategi</b>

## LAMPIRAN C

### Surat Kepada Responden Kajian

اسم الباحثة : نور الأنيس بنت ابراهيم

العنوان : بوكيت كمبير، ليدغ ، جوهور

رقم الهاتف : 013-7872308

#### طلب التعاون في الإجابة عن أسئلة المقابلة

أفيدكم علماً بأني نور الأنيس بنت إبراهيم (TGA100013) طالبة الماجستير في كلية اللغات واللسانيات، وأنا الآن بصدد إجراء البحث بعنوان "تحليل إستراتيجية ترجمة الأمثال الملايوية إلى العربية". وهدف البحث تقييم فعالية إستراتيجية ترجمة الأمثال العربية إلى الملايوية.

لهذا أرجو منكم التكرم بملاحظة جدول الأمثال العربية في تحليل إستراتيجية ترجمة الأمثال الملايوية إلى العربية (JASPPMA) ثم الإجابة عن أسئلتها لمعرفة مدى مطابقة الترجمة للنص الأصلي.

هذا وجميع المعلومات التي تم جمعها سرية وتستخدم لغرض البحث فقط. وفي حالة ضرورة نشر النتائج فإن أسمائكم غير مسجلة في أي شكل من أشكال البيانات في البحث. كما أن مشاركتكم في هذه الدراسة تطوعية، فيمكنكم الانسحاب منها في أي وقت بعد الموافقة عليها. إذا كانت هناك أسئلة إضافية منكم تتعلق بالدراسة فإن الباحثة مستعدة للإجابة عنها بصدق وأمانة.

شكراً على حسن تعاونكم في إنجاز هذا البحث، وجزاكم الله خير الجزاء.

-----  
توقيع الباحثة

الاسم : نور الأنيس بنت ابراهيم

التاريخ : 15 مايو 2013

## LAMPIRAN D

### Surat Kebenaran Mengumpul Data



**UNIVERSITY  
OF MALAYA**

UM.T/606/01(b)  
7 January 2013

TO WHOM MAY CONCERN

Dear Sir/ Madam,

#### RESEARCH FOR MASTER'S STUDENT

This is to confirm that NurulHanis binti Ibrahim, IC No. 880313-23-5002 and Matric No. TGA 100013 is a registered student for the programme of Master of Modern Language at the Faculty of Languages and Linguistics, University of Malaya. She has been registered since semester 2 academic session 2010/2011.

She is required to write a dissertation to fulfill the requirements of the degree. We would appreciate it very much if she is allowed to carry out a questionnaire survey, conduct interviews and collect data at your place as part of her research work.

We thank you for your cooperation.

Yours sincerely,

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'J. Mior Jaafar'.

**DR. JAWAKHIR MIOR JAAFAR**  
Deputy Dean (Postgraduate Studies)  
Faculty of Languages and Linguistics

ESA/and

#### FACULTY OF LANGUAGES AND LINGUISTICS

University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Dean's Office: (603) 7967 3177 • Fax: (603) 7957 9707 • E-mail: dekan\_fb@um.edu.my  
Postgraduate Office: (603) 7967 3144 • Fax: (603) 7957 9707 • E-mail: doffi\_pgrad@um.edu.my  
Undergraduate Office: (603) 7967 3002/3029 • Fax: (603) 7967 3155 • E-mail: dekan\_fb@um.edu.my  
Department Office: (603) 7967 3032/3053/3055 • Fax: (603) 7957 9707  
Media Unit: (603) 7967 3065/3056 • Fax: (603) 7957 9707 • E-mail: husni@um.edu.my

## LAMPIRAN E

### Bahagian (A) - Maklumat Profil Responden

رقم العينة :
١- المعلومات الشخصية
<ul style="list-style-type: none"><li>• الجنس : ذكر ( ) أنثى ( )</li><li>• العمر :</li><li>• الكلية :</li><li>• المرحلة الدراسية / الأكاديمية : بكالوريوس ( ) ماجستير ( ) دكتوراه ( )</li><li>• البلاد :</li></ul>

## LAMPIRAN F

### Bahagian (B) – 1. Soalan Temu Bual Semi Berstruktur

1. هل سبق أن تعرف المثل الأول / الثاني / الثالث ... من قبل ؟

2. ماذا تفهم / تفهمين من هذا المثل الأول / الثاني / الثالث ... ؟

## LAMPIRAN G

### Bahagian (B) – 2: Jadual Peribahasa Arab (JPA) Yang Ditemu Bual

الأمثال في هذا الجدول أمثال ملايوية ترجمت إلى اللغة العربية :

رقم	الأمثال العربية
1.	الفيلُ ذو الرَّئِيسَيْنِ يَهْلِكُ
2.	يَأْكُلْنِي سَبْعٌ وَلَا يَأْكُلْنِي كَلْبٌ
3.	الْوَحْدَةُ خَيْرٌ مِنْ جَلِيسِ السُّوءِ
4.	يُعَلِّقُ اللُّؤْلُؤُ فِي عُنُقِ الْحَنْزِيرِ
5.	لَا تَضَعِ الْحَمَلَ فِي رِعَايَةِ الذِّئْبِ
6.	كَالْغَزَالِ النَّفُورِ

## LAMPIRAN H

### Contoh Soalan Dan Transkripsi Temu Bual

#### Responden Lelaki

#### Transkripsi Subjek Temu Bual 1 (STB1)

**Tarikh** : 15 Mei 2013

**Hari** : Rabu

**Masa** : (15 minit)

**Tempat** : Perpustakaan Universiti Malaya

1.	<p><b>Soalan : Adakah anda tahu peribahasa pertama/ kedua/ ketiga...?</b></p> <p>هل سبق أن تعرف المثل الأول / الثاني / الثالث ... من قبل ؟</p> <p><b>Jawapan :</b></p> <p>1.tidak tahu</p> <p>2.tidak tahu</p> <p>3.tahu</p> <p>4.tidak tahu</p> <p>5.tahu</p> <p>6.tidak tahu</p>
2.	<p><b>Soalan : Apa yang anda faham daripada peribahasa pertama/ kedua/ ketiga ..?</b></p> <p>ماذا تفهم / تفهمين من هذا المثل الأول / الثاني / الثالث ... ؟</p> <p><b>Jawapan :</b></p> <p>1.الفيل ذو الرئسين يهلكُ.</p> <p>-perlu memilih seorang pemimpin sahaja di satu-satu tempat</p>



يَاكُنِّي سَعٌ وَلَا يَأْكُنِّي كَلْبٌ. 2.

-manusia menghormati kamu dan dia memberi kamu kuasa dan kedudukannya, maka janganlah menerima apa yang tidak sepatutnya

الْوَحْدَةُ خَيْرٌ مِنْ جَلِيسِ السُّوءِ. 3.

-seseorang yang menjauhkan diri daripada membuang masa seperti berkawan dengan kawan yang berakhlak buruk dan bercakap perkara yang tidak penting

-seorang yang menjauhkan diri daripada kawan yang tidak baik dan bersendirian. Dia sentiasa mengingati Allah dan beribadat kepada-Nya

يُعَلِّقُ اللَّوْلُو فِي عُنُقِ الْحَنْزِيرِ. 4.

-sebahagian manusia tidak mempunyai pandangan atau kepintaran. Oleh yang demikian mereka salah dalam meletakkan hukuman ke atas individu

لَا تَضَعِ الْحَمَلَ فِي رِعَايَةِ الذِّئْبِ. 5.

-seseorang perlu mengetahui bagaimana memilih dan meletakkan perkara pada tempatnya

كَالْغَزَالِ النَّفُورِ. 6.

-rusa untuk perempuan yang cantik

-lari : bukan mudah mencapainya / sukar dikawal

## Responden Lelaki

### Transkripsi Subjek Temu Bual 4 (STB4)

**Tarikh** : 15 Mei 2013

**Hari** : Rabu

**Masa** : (15 minit)

**Tempat** : Perpustakaan Universiti Malaya

1.	<p><b>Soalan : Adakah anda tahu peribahasa pertama/ kedua/ ketiga...?</b></p> <p>هل سبق أن تعرف المثل الأول / الثاني / الثالث ... من قبل؟</p> <p><b>Jawapan :</b></p> <p>1. tidak tahu (tidak pernah dengar sebelum ni) – tapi faham sebab bagi dalil dari Quran yang seerti. Gajah tiada di Yaman</p> <p>2.tidak tahu</p> <p>3.tahu</p> <p>4.tidak tahu</p> <p>5.tahu (pernah dengar tapi tidak pasti)</p> <p>6.tidak tahu</p>
2.	<p><b>Soalan : Apa yang anda faham daripada peribahasa pertama/ kedua/ ketiga ..?</b></p> <p>ماذا تفهم / تفهمين من هذا المثل الأول / الثاني / الثالث ...؟</p> <p><b>Jawapan :</b></p> <p>1. الفيل ذو الرئسين يهلك.</p> <p>-شبيهة بآية القرآنية ، قال الله تعالى: (( لَوْ كَانَ فِيهِمَا آلِهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا ... )) { الأنبياء :22}</p> <p>Maksudnya : kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya.</p> <p>-peribahasa lain : apabila ramai tukang masak, maka rosaklah bubur</p>

## 2. يَأْكُلْنِي سَبْعٌ وَلَا يَأْكُلْنِي كَلْبٌ.

- selalu lihat kepada yang lebih baik kerana anjing lebih rendah kedudukannya daripada harimau.
- menunjukkan kepada kekuatan dan ketinggian status, kedudukan manusia atau menunjukkan kekuatan dan kelemahan seseorang

## 3. الْوَحْدَةُ خَيْرٌ مِنْ جَلِيسِ السُّوءِ.

- dalam hadis : ((sahabat yang baik lebih baik daripada sahabat yang buruk))
- tinggal bersendirian lebih baik bagi kamu daripada berteman dengan rakan yang akhlaknya buruk

## 4. يُعَلِّقُ اللُّؤْلُؤَ فِي عُنُقِ الْحَنْزِيرِ.

- orang yang membuat kebaikan tetapi bukan kepada ahlinya
- membantu seseorang yang tidak sepatutnya

## 5. لَا تَضَعِ الْحَمَلَ فِي رِعَايَةِ الذَّنْبِ.

- jangan tinggalkan harta kamu di sisi orang yang tiada amanah

## 6. كَالْغَزَالِ النَّفُورِ.

- rusa itu bergerak pantas dan apabila ia berlari, maka pergerakannya bertambah laju
- menunjukkan keadaan yang diganggu dan tidak stabil

## **LAMPIRAN I**

**Borang Pengesahan Semakan Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa  
Melayu-Arab (JASPPMA), Soalan Temu Bual dan Jadual Peribahasa Arab (JPA)  
Yang Ditemu Bual**

**TAJUK KAJIAN : ANALISIS STRATEGI PENTERJEMAHAN PERIBAHASA  
MELAYU KE BAHASA ARAB**

**1) Ulasan Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu-Arab  
(JASPPMA):**

--

**2) Ulasan Soalan Temu Bual :**

--

**3) Ulasan Jadual Peribahasa Arab (JPA) Yang Ditemu Bual :**

--

**Tandatangan Penilai :**

**Tarikh :**

**Nama Penilai :**

**Cop Jawatan :**